

Laporan in belum dikemaskini

Senarai Ahli dilampirkan
Kandungan dilampirkan

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 1 November 1999

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengukuhkan lagi prestasi pencapaian ekonomi negara ke alaf baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan lagi prestasi ekonomi sebahagiannya telah pun dilaksanakan di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Negara terutamanya sejak awal September 1998. Antara yang utama ialah:

- melaksanakan dorongan fiskal untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi, terutamanya yang dapat meningkatkan perbelanjaan dalam negeri dan aktiviti perniagaan;
- mengamalkan dasar kewangan yang longgar bagi menyokong pertumbuhan ekonomi, termasuk menyediakan pembiayaan pinjaman pada kos yang rendah;
- menyusun semula dan menstabilkan sistem kewangan. Ini termasuk menubuhkan Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat bagi menangani masalah hutang tidak

berbayar, menyuntik modal sistem perbankan dan menggalakkan penstrukturan semula korporat;

- mendorong penggabungan bank-bank tempatan bagi mengukuhkan lagi sistem perbankan supaya lebih berdaya saing dalam menghadapi arus globalisasi dan liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan; dan
- memperkenalkan kawalan modal secara terpilih dan menstabilkan nilai Ringgit pada awal September 1998 bagi melindungi ekonomi negara daripada kesan risiko dan ketidakstabilan luaran.

Di samping itu, kerajaan juga memutuskan untuk memperkemas sistem pentadbiran cukai negara, iaitu dengan meminta sistem taksiran cukai berasaskan tahun sebelum kepada sistem cukai berasaskan tahun semasa berkuatkuasa pada tahun 2000. Persediaan bagi menempuh alaf baru ini akan membolehkan kerajaan mengutip cukai secara cekap dan cepat bagi memastikan aliran tunai kerajaan menggambarkan prestasi ekonomi semasa.

Pembentangan Belanjawan 2000 baru-baru ini juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi prestasi pencapaian ekonomi negara ke alaf baru. Langkah-langkah Belanjawan ini telah pun dijelaskan secara terperinci di Dewan yang mulia ini pada 29 Oktober 1999.

Apa yang jelas, kerajaan sentiasa berusaha dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran luaran dan dalaman pada masa terdekat mahupun jangka panjang bagi meletakkan pertumbuhan ekonomi negara di landasan yang kukuh dan mapan. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan kerajaan telah pun berjaya memulihkan ekonomi negara. Pada tahun ini, KDNK dijangka berkembang pada 4.3% selepas menguncup 7.5% pada tahun 1998. Kerajaan yakin kadar pertumbuhan KDNK negara akan meningkat kepada 5% pada tahun 2000 berikutan langkah-langkah yang diperkenalkan semasa pembentangan Belanjawan 2000.

Untuk ini, kerjasama dan sokongan rakyat adalah penting untuk kemajuan ekonomi. Rakyat hendaklah jangan terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang tidak mahu melihat negara mencapai kemajuan. Mereka tidak faham mengenai dasar-dasar ekonomi dan sosial negara. Justeru itu, kita perlu yakin di atas kemampuan kita sendiri untuk membawa negara ke mercu kejayaan.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Pada masa ini negara kita mengenakan faedah yang rendah kepada simpanan-simpanan tunai di bank sekitar 3.5% hingga 4.5%, apakah ada kecenderungan kepada pengeksport-pengeksport kita tidak mahu bawa balik duit hasil eksport dan mereka menyimpan di luar negara. Apakah kerajaan memantau keadaan ini dan apakah kesan jangka panjang kepada pertumbuhan ekonomi negara?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kita ada cara. Pertamanya, jika pelabur-pelabur yang melabur di luar negara terpaksa memberitahu Bank Negara mengenai pelaburan-pelaburan yang dibuat.

Keduanya, dahulu semasa kegawatan ekonomi kita telah minta pelabur-pelabur kita di luar negara yang mempunyai keuntungan membawa balik keuntungan itu. Tetapi sekarang ini kita telah pun kendurkan. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa individu yang hendak membawa duit ke luar negara ada hadnya sebanyak RM1,000.

Yang ketiganya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita ingin melihat *South-South Dialogue* ataupun interaksi dengan negara-negara Afrika lebih maju dan lebih berjaya supaya *South-South Dialogue* ini dapat kita mantapkan supaya dapat ia bersatu apabila kita mengadakan dialog di antara *North* dan *South*. Oleh kerana itu, kita telah pun meminta semua pelabur kita yang berdaya maju untuk melabur di luar negara.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat beritahu dalam meningkatkan prestasi pencapaian ekonomi negara kita ini ke alaf baru, adakah kerajaan telah terlupa atas pengorbanan orang-orang yang telah menyumbang banyak masa dan nyawa mereka dalam memperkembangkan ekonomi negara ini, di antaranya adalah orang-orang yang telah bersara. Saya difahamkan mereka tidak diberikan apa-apa ganjaran atau *increment* seperti yang diberi kepada lain-lain kakitangan kerajaan. Mereka yang dikatakan lebih kurang 500,000 orang di negara ini. Dalam keadaan ini mereka sangat menghadapi masalah-masalah yang tertentu dan apakah yang akan diberi pertolongan dari segi kewangan atau dalam sistem ekonomi yang sedia ada?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat sangat prihatin tentang angkatan bersenjata kita sama ada polis ataupun askar. Selalunya ahli-ahli politik parti pembangkang *they try to down grad the integrity of the police force*, dengan izin. Yang

keduanya, kalau kita lihat dalam Belanjawan kita, pesara-pesara yang telah pun bersara, oleh kerana ini merupakan bonus, kita telah beri hari itu ongkosnya untuk menstabilkan keadaan *purchasing power* mereka, tetapi pada kali ini dalam Belanjawan apa yang kita harapkan oleh kerana pesara-pesara ini banyak menyimpan wang dan apa yang dikatakan oleh Sipitang tadi oleh kerana *interest* nya rendah kalau disimpan di dalam bank, jadi kita telah menyediakan agar pesara-pesara ini membeli bon sama ada secara konvensional ataupun cara syariah supaya pulangnya dapat tinggi dan oleh kerana itu dapat kita melihat bahawa simpanan pencen orang-orang pencen ini dapat kita atasi masalah-masalah *interest* yang begitu rendah.

[Soalan No. 2 – Y.B. Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) tidak hadir]

3. **Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]** minta Perdana Menteri menyatakan rasional tindakan monopoli Tabung Haji dalam urusan fardu haji sehingga timbul dakwaan ramai bakal haji menjadi mangsa terkandas dan menghadapi pelbagai kesulitan kerana sekatan-sekatan visa haji dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Akta Lembaga Tabung Haji 535/1995 memberi kuasa kepada Tabung Haji mengendalikan sepenuhnya urusan haji untuk rakyat Malaysia tetapi sejumlah 20% dari bilangan kuota jemaah haji yang diluluskan oleh kerajaan Arab Saudi setiap tahun diberi kepada syarikat-syarikat swasta yang diluluskan oleh Tabung Haji. Bakal-bakal haji ataupun jemaah haji yang menjadi mangsa dan terkandas serta menghadapi pelbagai kesulitan ini adalah kerana mereka menggunakan syarikat-syarikat swasta yang tidak diluluskan oleh Tabung Haji dan mereka termasuk dalam Akta Tabung Haji.

Kegagalan mendapatkan visa oleh syarikat-syarikat tersebut adalah di luar tanggungjawab Tabung Haji. Walau bagaimanapun, Tabung Haji akan mengambil tindakan undang-undang ke atas syarikat-syarikat yang terlibat.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu dan difahamkan oleh jemaah haji yang balik bahawa syarikat-syarikat swasta yang telah diberi peluang untuk membawa jemaah haji ini banyak yang mengutuk dan menyebarkan fitnah terhadap kerajaan. Adakah kementerian Yang Berhormat sedar

perkara ini sebab setahu saya salah satu yang selalu berceramah di kampung-kampung iaitu Ustaz Ismail Kamus, beliau adalah salah satu yang mendapat pakej. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah kementerian tahu bahawa pakej syarikat-syarikat yang diberi peluang ini menjalankan tugas untuk membawa jemaah haji dan bukan menyebarkan fitnah di Tanah Suci dan mengutuk Kerajaan Malaysia.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Memang kita mendengar di antara beberapa orang jemaah haji yang balik mengadu demikian rupa. Tetapi bilangannya tidaklah begitu banyak. Walau bagaimanapun, memanglah syarikat kita memilih syarikat-syarikat berkenaan itu supaya benar-benar menjalankan urusan Tabung Haji. Oleh kerana beberapa perkara kita hadapi sama ada syarikat yang kita pilih di bawah konsortium ataupun syarikat yang bersendirian dan membawa jemaah haji di tahun-tahun yang lepas adalah dipilih oleh syarikat induk. Tetapi kali ini kita telah memilih sebanyak 25 syarikat yang terus diberi oleh Tabung Haji sendiri dan syarikat-syarikat ini telah diiklankan dalam surat khabar. Jadi, mana-mana jemaah haji yang hendak pergi melalui syarikat yang diluluskan oleh Tabung Haji ini boleh terus urus dengan syarikat yang berkenaan. Ini boleh memudahkan lagi kita memantau apa-apa yang berlaku sebab syarikat itu adalah di bawah pilihan Tabung Haji sendiri.

Kemudian, yang hendak difahamkan ialah siapa yang pergi melalui syarikat dan diluluskan oleh Tabung Haji ini juga mestilah daripada ahli haji yang masuk dalam kuota 2000, bukan dia berasingan. Bererti dia akan menyerahkan kepada Tabung Haji dan Tabung Haji akan memberitahu siapa yang masuk dalam syarikat-syarikat berkenaan, bukannya dia mengambil jemaah haji ini mengikut pilihan syarikat sendiri tetapi di bawah pilihan yang ditentukan cadangan permohonan-permohonan daripada mereka dan diluluskan oleh Tabung Haji sendiri. Insya-Allah, kita cuba sedapat mungkin supaya orang yang pergi haji ini benar-benar mengerjakan ibadah rukun Islam yang kelima, bukan bertujuan untuk mengeji atau membuat fitnah yang bukan-bukan kerana kita bimbang, kita hendakkan haji mabrur tetapi kita bimbang bukan haji yang kita perolehi sebagaimana yang kita kehendaki.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi yang jelas menunjukkan bahawa kerajaan dapat mengesan dan dapat maklumat bahawa ada syarikat-syarikat haram yang tidak

berdaftar mengendalikan jemaah haji ini. Soalan saya, adakah pihak kementerian telah membuat kajian sebab-sebab dan mengapa mereka ini sanggup pergi dengan syarikat-syarikat yang tidak berdaftar. Adakah kerana mereka ini memahami fahaman yang mengatakan kalau pergi mengerjakan haji melalui Tabung Haji ini, mereka katakan Tabung Haji ini seolah-olah tidak mengikut Islam kerana kononnya sebab macam-macam duit tabungan, pelaburan Tabung Haji, mereka kata tidak mengikut syarikat dan sebagainya. Adakah mereka ini dipengaruhi oleh dalang-dalang tertentu ataupun mereka ini memang tidak dapat kuota untuk pergi juga menunaikan haji. Jadi, adakah pihak kementerian membuat kajian secara mendalam supaya perkara ini tidak lagi berulang.

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kajian secara mendalam kita tidak buat. Tetapi apa yang kedapatan kadangkala ada antara syarikat yang hendak mencari keuntungan dalam hal ini, apatah lagi kalau syarikat itu dikelolakan oleh orang yang bukan memihak kepada kerajaan, sudah barang tentu mereka akan mencari jemaah haji yang hendak pergi kepada mereka ialah orang yang menyokong mereka. Ini kita tidak boleh menafikan banyak berlaku demikian rupa.

Selain daripada itu, sudah barang tertentu mereka akan membuat bermacam-macam tuduhan mengatakan kalau melalui Tabung Haji mungkin tidak selesa dan sebagainya. Pada hal yang melalui merekalah yang ramai terkandas sebenarnya. Sebab itulah, kita mengharaplah kepada syarikat-syarikat yang kita pilih ini biar benar-benar memberi dorongan kepada orang yang pergi melalui Tabung Haji itu benar-benar berniat untuk pergi haji itu, untuk menunaikan rukun Islam sebagaimana saya katakan tadi rukun Islam yang kelima. Memang ada di antara pihak parti-parti tertentu, usah hendak mengatakan mengikut Tabung Haji, mungkin berbagai-bagai, dalam bidang lain pun mereka berani mengatakan berbagai-bagai kepada kita. Sebab itulah kita berharap kepada jemaah haji supaya benar-benar mereka pergi haji ini dapat menunaikan haji dengan lebih selesa.

Sukacita saya menjelaskan bahawa di antara jemaah haji yang melalui Tabung Hajilah yang lebih tersusun kalau dibandingkan jemaah haji di seluruh dunia. Jadi, kalau kita sendiri tidak mahu mengiktiraf dan mengkeji-keji, ini kita tidak tahulah apa sikap orang yang demikian rupa. Sepatutnya dia memberitahu kepada orang luar bahawa

jemaah haji dan melalui Tabung Haji antara yang terbaik menguruskan orang pergi haji ketika ini.

Di samping itu, walau bagaimana keadaan sekalipun, simpanan Tabung Haji juga bertambah dari masa ke semasa. Bahkan dalam tahun 1999 ini sehingga bulan September sejumlah 237,477 orang mendaftar dengan Tabung Haji. Boleh dikatakan tiap-tiap bulan melebihi kuota sepatutnya lebih daripada 22,000 tiap-tiap bulan mereka mendaftar. Ini merupakan satu perkara yang baik. Kita sekarang telah menyimpan sebanyak RM7.2 bilion simpanan terkumpul dengan jumlah orang yang menyimpan ialah sebanyak 3.7 juta. Ini merupakan satu perkembangan yang amat baik. Kita mengharapkan supaya umat Islam di negara kita melalui Tabung Haji, insya-Allah, mudah-mudahan hasrat itu akan ditunai dengan lebih baik lagi.

4. **Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop [Alor Gajah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa terdapat rungutan di mana banyak syarikat kawalan keselamatan yang telah dilesenkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 telah melanggar syarat-syarat lesen seperti memajakkan atau menyewakan lesen mereka kepada syarikat-syarikat lain untuk menjalankan perniagaan perkhidmatan keselamatan, menggunakan warna uniform berlainan dari yang ditetapkan dan lain-lain kesalahan, apakah bentuk tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa sehingga kini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa memantau kegiatan syarikat-syarikat kawalan keselamatan yang melanggar syarat-syarat pelesenan.

Dalam tahun 1998 dan sebelumnya, kementerian telah membatalkan lesen 15 buah syarikat dan 22 buah syarikat telah diberi surat tunjuk sebab. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 1999, sejumlah 138 daripada jumlah 221 buah syarikat kawalan keselamatan telah dikenal pasti melanggar pelbagai syarat pelesenan termasuk menyewakan lesen, menggaji warga asing sebagai pengawal keselamatan, menukar warna pakaian seragam, menggunakan senjata api tanpa lesen *carry and use*, menggunakan senjata api milik RELA ataupun persendirian dan sebagainya. Surat tunjuk sebab sedang dan akan dikemukakan kepada 138 buah syarikat tersebut sebelum tindakan yang lebih berkesan dikenakan termasuk amaran, menggantung dan membatalkan lesen.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, semasa lesen ini diberikan

kepada pengusaha-pengusaha syarikat keselamatan ini adakah syarat-syarat dikenakan tentang kelayakan seseorang yang ingin memegang jawatan sebagai Pengawal Keselamatan? Sebab saya tengok sebahagian besar daripadanya terdapat pengawal-pengawal keselamatan yang nampaknya tidak mampu hendak pegang senjata pun ada, umur yang terlalu tua dan sebagainya. Macam mana hendak jaga keselamatan kalau – kita nampak pun tidak yakin dia boleh. Adakah pihak kementerian mengenakan syarat dari segi umur, kesihatan, ketinggian, bentuk badan dan sebagainya? Tidak sebarang orang boleh diambil untuk memegang jawatan itu.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, semasa sesebuah syarikat itu dilesenkan memang syarat-syarat yang ketat dikenakan terhadap mereka termasuk syarat-syarat bagi Pengawal Keselamatan. Mereka perlulah terlebih dahulu lulus tapisan keselamatan, mereka mestilah sihat, mereka mesti warganegara Malaysia, kalau umur terlalu tinggi mereka tidak boleh lagi kerja *a few work*, katakan dia hanya boleh bantu di dalam *office, paper work*, dengan izin, dan sebagainya.

Itulah sebabnya saya katakan tadi 138 buah syarikat telah langgar peraturan. Daripada butiran yang saya ada saya dapati 18 syarat telah mereka langgar. Nampaknya, mereka ini sudah mula ada kelonggaran dari segi disiplin.

Jadi, Kementerian Dalam Negeri sedang buat sesuatu untuk memastikan mereka ini kena serius tentang tugas yang telah diberikan kepada mereka kerana tugas itu adalah tugas penting untuk menjaga harta benda, keselamatan orang. Jadi, mereka perlulah lebih kurang macam polis yang amanah dan juga layak.

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian menetapkan kadar caj perkhidmatan kawalan keselamatan kerana didapati kadar yang dikenakan berbeza antara syarikat dan caj yang tinggi juga?

Dato' Ong Ka Ting: Setahu saya persatuan syarikat-syarikat kawalan keselamatan ini memang mereka ada persetujuan.

Jadi, kadar caj itu adalah munasabah, kalau sekiranya ada mana-mana syarikat yang mengenakan bayaran terlalu tinggi, pelanggan boleh menolak, janganlah mereka terima sahaja. Semaklah dengan harga yang berpatutan di pasaran sebelum mereka buat dan mendapatkan perkhidmatan kawalan keselamatan itu.

5. **Tuan Lim Hock Seng [Bagan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada penguatkuasaan Akta Pemansuhan Kawalan Sewa akan ditunda, jika tidak, sila beritahu langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk membantu penyewa-penyewa yang miskin.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan tidak ada rancangan untuk melanjutkan tempoh penguatkuasaan Akta Pemansuhan Kawalan Sewa 1997 selepas 31 Disember 1999. Bagi membantu penyewa-penyewa yang miskin kerajaan telah memperuntukkan rumah kos rendah dan sederhana rendah sama ada untuk dibeli atau disewa. Selain daripada itu kerajaan-kerajaan negeri juga diminta menubuhkan Tabung Khas di peringkat negeri bagi membantu pemilik premis dan juga penyewa-penyewa kawalan sewa yang miskin.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan Pusat telah mengumumkan bahawa satu jumlah RM80 juta diperuntukkan kepada Kerajaan Pulau Pinang dan Kerajaan Pulau Pinang pula telah tambah lagi RM20 juta menjadikan RM100 juta. Ini untuk tujuan meminjam kepada pemilik-pemilik kedai atau pemilik-pemilik rumah yang dikawal sewa untuk kerja-kerja ubahsuai. Selepas itu disewa balik kepada penyewa-penyewa yang sedia ada dengan kadar yang munasabah. Mengapa kerajaan tidak mahu menggunakan tabung ini dijadikan satu pinjaman dengan kadar faedah yang rendah, terus kepada penyewa-penyewa yang terlibat untuk mencari kediaman mereka sendiri?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Seperti yang saya jelaskan di peringkat awal memang kerajaan hendak membantu kedua-dua pihak, satu pemilik, yang kedua penyewa. Kepada pihak pemaju kita sediakan tabung khas.

Yang Berhormat bagi Bagan menyatakan bahawa RM80 juta, memang betul Kerajaan Persekutuan setelah pihak kerajaan negeri meminta bantuan daripada Kerajaan Pusat, maka kita telah memberi bantuan sejumlah MR80 juta untuk membolehkan supaya penyelesaian masalah ini dapat kita capai. Di samping itu juga, seperti yang saya tekankan kita menggalakkan penyediaan rumah-rumah kos rendah kepada yang tidak berupaya, maka dengan itu mereka juga berhak untuk membeli dan menyewa tempat-tempat itu. Di samping itu juga, kita membantu pemilik dengan pinjaman itu boleh

diguna untuk mengubahsuai premis-premis yang sudah lama digunakan. Maknanya, kedua-dua pihaklah kita bantu. Bukan hanya – mereka juga berhak mendapat tempat dengan pembinaan rumah-rumah kos yang disediakan di negeri Pulau Pinang.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah apa-apa permohonan untuk mendapatkan peruntukan yang sama seperti yang telah dipohon oleh negeri Pulau Pinang ke negeri Perak dan jika ada, berapa yang telah diberi? Jika tidak, adakah kerajaan ingin memberi pertolongan terus kepada orang-orang yang sedang menyewa tempat itu? Saya baru balik daripada satu mesyuarat dengan lebih kurang 100 orang yang sedang menyewa di Ipoh. Di negeri Perak lebih kurang 6,000 rumah-rumah atau kedai-kedai terlibat dalam peratus ini. Mereka sangat rungsing kerana pada 1 Januari mereka akan hilang tempat perniagaan. Apakah tindakan supaya – macam mana rumah kos rendah dapat dilelong oleh mereka tetapi tempat perniagaan tidak disediakan oleh kerajaan?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Banyak soalan dalam satu. Walaupun dia punya simbol tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan – seperti yang saya nyatakan tadi memang sebetulnya pihak Kerajaan Pusat telah menasihatkan peringkat kerajaan-kerajaan negeri untuk menyediakan tabung-tabung. Kalau mempunyai masalah, mintalah supaya mereka berunding pada peringkat awal supaya mengkaji masalah itu secara terperinci. Seperti di negeri Pulau Pinang, kita telah mengkaji keadaan-keadaan ini, di mana kadang-kadang melibatkan hak penyewa, yang kadang-kadang sudah tandatangan. Bukan semua, kita dapati ada yang sudah tandatangan lima tahun, selepas itu penyewa yang pertama beri sewa pula kepada penyewa yang kedua. Penyewa yang kedua juga beri sewa kepada pihak-pihak yang tertentu, maka dengan ini kita semua pihak harus bantu, maka dengan itu kita harus mengawal keadaan-keadaan ini supaya ia dapat diatasi. Dengan itu pihak kerajaan-kerajaan negeri termasuk Perak tidak ketinggalan, Johor kalau mereka menghadapi masalah yang begitu mendesak, maka kita galakkan untuk memohon kepada Kerajaan Pusat dan kita akan sedia untuk membantu mereka .

[Soalan No. 6 - Y.B. Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam] tidak hadir]

[Soalan No. 7 - Y.B. Puan Lim Lay Hoon [Padang Serai] tidak hadir]

[Soalan No. 8 - Y.B. Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan] tidak hadir]

9. **Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan pencari kerja dengan kekosongan pekerjaan yang didapati pada tahun ini. Juga nyatakan bilangan pekerja yang diberhentikan dalam sektor swasta.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kangar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh bulan Januari hingga bulan September 1999, sejumlah 80,636 kekosongan pekerjaan telah dilaporkan oleh majikan kepada Kementerian Sumber Manusia. Dalam tempoh yang sama sejumlah 95,603 orang mendaftar sebagai pencari kerja dan 29,448 orang telah diberhentikan kerja. Jumlah yang diberhentikan adalah lebih rendah berbanding dengan jumlah 65,759 orang yang diberhentikan dalam tempoh yang sama pada tahun lalu iaitu tahun 1998.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa pencari-pencari kerja, bilangannya yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah daripada golongan muda. Di negara ini, kita dapati bahawa dengan izin, *medium age* bagi rakyat Malaysia ialah 23 tahun. Bererti lebih kira-kira 50% daripada rakyat Malaysia adalah tenaga muda.

Jadi, apakah perancangan pihak Kementerian Sumber Manusia bagi memperluaskan ataupun memajukan karier golongan muda ke arah persediaan untuk mendapat pasaran dalam pasaran pekerjaan?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa kebanyakan pekerja yang diberhentikan adalah daripada *medium age* yang bawah iaitu golongan muda, iaitu kalau saya nyatakan di sini lebih daripada 60% bilangan yang saya sebut diberhentikan adalah dari sektor pembuatan ataupun dengan izin, *manufacturing industries* dan boleh dikatakan semua adalah di bawah *medium age* yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kangar.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini juga kebanyakan yang diberhentikan di dalam sektor pembuatan ini boleh dikatakan semuanya telah diserap semula, diambil oleh kilang-kilang yang lain. Jadi, persoalan mereka menganggur tidak berbangkit di sini. Mereka diambil semula oleh kilang-kilang lain disebabkan oleh skill ataupun kemahiran yang sedia ada pada mereka. Pihak kerajaan di dalam merencanakan tenaga kerja untuk mengisi kehendak Wawasan 2020 iaitu negara maju di mana ekonomi perindustrian

memainkan peranan yang penting telah pun mengadakan rancangan-rancangan untuk melatih tenaga-tenaga kerja muda di dalam bidang industri yang canggih. Seperti di dalam bidang komputer, *robotic*, IT dan lain-lan lagi dan latihan perencanaan ini dapat Yang Berhormat lihat di dalam buku Belanjawan Tahun 2000 yang telah dibentangkan minggu lalu.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun 1980-an, apabila negara berdepan dengan masalah ekonomi. Dalam usaha untuk membantu lepasan universiti kerajaan telah mewujudkan Skim Khidmat Sambilan untuk siswazah.

Jadi, saya hendak tahu sama ada kerajaan juga mewujudkan skim sedemikian sekarang ini dan berapakah bilangan siswazah yang masih menganggur dan sejauh mana kejayaan berjaya mengatasi masalah yang mereka hadapi ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bentuk pengangguran ataupun bentuk masalah ekonomi ada masa itu dan sekarang seperti yang selalu disebut adalah berlainan. Di pertengahan tahun 1980-an, pada masa itu pengangguran negara cukup tinggi yang mana mengakibatkan banyak siswazah daripada universiti tidak dapat kerja. Tetapi pada krisis iaitu dalam masa dua tahun yang lalu, kadar pengangguran adalah rendah. Kadar pengangguran kita masih lagi di bawah 4% dan soal masalah siswazah yang keluar tidak dapat kerja, tidaklah begitu rumit dan tidak rumit langsung.

Jadi, ianya tidak berlaku sekarang. Kalau ianya berlaku pasti pihak Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan apa-apa program untuk menyerap mereka ke dalam pasaran buruh.

10. **Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah yang berhimpun secara haram di Masjid Negara baru-baru ini dan daripada jumlah orang tersebut berapa ramaikah yang terdiri dari orang-orang bukan Islam.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, perhimpunan secara haram yang diadakan di Masjid Negara pada 19 September 1999 telah dihadiri oleh seramai kira-kira 8,000 orang. Daripada jumlah tersebut dianggarkan seramai kira-kira 200 orang daripada mereka adalah terdiri daripada rakyat keturunan India dan Cina.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat mengesahkan di Masjid Negara ini adakah selain daripada orang-orang yang beragama Islam dibenarkan? Oleh kerana saya difahamkan ada pelawat-pelawat dari luar negeri yang kerap kali bukan beragama Islam dibenarkan dan apakah isu bahawa orang-orang yang menghadirinya pada hari itu seolah-olah dikatakan adalah orang yang bukan Islam dan menjadi satu isu yang diheboh-hebohkan oleh Barisan Nasional?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, masjid adalah tempat untuk sembahyang dan selain daripada itu kalau dapat kebenaran terlebih dahulu daripada pihak yang berkuasa secara teratur membenarkan pelawat, itu untuk satu tujuan yang baik. Tetapi apa yang sedih di sini ialah mereka yang tidak sepatutnya berada di situ semasa sembahyang, mereka sudah jadikan tempat itu demonstrasi dan menghasut orang untuk berdemonstrasi melanggar undang-undang.

Jadi, satu tempat yang suci sembahyang sudah jadi satu tempat dijadikan tempat bukan sahaja berpolitik juga menimbulkan ketegangan yang boleh menjejaskan keselamatan. Jadi, adakah mereka ini bertanggungjawab? Jadi, saya rasa Yang Berhormat sendiri tahu jawapannya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin mengambil kesempatan, pertama sekali mengucapkan tahniah kepada kecekapan polis mengatasi masalah demonstrasi pada hari tersebut. Tanpa kecekapan polis, saya rasa hari itu negara kita mungkin tidak seselamat seperti hari ini. Ini sebab pembangkang yang banyak sangat menghasut. DAP pun ada ini, PAS pun ada isu arsenik ini, pembohong sebab itu semua sudah buat tunjuk perasaan.

Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Arau, pun ada. *[Ketawa]* Ini sebab modal politik sudah tidak ada, dia sudah diam sekarang ini, kalau tidak itulah isu dia.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita dapati mereka yang terlibat terutamanya pemimpin-pemimpinnya mendapat publisiti yang meluas. Jadi, seolah-olah mereka ini menjadi hero ataupun menjadi juara kepada perjuangan-perjuangan yang kononnya didakwakan keadilan.

Jadi, saya hendak tanya mengapakah pihak-pihak polis menyiarkan nama-nama mereka ini dan memberi publisiti di dalam akhbar. Tidak bolehkah pihak polis hanya pergi tangkap diam-diam tanpa memberikan publisiti yang meluas kepada mereka yang

terbabit. Sebab apabila mereka ini diberi publisiti yang meluas, mereka menjadi hero dan menjadi sanjungan kepada anak-anak muda yang tidak tahu apa pun politik. Jadi, adakah di masa-masa yang akan datang pihak polis bertindak dengan diam-diam, *secret*, diam-diam jangan beri publisiti kepada orang yang tidak menghormati undang-undang ini.

Jadi, kalau ini kita buat kita memberi promosi kepada mereka yang boleh dikatakan pengkhianat dan juga orang-orang yang tidak mematuhi undang-undang di negara kita dan dia menjadi glamour, macam artis pula dia. *[Disampuk]* Bila hendak pergi ke balai polis, ramai pula yang mengiringinya. Ini sudah bukan menjadi penjenayah, sudah jadi hero. *[Disampuk]*

Jadi, apakah langkah pihak polis supaya perkara-perkara seperti ini tidak akan berulang di masa-masa akan datang dan tidak menggalakkan orang-orang melanggar undang-undang.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanjong Karang kerana telah pun memberi dorongan kepada pihak polis. Memang polislah yang cekap, polislah yang banyak berkorban dan polislah yang kena pukul, kena baling dengan batu dan sebagainya tetapi mereka tetap berani untuk menjaga keselamatan. Kalau tidak, saya tidak dapat bayangkan apa akan terjadi kepada Kuala Lumpur.

Mereka yang gambarnya disiarkan, bukan bertujuan untuk memberi publisiti. Gambar-gambar yang disiarkan adalah untuk mendapatkan bantuan orang awam untuk menangkap mereka sebab mereka ini berani pergi buat demonstrasi tetapi tidak berani mengaku atau serah diri. Mereka bersembunyi, itu sebabnya kita letakkan gambar tetapi ramai juga orang tidak menganggap mereka ini juara, mereka anggap mereka ini adalah anasir-anasir yang melanggar undang-undang yang menimbulkan huru-hara sampai negara kita tidak boleh aman. Lebih-lebih lagi tujuan demonstrasi itu adalah satu pembohongan yang besar, kata ada keracunan *arsenic*, lepas itu tidak ada, maknanya mereka yang membuat demonstrasi ini telah pun membuat sesuatu yang tidak berasas, lepas itu orang sudah tidak anggap mereka juara. Rakyat yang *law abiding citizen*, dengan izin, telah pun berkata mereka ini semua cuba hendak cari pasal, tidak akan bawa faedah kepada negara dan rakyat .

[Soalan No. 11 - Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] tidak hadir]

[Soalan No. 12 - Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar] tidak hadir]

13. **Dato' Hon Choon Kim [Seremban]** minta Menteri Pertanian menyatakan sebabnya Pusat Penyembelihan Babi di Seremban masih ditutup dan nyatakan bilangan babi yang disembelih di negeri lain seperti Melaka dan Selangor untuk dibawa masuk ke Negeri Sembilan setiap hari.

Timbalan Menteri Pertanian [Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang Dipertua, dalam usaha kerajaan untuk mengawal penyakit Nipah dan JE, Rumah Sembelih Khinzir Senawang di Seremban ditutup bagi mengurangkan pergerakan babi hidup yang menjadi punca utama dalam penyebaran penyakit Nipah. Pada masa itu, semua kerajaan negeri mengenakan sekatan ke atas pergerakan babi hidup antara negeri dan hanya membenarkan karkas babi untuk dipindahkan antara negeri.

Pemusnahan semua ladang khinzir di Negeri Sembilan telah menghapuskan bekalan khinzir hidup kepada Rumah Sembelih Khinzir Senawang yang selama ini hanya bergantung kepada bekalan dari Bukit Pelanduk dan Seremban. Aktiviti penyembelihan khinzir di Rumah Sembelih Senawang tidak dapat disambung memandangkan kontraktor dijangka akan mengalami kerugian besar kerana pendapatan tidak cukup untuk menampung kos pengendalian dan sewa yang ditetapkan. Bekalan babi hidup ke Rumah Sembelih Senawang juga tidak dapat dijamin kerana pihak penternak lebih cenderung untuk menggunakan rumah sembelih babi yang lain yang terdekat.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Seremban, bilangan karkas babi yang dibawa masuk ke Negeri Sembilan daripada Rumah Sembelih Melaka dan Rumah Sembelih Shah Alam adalah lebih kurang 1,700 karkas sebulan atau secara purata sebanyak 57 karkas sehari.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu, apakah keadaan industri khinzir di negara kita setelah penyakit JE merebak tahun lalu, jika dipandang dari segi bekalan dan permintaan dalam negara. Adakah kementerian mempunyai cadangan ataupun dasar untuk mengzonkan kawasan di tiap-tiap negeri ataupun di *specific* kawasan di seluruh negara bagi menggalak pihak penternak memelihara khinzir secara komersial tanpa pencemaran alam sekitar.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Baram. Memang pada masa ini kementerian saya telah berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat supaya dapat mengenal pasti satu kawasan atau dizonkan dan dijalankan secara *integrated*. Jadi, dari segi keselamatan apa yang kita pentingkan ialah sistem kumbahan atau sistem pembersihan hendaklah dijalankan. Jadi, ini sudah pasti memakan masa. Walau bagaimanapun, saya yakin bahawa industri ini akan terus dijalankan supaya bekalan keperluan dalam negeri akan dapat ditampung.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri kerana memang betul-betul kalau pada awalnya dapat memberikan sekatan-sekatan supaya kerajaan dapat mengawal keadaan pada peringkat awalnya tetapi sekarang ini JE atau wabak Nipah sudah tidak timbul masalah lagi, jadi sama ada kerajaan akan menimbang semula supaya pusat penyembelihan dibuka semula kerana buat masa sekarang ini pengusaha-pengusaha kena pergi ke Melaka dan juga Johor dan negeri Selangor untuk membeli babi yang hidup, lepas itu bawa ke pusat penyembelihan di Melaka dan memandangkan kapasiti di Melaka pun terhad, dia terpaksa membawa babi dari Melaka melalui Negeri Sembilan pergi ke Shah Alam untuk disembelih. Lepas itu bawa karkasnya ke Seremban atau ke tempat-tempat di Negeri Sembilan. Jadi, ini menimbulkan banyak masalah. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menimbang semula supaya dapat membenarkan mereka mengamalkan sistem macam dahulu kerana ini akan menyenangkan mereka untuk mengendalikan kerja-kerja mereka.

Tengku Dato' Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Seremban. Sebagaimana yang saya jelaskan, pemindahan babi hidup itu yang kita bimbangkan kerana takut virus Nipah dan JE ini akan berkembang balik. Jadi di mana pusat penternakan di situ disembelih, lepas itu baru bawa karkas yang ada.

Jadi, pada masa ini di sekitar Negeri Sembilan, Selangor dan Melaka, kita tumpukan di Rumah Sembeliah Melaka dan Rumah Sembelih Shah Alam dahulu. Jadi, kalau di masa hadapan, saya rasa, kita tengok atas pengeluaran babi-babi yang ada di kawasan yang berkenaan sebab kita tidak benar memindahkan yang hidup tetapi kita akan

benar memindah selepas disembelihkan. Jadi, sebab itu, kalau macam Yang Berhormat kata hendak bawa yang hidup pergi ke Negeri Sembilan, sembelih baru pindah balik, kita tidak buat macam itulah kerana masa setiap perjalanan itu akan membawa pelbagai penyakit kerana babi yang hidup itu ada kemungkinan membawa apa yang saya katakan virus Nipah ataupun JE. Jadi, Yang Berhormat kita akan tengoklah supaya pada masa-masa hadapan, kita akan beri kesenangan kepada pihak pengguna dari masa ke semasa.

[Soalan No. 14 - Tuan Radin Malleh [Tenom] tidak hadir]

15. **Tuan Ibrahim Pateh Mohamed [Tanah Merah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan :-

- (a) adakah kementerian bercadang untuk menghapuskan bayaran bagi pesakit-pesakit untuk mendapat rawatan di hospital di seluruh negara; dan
- (b) apakah rancangan kementerian bagi mengisi kekosongan jawatan doktor di semua hospital kerajaan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu nombor 21. *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman jawapan kepada Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian tidak bercadang untuk menghapuskan bayaran bagi pesakit-pesakit untuk mendapat rawatan di hospital di seluruh negara. Pada masa sekarang, golongan pesakit yang kurang mampu ataupun miskin diberikan pengecualian daripada membayar kesemua atau sebahagian daripada caj untuk rawatan di hospital. Amalan ini akan diteruskan oleh kementerian ini.
- (b) Kementerian Kesihatan sememangnya berusaha dari masa ke semasa bagi memastikan hospital-hospital di seluruh negara mempunyai pegawai-pegawai perubatan yang mencukupi bagi memastikan hospital-hospital berkenaan dapat berfungsi dengan sempurna. Justeru itu rancangan selanjutnya yang diambil oleh kementerian bagi mengisi kekosongan pegawai perubatan di hospital kerajaan di seluruh negara adalah seperti berikut:-

- (i) menambah bilangan pengambilan pelajar yang mengikuti kursus perubatan di universiti yang sedia ada, UKM, USM, UM, UPM, UIA dan UNIMAS. Kolej-kolej swasta tempatan juga dijangka menganjurkan kursus perubatan secara berkumpulan dengan universiti luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan. Dalam masa yang sama kementerian juga menerima graduan lulusan luar negara bagi menjawat jawatan pegawai perubatan. Penghasilan pegawai perubatan dari universiti-universiti dalam dan luar negara didapati telah meningkat dari masa ke semasa iaitu dari 822 orang pada tahun 1997 kepada 1,028 orang pada tahun 1998 dan jangkaan pada tahun 1999 iaitu meningkat kepada 1,050 dan orang seterusnya peningkatan ini akan bertambah lagi apabila universiti-universiti baru tempatan mulai mengeluarkan graduan perubatan. Nisbah Pegawai Perubatan dengan penduduk yang diunjurkan bagi tahun 1991 ialah 1,000 doktor:1,600 orang penduduk tetapi yang kita capai ialah 1 doktor:1,424 orang penduduk. Pada tahun 2000 yang diunjurkan 1 doktor:1,500 orang penduduk tetapi yang akan dicapai ialah 1 doktor:1,334 orang penduduk.
- (ii) mempelawa warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara sebagai pegawai perubatan untuk kembali berkhidmat di Malaysia. Justeru itu kerajaan telah melonggorkan syarat perkhidmatan wajib kepada golongan ini.
- (iii) memberi peluang dan menggalakkan pegawai perubatan melanjutkan pelajaran di peringkat

sarjana melalui '*Open System*' yang diperkenalkan mulai 1 Julai 1996. Di bawah sistem ini pegawai perubatan yang melanjutkan pelajaran di universiti tempatan akan ditempatkan di hospital dan terus berkhidmat dengan kementerian. Bagi pengambilan tahun 1998, seramai 483 orang calon telah dipilih untuk mengikuti latihan di bawah sistem ini.

- (iv) memperbanyakkan peluang dan memudahkan serta mempercepatkan proses kenaikan pangkat. Ini bertujuan bagi mengurangkan pengaliran keluar pegawai-pegawai perubatan dari sektor awam ke sektor swasta.
- (v) mengambil pegawai perubatan/pakar kontrak warganegara, pasangan warganegara dan penduduk tetap. Setakat ini terdapat seramai 326 orang pegawai perubatan/pakar kontrak berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Pada masa yang sama pihak kementerian sedang cuba mendapat khidmat doktor asing secara kontrak.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai satu langkah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan, apakah perkembangan terkini mengenai pelaksanaan kaedah telemedicine di hospital-hospital terpilih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kita memulakan telemedicine apabila hospital multimedia siap beroperasi dan hari ini 1 November adalah hari pertama bermulanya Hospital Multimedia yang pertama di dunia iaitu di Hospital Selayang. Mulai hari ini, mereka yang mendapat rawatan di Hospital Selayang tidak lagi menggunakan paper ataupun menggunakan kertas, ia sudah paperless. Walau bagaimanapun, untuk beberapa bulan ini di peringkat *inventory* kita masih menggunakan kertas kerana programnya belum lagi siap. Walau bagaimanapun, kita menjangka menjelang bulan ataupun awal tahun hadapan, sistem *computer inventory* juga siap, maka seratus peratus akan menggunakan

komputer. Selepas itu, maka rawatan multimedia akan dimulakan di Hospital Selayang secara berperingkat-peringkat dan akhirnya akan menjalar ke hospital-hospital yang lain yang telah ditetapkan iaitu Hospital Pandan di Johor, Hospital Sungai Buloh di Selangor, satu lagi Hospital Selayang yang disebutkan tadi, Hospital Alor Setar dan juga Hospital Sungai Petani yang telah pun dikenal pasti akan dijadikan hospital IT.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu nisbah doktor lelaki dan perempuan kerana parti PAS terutama sekali, dia tidak mahu orang perempuan bekerja. Jadi, doktor ini semua kena mengeram di rumah. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu saya nisbah doktor lelaki dan perempuan dan apakah akibatnya jika doktor perempuan ini semua duduk di rumah.

Yang keduanya, saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat mengatakan 300 lebih doktor-doktor kontrak daripada luar. Bolehkah Yang Berhormat beritahu kepada saya negara manakah yang paling banyak sekali doktor dan saya difahamkan ada doktor yang tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa kita. Jadi ada kes-kes tertentu apabila pesakit itu mengatakan dia sakit telinga, doktor beri ubat sakit kerongkong. *[Ketawa]* Jadi, ini menjadi masalah. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Hashim bin Haji Jasin: Di Yan sahaja. *[Ketawa]*

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa memang parti PAS minta supaya semua doktor wanita berhenti tetapi setakat ini belum seorang pun berhenti termasuk doktor wanita PAS sendiri. Kalau semua doktor wanita berhenti, saya percaya Yang Berhormat akan diambil untuk menggantikan tempat mereka untuk menyambut muslimah-muslimah PAS yang akan melahirkan anak. *[Ketawa]* Yang Barisan Nasional saya pun sanggup *volunteer* lah. Yang PAS ini saya tidak berani kerana lelaki tidak boleh pegang perempuan, bukan? Tetapi kalau sudah terpaksa besok saya percaya Yang Berhormat bolehlah menjadi doktor ataupun jururawat. Yang Berhormat bagi Arau pun tidak berani apa hendak komen, ya. *[Ketawa]*

Setakat ini kita mempunyai 16,000 orang doktor di seluruh negara. Daripada 16,000, 6,000 orang adalah bumiputera dan 35% adalah wanita, lebih kurang satu pertiga doktor kita adalah wanita dan doktor Melayu juga pada tahun 1957 – tahun Merdeka,

cuma 11 orang, tahun 1770 ketika Dasar Ekonomi Baru doktor Melayu baru ada 123 orang tetapi hari ini kita sudah ada 6,000. Inilah dia kejayaan Dasar Ekonomi Baru yang PAS dan DAP tidak setuju...

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha, dengar PAS. Dengar tak itu? Jangan dok buat muka bodoh, dengar atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Diamlah Yan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Dan menjelang tahun 2020, doktor kita di seluruh negara akan mencapai angka 43,000 orang dan hari ini 16,000, tahun 2020 rakyat Malaysia 34 juta dan jumlah doktor akan bertambah 28,000 lagi dan sudah tentu, saya diberitahu oleh Jabatan saya bahawa jumlah wanita yang ada di fakulti mengambil jurusan doktor perubatan adalah 50:50 sekarang dan saya percaya jumlah doktor wanita akan meningkat ke satu angka yang amat besar pada masa hadapan akan mencapai angka 50:50. Walaupun PAS tidak bersetuju tetapi kita akan lakukan kerana ahli PAS pun nampak sokong dasar ini. Jadi kalau ahli PAS sokong dasar Barisan Nasional, saya fikir pilihan raya ini undilah sahaja Barisan Nasional. *[Ketawa]* Kerana dasar parti PAS itu tidak betul, dia cakap sahaja tetapi dia tidak buat. Kemudian jururawat wanita pun saya lihat, saya pergi ke Kelantan, saya tanya siapa hendak berhenti, dia kata "Saya pun tidak hendak berhenti", saya kata "Mengapa?", dia jawab, "Kalau saya berhenti, siapa hendak bayar gaji saya?". Dia kata Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu pun tidak hendak tolong bayar....

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Minta Yan bayar!

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Yang Berhormat bagi Tumpat pun tidak hendak tolong bayar, Yang Berhormat bagi Kuala Kerai pun tidak hendak tolong bayar, Yang Berhormat bagi Marang pun tidak hendak tolong bayar, Yang Berhormat bagi Arau apatah lagi, pun tidak hendak bayar. Jadi, dia boleh berhenti tetapi Kerajaan PAS tidak hendak bayar, jadi tidak adalah dia berhenti. *[Disampuk]* Yang Berhormat, kalau hendak bercakap, minta laluan, saya boleh beri kebenaran tidak ada masalah. *[Ketawa]* Kena ikut Peraturan Dewan.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat bangun untuk apa, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada, dia tidak beri jalan, cukuplah ya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup, sudah cukup.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Minta tigalah, ini penting kementerian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada, Yang Berhormat. Cukup

Tuan M. Kulasegaran: Tiga bolehlah.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Sebab duit dia sudah dipotong teruk ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tuan Haji Nik Mohd. Amar.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: *[Bangun]*

Tuan Haji Noh bin Omar: Pergi tanya Nk Azizlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah habis, Yang Berhormat?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Oh, belum habis, ya. *[Ketawa]* Ya, ya.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Jururawat pun kompelin, dia kata orang PAS di Kelantan banyak juga bersalin, jadi kalau tidak ada jururawat wanita ini, siapa hendak sambut. Jadi, diminta saya wakilkan, saya kata “Kalau empat, lima wanita bersalin saya sanggup tetapi ramai-ramai ini saya tidak sangguplah”. *[Ketawa]*

Satu lagi soalan tadi ialah mengenai doktor kontrak luar negara daripada mana. Yang banyak sekali daripada:

(i)	India	-	172 orang
(ii)	Myanmar	-	51 “
(ii)	Pakistan	-	26 “
(iii)	Bangladesh	-	9 “

(iv)	Sri Lanka	-	9	“
(v)	Singapura	-	6	“
(vi)	Indonesia	-	4	“
(vii)	Kanada	-	2	“
(viii)	Iraq	-	2	“
(ix)	Britain	-	2	“
(x)	Mesir	-	1	“
(xi)	Negeri China	-	1	“
(xii)	Filipina	-	1	“

Itulah jumlah doktor-doktor dari luar negara yang kita ambil bekerja secara kontrak dengan kita pada ketika ini. Kita juga ada mengambil doktor kontrak dari Malaysia seramai 40 orang, jumlah semuanya 326 orang.

Bahasanya semuanya boleh berbahasa Inggeris, mungkin ada yang tidak faham bahasa Malaysia, tetapi kita ada jururawat yang membantu mereka yang boleh di'translate'kan dengan tepat dan memenuhi keperluan. Belum ada kes lagi dia salah diagnose kerana salah bahasa, jika Ahli Yang Berhormat ada kes boleh beritahu saya, insya-Allah kita akan ambil tindakan.

[Soalan No. 16 – Y.B. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa] tidak hadir]

[Soalan No. 17 – Y.B. Tuan Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

18. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membuat penilaian semula dan kajian yang menyeluruh terhadap institusi-institusi penguatkuasaan undang-undang seperti polis, Jabatan Peguam Negara, Badan Pencegah Rasuah dan institusi kehakiman yang menjadi rungutan di kalangan rakyat sejak akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ibrahim bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berpendapat bahawa institusi-institusi penguatkuasaan undang-undang seperti polis, Jabatan Peguam Negara, Badan Pencegah Rasuah dan institusi kehakiman telah menjalankan kewajipan mereka selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang.

Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk membuat penilaian semula dan kajian yang menyeluruh terhadap institusi-institusi itu pada masa ini.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah undang-undang ini kita kenakan kepada semua rakyat ataupun orang-orang PAS ini dikecualikan daripada tindakan BPR? Saya mengemukakan soalan ini kerana di dalam akhbar *Harakah*, kalau saya tidak silap dua atau tiga bulan yang lepas, keluar tajuk utama yang menuduh kerajaan menggunakan BPR untuk menganiaya orang-orang PAS.

Jadi, bagaimanakah hari ini Timbalan Presiden PAS tanya soalan tentang integriti BPR itu sendiri yang katanya menimbulkan keraguan kepada orang ramai. Jadi, bila BPR hendak menyiasat PAS, PAS kata kita gunakan BPR untuk menganiaya i pemimpin-pemimpin PAS. Jadi, saya hendak mendapat jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah BPR akan bertindak tegas dan memastikan bahawa ianya tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang negara kita adalah untuk semua rakyat dan terbukti selama ini sepanjang kita merdeka sejak 42 tahun yang lalu, tidak ada sesiapa yang terkecuali dari undang-undang, baik pihak dari segi politik sama ada kerajaan ataupun pembangkang ataupun semua rakyat. Dakwaan pihak PAS ini adalah khayalan yang dibuat dari dahulu sampai sekarang dan mereka akan terus membuat dakwaan dan tuduhan selagi mana cita-cita politik mereka tidak tercapai.

Jadi, saya tidak hairanlah, malah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pentadbiran *Harakah* pun, saya ada maklumat iaitu mereka juga menjalankan pentadbiran yang tidak sihat sebab saya baru-baru ini didatangi oleh beberapa wartawan *Harakah* yang disuruh berhenti kerja dan ada pegawai kewangan dalam Jabatan *Harakah* memaklumkan kepada saya mengenai dengan pentadbiran kewangan yang mencurigakan, di mana ada cek-cek yang mereka terima atas nama parti PAS tetapi dikreditkan dalam akaun peribadi pemimpin-pemimpin PAS.

Tinggal lagi, saya menasihatkan mereka ini supaya membuat aduan, supaya membolehkan pihak BPR membuat penyiasatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Masa untuk soal jawab telah pun cukup ya.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 2, 6, 7, 8, 11, 12, 14, 16, 17 hingga 20 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan. *[29 Oktober 1999]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan

Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas sekarang. Tanjong.

11.05 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Yang di-Pertua, sehari sebelum Belanjawan tahun 2000 dibentangkan di Parlimen pada 29 Oktober 1999, saya telah meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, supaya membuktikan integritinya dengan menjawab tuduhan-tuduhan mengenai ketidaksenonohan dan penyelewengan yang dibuat terhadapnya oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dalam laporan polis dan testimoninya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sejak Jumaat lalu.

Saya telah berkata bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, tidak harus membentangkan Belanjawan di Parlimen jika beliau tidak sedia membuktikan integritinya, kerana Belanjawan tahun 2000 akan turut terjejas kerana kehilangan keyakinan dan kebolehpercayaan awam jika beliau enggan menjawab tuduhan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang menarik perhatian kebangsaan dan antarabangsa akibat daripada testimoni bekas beliau di mahkamah.

Tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh di mahkamah terbuka ialah:

- (i) Anwar berkata bahawa beliau telah menerima dokumen daripada orang-orang ternama korporat, Tan Sri Halim Saad, Tan Sri Wan Azmi Hamzah dan Tan Sri Tajuddin Ramli yang menunjukkan mereka telah memberi RM600 juta dalam bentuk saham dan wang tunai kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, semasa beliau menjadi Menteri Kewangan.
- (ii) Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berkata bahawa apabila beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan, Ahli Yang Berhormat bagi Merbok masih meminta supaya fail Kementerian Kewangan dialihkan ke pejabatnya dan ini dilakukan oleh Timbalan Menteri Kewangan masa itu, sekarang Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua.

- (iii) Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berkata bahawa keputusannya sebagai Menteri Kewangan untuk menolak pengambilalihan Bank Hock Hua (Sabah Bhd.) oleh Ahli Yang Berhormat bagi Merbok adalah berdasarkan nasihat Bank Negara yang menunjukkan keraguan akibat daripada kedudukan beliau sebagai Penasihat Ekonomi kerajaan, tetapi keputusan ini ditolak oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beliau terpaksa mengikut arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi kelulusan.
- (iv) Seterusnya, Ahli Yang Berhormat bagi Merbok memohon untuk menukarkan nama Bank Hock Hua (Sabah Bhd.) kepada Bank Antarabangsa Malaysia. Sekali lagi, ini tidak disetujui oleh Bank Negara. Walaupun Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh sebagai Menteri Kewangan masa itu tidak bersetuju, beliau terpaksa meluluskannya atas arahan Perdana Menteri.

Sebelum beliau memulakan pembentangan Belanjawan tahun 2000 di Parlimen Jumaat lalu, saya sepatutnya berdiri untuk meminta supaya beliau membersihkan namanya dengan menjawab tuduhan-tuduhan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh terhadapnya, tetapi oleh kerana saya menghormatinya sebagai Menteri Kewangan, saya tidak berbuat demikian.

Saya pernah terfikir bahawa dalam ucapan Belanjawannya, beliau akan mengambil kesempatan untuk menjawab tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, tetapi jelasnya saya telah tersilap.

Sebaliknya, beliau menyalahgunakan kesempatan ini dengan melancarkan serangan politik yang tidak berasas dan liar terhadap DAP, menuduh DAP sebagai tidak ada bezanya dari unsur-unsur subversif asing, dan enggan memberi jalan apabila saya berdiri untuk meminta penjelasan.

Sungguhpun beliau sedar akan seruan saya kepadanya supaya membuktikan integritinya dan menjawab tuduhan-tuduhan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh terhadapnya, tetapi beliau

hanya memperuntukkan satu perenggan sahaja dalam ucapan Belanjawan 2000nya ke atas tajuk rasuah dan saya petik:

“Kerajaan juga sentiasa berpegang kepada prinsip pentadbiran bersih. Dalam hal ini, penyelewengan yang boleh membawa kepada kehancuran nilai-nilai kemasyarakatan dan maruah negara akan sentiasa dibendung, sama ada dalam pentadbiran awam atau swasta. Kerajaan tidak menafikan yang amalan rasuah bukan hanya wujud di kalangan kakitangan kerajaan, namun pihak swasta juga terlibat, walaupun Kerajaan sentiasa menekankan kepada pengurusan yang lebih bertanggungjawab. Oleh kerana itu, undang-undang mencegah rasuah diperketatkan. Kerajaan terus membanteras penyelewengan penggunaan kuasa di segenap peringkat, supaya dapat meningkatkan keyakinan rakyat dalam masyarakat niaga sama ada tempatan atau antarabangsa.”

Ini adalah suatu kenyataan yang kosong, tidak bermakna dan bodoh yang menunjukkan ketiadaan komitmen Menteri Kewangan Pertama dan Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha membanteras penyelewengan di sektor-sektor politik tertinggi dan sektor awam. Kenyataan ini amat memeranjatkan kerana tiga hari yang lalu, Malaysia mendapat publisiti antarabangsa yang sungguh buruk berikutan penempatan kita dalam Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index*) bagi tahun 1999 yang dikeluarkan oleh Transparency International, satu perikatan anti-rasuah global. Malaysia jatuh dari tempat ke-29 tahun lepas ke tempat ke-32 daripada 99 buah negara yang diselidik.

Satu minggu yang lalu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Ahmad Said Hamdan berasa bangga atas penempatan Malaysia yang ke-29 di kalangan 85 buah negara yang dikaji di seluruh dunia dalam CPI Transparency International ini.

Saya berasa sungguh terperanjat bahawa BPR, sebuah agensi yang bertanggungjawab untuk memastikan integriti tertinggi dalam kehidupan awam, berasa begitu puas hati terhadap penempatan Malaysia itu sungguhpun Malaysia pernah ditempatkan pada kedudukan ke-23 dalam tahun 1995, tempat ke-26 dalam tahun 1996 dan tempat ke-32 dalam tahun 1997.

Apabila kedudukan Malaysia jatuh dari tempat ke-29 ke tempat ke-32 dalam *Corruption Perception Index Transparency International* pada Selasa lalu (26 Oktober 1999), BPR langsung tidak merasa yang ianya telah gagal, merasa malu atau bertanggungjawab.

Seruan saya supaya BPR mengeluarkan satu kenyataan dasar menjelaskan sebab mengapa Malaysia jatuh ke tempat ke-32 dalam *Corruption Perception Index Transparency International* dan menyatakan apakah strategi baru yang dicadangkannya untuk membolehkan Malaysia berada di tempat yang dihormati dalam *Corruption Perception Index* yang bermula tahun depan, malah cadangan supaya BPR mengeluarkan satu kenyataan misi untuk meletakkan Malaysia di kalangan sepuluh negara yang paling kurang rasuah di dunia ini – yang akan ditunjukkan dalam *Corruption Perception Index Transparency International* pada masa depan – langsung tidak diendahkan.

Mungkin pada masa Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama membentangkan Belanjawan 2000, beliau ingatkan bahawa tekanan untuk membuktikan integriti dan membersihkan nama tidak lagi ditumpukan kepada dirinya tetapi Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong Karang bangun Yang Berhormat .

Tuan Haji Noh bin Omar: Penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Berilah sedikit, ini pasal BPR. Saya hendak sokong Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti ya, saya habiskan korupsi dahulu.

Tuan Haji Noh bin Omar: Okay, nanti beri saya jalan untuk bertanya berkenaan BPR.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan beri jalan.

Kerana sehari yang lepas, bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid telah mengumumkan bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah mengaut wang sebanyak RM3 bilion menerusi 20 “*Master Accounts*” semasa beliau berada dalam kerajaan.

Murad mendakwa bahawa beliau pernah terlibat dalam pembayaran lebih daripada RM120 juta kepada Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, individu-individu dan pertubuhan-pertubuhan antara tahun 1992 dan 1997 yang berikut:-

1. Anwar Ibrahim	– RM 50 juta
2. Dato Abdullah Ahmad (UN)	– RM 5 juta
3. Dato Nasaruddin Jalil	– RM 10 juta
4. <i>Asia Pacific Policy Centre & Douglas H. Paal (APPC)</i>	- RM 38juta(AS\$10juta)
5. Institut Kajian Dasar (IKD)	– RM 5 juta
6. Aliran & Dr. Chandra Muzaffar	– RM 5 juta
7. ABIM	– RM 5 juta
8. International Institute of Islamic Thoughts	– RM 2 juta
9. Satu Penubuhan Islam di UK	– RM 1 juta
Jumlah	– RM121 juta

Akan tetapi Murad tidak dapat memberi sebarang bukti untuk mengesahkan tuduhan-tuduhan ini. Ramai yang dinamakannya seperti Dr. Chandra Muzaffar, ALIRAN, ABIM, Wakil Khas Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Abdullah Ahmad dan Anwar Ibrahim atau Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh sendiri telah membuat penafian segera, dan Dr. Chandra dan ALIRAN pula telah mengumumkan bahawa mereka akan mendakwa, mengambil tindakan undang-undang terhadap Murad.

Kelincahan BPR bertindak atas tuduhan-tuduhan Murad amat menghairankan. Sebaik sahaja selepas persidangan akhbar Murad, BPR mengumumkan penubuhan pasukan khas yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Penyiasatan BPR, Abdul Razak Idris, untuk menyiasat tuduhan Murad terhadap Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Sehari kemudiannya, Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Zaki Hussin berkata bahawa hampir setiap perenggan dalam pengisytiharan Murad sepanjang tujuh muka surat mengandungi maklumat mengenai penyelewengan atau rasuah.

Zaki berkata dan saya petik: “*Kami menganggap kenyataan Murad sebagai maklumat mengenai penyelewengan dan ini adalah serius kerana terkandung dalam kenyataan bersumpah*”.

Adakah Ketua Pengarah BPR berpendapat bahawa berdasarkan pengisytiharan atau statutory declaration Murad sepanjang 20 perenggan itu, Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh akan menghadapi berpuluh-puluh malah beratus-ratus dakwaan rasuah?

Adalah amat memmeranjatkan bahawa Ketua Pengarah BPR sedia menerima *statutory declaration* Murad sebagai bukti *prima facie* untuk menjalankan penyiasatan terhadap Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, malah bercadang untuk merantau ke merata dunia untuk menyiasat tuduhan Murad mengenai *Asia-Pacific Policy Centre* yang bertapak di Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, BPR tidak bersedia menyiasat empat laporan polis yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mengenai penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di peringkat kerajaan tertinggi, iaitu yang berkaitan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Yang Berbahagia Peguam Negara, dan Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Gani Patail dan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik, walaupun laporan polis Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh disokong oleh bukti-bukti dokumen.

Sungguhpun saya mengalu-alukan dan memuji kepantasan Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah untuk bertindak dan menyiasat tuduhan penyelewengan di peringkat kerajaan tertinggi, kebebasan, profesionalisme dan integriti BPR kini dipersoalkan kerana nampaknya mereka hanya mengikut kehendak pemimpin-pemimpin Kerajaan Barisan Nasional dalam vendetta politik dengan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh selama 13 bulan. ini

Rakyat Malaysia berhak tahu sebab mengapa Badan Pencegah Rasuah bertindak dengan begitu pantas terhadap tuduhan Murad tetapi tidak pula terhadap empat laporan polis Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, sungguhpun hukuman undang-undang akan dikenakan kepada mereka jika mana-mana laporan, mana-mana *statutory declaration* atau laporan polis yang dibuat adalah didapati palsu, sama-sama berat, sama-sama penting.

Jikalau BPR segerak dengan kepimpinan Barisan Nasional, mematuhi agenda sebelum pilihan rayanya untuk menghapuskan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh sebagai ancaman politik kepada Barisan Nasional, maka BPR akan kehilangan kebolehpercayaannya dan dianggap sebagai alat Barisan Nasional untuk menjadikan pilihan raya umum akan datang ini suatu yang “terkotor” dalam sejarah negara.

Rakyat Malaysia berhak bertanya sebab mengapa BPR membuat kenyataan harian tentang penyiasatannya ke atas Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berasaskan statutory declaration Murad, tetapi ianya tidak berani untuk menyebut penyiasatan terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik berdasarkan laporan polis Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang disokong oleh bukti dokumen.

Mengapakah Badan Pencegah Rasuah menunjukkan semangatnya yang begitu membara untuk menjalankan penyiasatan terhadap Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dengan membuat kenyataan harian, tetapi tiada kenyataan sedemikian mengenai kes-kes Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Badan Pencegah Rasuah bukanlah dengan izin, *cat's paw* bagi Barisan Nasional, dalam *vendetta* Barisan Nasional dengan Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, sebaliknya Badan Pencegah Rasuah telah diamanahkan oleh rakyat Malaysia untuk membanteras perlakuan rasuah oleh mana-mana pihak.

Jika BPR mempunyai bukti *prima facie* untuk percaya bahawa BPR ada alasan baik untuk menjalankan penyiasatan terhadap Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh maka BPR akan mendapat sokongan DAP; tetapi BPR mesti bertindak tanpa takut dan berat sebelah dan sedia menyiasat semua pegawai, semua pemimpin yang berkuasa dalam kerajaan, terutamanya mereka yang dinamakan dalam empat laporan polis Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Saya berkata begitu bahawa Ketua Pengarah BPR telah melakukan kerosakan besar ke atas reputasi pegawai-pegawai BPR dari segi kebebasan, profesionalisme dan integriti mereka dengan mengikuti kehendak kepimpinan Barisan Nasional atas *statutory declaration* Murad.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong, Ketua Pembangkang. Saya hendak minta penjelasan. Merujuk kepada ucapan Yang Berhormat pada hari Isnin, 25 Oktober 1999, Yang Berhormat telah menyatakan, “saya percaya mereka yang bertanggungjawab sudah sangat meneliti dengan ‘*fine tooth comb*’ semua rekod-rekod bekas Menteri Kewangan dan kalau adalah penyelewengan bukan kata beratus juta ringgit tetapi seribu ringgit, dua ratus ringgit, tiga puluh ringgit, tuduhan sudah dibuat terhadap beliau”, semasa Yang Berhormat mempertahankan bekas Timbalan Menteri Kewangan yang mengatakan tidak terlibat di dalam *mandatory corruption*. Saya pada hari yang sama sewaktu saya berucap, saya telah pun membuat satu ramalan di mana saya berkata di dalam *Hansard* ini, muka surat 111, saya bercakap, di antaranya saya mengatakan, “Saya yakin DAPlah yang akan menjadi kepala berkempen bersama dengan PAS dan keADILan kata tuduhan tidak betul dan berbagai-bagai menyalahkan kerajaan”, sekiranya bekas Timbalan Perdana Menteri ini didakwa di bawah “*mandatory corruption*”.

Jadi, hari ini jelas menunjukkan bahawa apabila kes ini ditimbulkan oleh bekas Timbalan Gabenor Bank Negara, Yang Berhormat bagi Tanjong, hari ini ucapannya memang dia seolah-olah hendak menjadi hero, membela dan cuba mengalihkan isu ini kepada isu-isu lain. Persoalan yang saya hendak tanya, ‘Barisan Alternatif’ telah pun membuat pengumuman bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri akan menjadi Perdana Menteri kalau ‘Barisan Alternatif’ menang. Jadi, kalau betul kes ini berlaku penyelewengan dan dakwaan Datuk Murad ini betul, beranikah ‘Barisan Alternatif’ mengumumkan di Dewan yang mulia ini bahawa Barisan Alternatif tidak akan melantik Yang Berhormat bekas Timbalan Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri kalau ‘Barisan Alternatif’ menang kerana ini penting, bakal menjadi Perdana Menteri mesti dikaji tentang kebersihannya, tentang penyelewengannya, yang hari ini hendak dilantik menjadi Perdana Menteri. Jadi, bolehkah Yang Berhormat sebagai boss kepada ‘Barisan Alternatif’ mengumumkan bahawa Anwar Ibrahim tidak akan dilantik sebagai Perdana Menteri kalau betul beliau melakukan penyelewengan? Ini cakap tidak serupa bikin Yang Berhormat, ini *Hansard* saya ada.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Yang Berhormat patut lebih sedar peranan beliau. Pertama, kenapa adalah *double standard* dalam menjalankan penyiasatan oleh BPR.

Kedua, bukan sahaja *double standard* dibuat oleh BPR tetapi pun oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tadi. Bukan sahaja seorang bakal Perdana Menteri, seorang Perdana Menteri yang sekarang, yang ada menghadapi tuduhan-tuduhan, yang ada dibuat bahawa ada penyelewengan, ada penyalahgunaan kuasa, ada laporan polis dibuat dengan sokongan dokumen-dokumen tetapi tidak ada suara Yang Berhormat bagi Tanjong Karang. Tunjukkan bahawa sendiri ada maruah. Dahulu, berani berdiri dan mendesak bahawa laporan-laporan yang ada dibuat terhadap sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sama ada terhadap Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, sama ada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bekas Ketua Menteri Melaka, kenapa tidak ada dengar desakan Yang Berhormat bagi Tanjong Karang yang begitu ghairah yang mahu kebenaran, yang mahu menghapuskan rasuah, itulah langkah ke satu langkah. Kalau tidak rela membuat satu pendirian sendiri mahu mengadakan perangkap sini, perangkap sana untuk permainan politik itu bukanlah kejujuran dan keikhlasan. Ini bukanlah kesetiaan kepada kebenaran.

Tuan Haji Noh bin Omar: Beri saya jawab. Boleh jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalan tak?

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kita sudah jelas, tadi dalam soal jawab kita pun sudah jelas bahawa kita minta BPR bertindak kepada sesiapa sahaja. Kita minta jangan 'pilih bulu', ini dasar kita. Tinggal lagi hari ini yang kita timbulkan bahawa pembangkang menganggap bekas Timbalan Perdana Menteri ini seorang yang idola, bersih sebersih-bersihnya dan bekas Timbalan Perdana Menteri itu menuduh pula orang dalam UMNO hari ini, pemimpin-pemimpin yang ada ini korupsi. Dia seolah-olah bersih sangat, kroni sana, kroni sini. Perkataan 'kroni' ini siapa yang memulakan? Ini yang kita rasa tidak ada keadilan yang telah dibuat.

Jadi, jelas kita minta semua mesti diambil tindakan ke atas siapa sahaja, tidak kira siapa. Tetapi soalnya hari ini, perkara ini dipolitikkan, Yang Berhormat sehinggakan

terpengaruh. Jadi, dahulu Yang Berhormatlah salah seorang yang tidak bersetuju dengan bekas Timbalan Perdana Menteri waktu Yang Berhormat bagi Permatang Pauh di dalam kerajaan. Tetapi hari ini, orang yang pertama sekali dia berjumpa ialah Yang Berhormat. Yang Berhormat menjadi hero, Yang Berhormat bagi Jelutong menjadi hero. Dahulu dialah yang suruh siasat kes bekas Timbalan Perdana Menteri. Hari ini dia menjadi peguambela, serupa juga dengan Yang Berhormat.

Minggu lepas Yang Berhormat sendiri mengagung-agungkan. Ini yang saya timbulkan. Kalau macam orang lain tidak mengagung-agungkan, tidak menjadikan isu pemecatan ini sebagai isu politik kita pun tidak mahu bising. Jadi, soalnya sampai hendak lantik jadi Perdana Menteri, jadi ini soalan saya, akan dilantik ataupun tidak kalau betul perkara ini berlaku – terlalu macam bersih sangatlah bekas Timbalan Perdana Menteri ini. Ini yang sehinggakan dahulu bertentangan pendapat, bertentangan fahaman politik sehingga hari ini sanggup jadi ketua pula itu. Baik beri kepada Yang Berhormat bagi Marang jadi Perdana Menteri. Itu pun kalau dia bersihlah, belum tahu lagi, kita belum siasat dia lagi. Jadi, ini soalan saya Yang Berhormat belum jawab.

Saya bangkitkan ini kerana Yang Berhormat bercakap minggu lepas. Kalau Yang Berhormat tidak bangkitkan, saya pun tidak mahu tanya. Jadi, kita kena berani, kena sokong menyatakan pendirian kita. Saya minta DAP jelaskan, segerakan penyiasatan ini di samping kes-kes yang lain. Ini yang saya hendak minta pendirian DAP setuju ataupun tidak BPR menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyiasat kes bekas Timbalan Perdana Menteri ini dan kalau setuju, kalau betul perkara ini berlaku, beranikah umumkan bahawa Anwar Ibrahim tidak akan dilantik sebagai Perdana Menteri kalau ‘Barisan Alternatif’ menang? Tetapi memang tidak boleh menang, bolehlah umum pun, sudah tentu tidak menang.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Tanjong Karang kata bahawa dia memang prinsip bersetuju bahawa tindakan perlu dibuat terhadap mereka yang buat kesalahan dari segi rasuah dan tidak ada ‘memilih bulu’, tidak ada diskriminasi tetapi sampai sekarang kita ada lihat sudah ada diskriminasi. Tetapi beliau tidak berani untuk menyuarakan terhadap diskriminasi ini. Laporan ada dibuat terhadap pemimpin-pemimpin tertinggi dalam kerajaan, dalam Barisan Nasional – terhadap Perdana Menteri sendiri, terhadap Menteri Kewangan Pertama, terhadap Menteri Perdagangan

Antarabangsa dan Industri, terhadap bekas Ketua Menteri Melaka, begitu lama, berapa bulan tetapi tiada suara, mahu main politik sahaja.

Kalau mahu konsisten, kita di sini pernah berkata, baik kita ada satu Suruhanjaya Diraja, siasat mengenai semua tuduhan-tuduhan mengenai korupsi yang ada dibuat terbuka terhadap mereka yang menduduki jawatan tertinggi politik atasan tidak kira siapa, sama ada dalam kerajaan atau luar kerajaan, adakah berani? Adakah berani, sokong kita satu usul? Satu usul bahawa ada satu Suruhanjaya Siasatan Diraja di mana semua orang yang ada dibuat laporan terbuka ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah, Timbalan Pendakwa Raya, Ghani Patail, bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik termasuk Yang Berhormat Permatang Pauh yang ada dinamakan. Baik, sebenarnya ada orang-orang yang lain termasuk Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Presiden MCA pun ada laporan ACA dibuat.

Semua yang ada dinamakan menjadi subjek – tajuk penyiasatan *Royal Commission Inquiry*, adakah berani? Kalau berani kita boleh kemukakan satu usul. Adakah berani, jangan kata kita ‘memilih bulu’, konsisten dalam prinsip. Tetapi mahu main-main politik sahaja, itu hal yang lain tetapi kalau konsisten, baik kita boleh beri notis kepada Tuan Yang di-Pertua, satu notis khas supaya kita dapat satu persetujuan bahawa kita dapat masa khas diperuntukkan di dalam minggu ini kita adakan satu perbahasan, satu keputusan. Adakah Yang Berhormat bagi Tanjong Karang berani atau tidak berani? Kalau tidak berani, jangan berdiri lagi dan diam selama hidup dalam gelanggang politik.

Seorang Ahli: Penakut!

Tuan Lim Kit Siang: *Forever keep your tongue.* Beranikah? Tak berani, tidak berani, mana berani, mahu main-main sahaja, mana berani kata untuk melawan korupsi dengan konsisten. Kita berani oleh kerana kita benar. Yang Berhormat bagi Tanjong Karang tidak berani oleh kerana tidak benar.

Seorang Ahli: Boleh keluar Dewan sekarang?

Tuan Lim Kit Siang: Kalau sebenarnya ada maruah, patut keluar Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat, kalau hendak ikut Yang Berhormat punya cadangan ini semuanya banyak sangat suruhanjaya. Saya dahulu sudah cadangkan supaya buat satu suruhanjaya, siasat mengapa Ahli-ahli DAP ini ramai yang dipecat.....

Seorang Ahli: Oh, ho!

Tuan Haji Noh bin Omar: Yang Berhormat tidak mahu buat. Ini juga semua main politik. Ada satu isu sahaja, suruhanjaya. Yang Berhormat Machang pun sudah ‘tindih’ suruhanjaya buat penyiataan lain, Yang Berhormat tidak pun menyambut cabaran. Jadi, Yang Berhormat juga hendak memainkan politik, hendak menjadi hero, hendak “menangguk di air keruh”. Inilah perangai-perangai pihak pembangkang. Saya percaya kempen sekarang ini semuanya hendak membela bekas Timbalan Perdana Menteri dan hendak menuduh kerajaan. Yang Berhormat pun hendak main politik. Soalan saya pun tidak jawab, tidak berani hendak jawab. Buatlah perisytiharan.. Walau macam mana pun, saya ucapkan tahniah kerana Yang Berhormat seorang politik yang pandai (veteran) boleh memeralatkan PAS, jadikan PAS ini macam “kerbau cucuk hidung”, itu saya puji - pandai [*Tepuk*] . Ini, saya memang puji, ketiga-tiga pemimpin parti pembangkang itu semuanya Islam tetapi Yang Berhormat seorang bukan Islam, Yang Berhormat pandai sampai ketiga-tiga itu tunduk dan mengikut kehendak. Yang Berhormat sampai hendak suruh pula itu.....

Tuan Lim Kit Siang: Ini niat jahat! Ini niat jahatlah!

Tuan Haji Noh bin Omar:ambil tindakan kepada Yang Berhormat Marang, suruh ambil tindakan disiplin kepada Yang Berhormat Marang – yang mana Yang Berhormat Marang ini merupakan Pengerusi Disiplin PAS. Ini besok siapa hendak jadi Pengerusi? Tubuh satu suruhanjaya. DAP tubuh satu suruhanjaya, siasat sebab dia Pengerusi Disiplin PAS, macam mana hendak ambil tindakan kepadanya. Ambil suruhanjaya bebas, ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu, Tanjong Karang.

Tuan Haji Noh bin Omar: Jadi, dia hendak main politik ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini niat jahat. Inilah contoh-contoh kelakuan-kelakuan yang kalau menjadikan contoh rakyat tentulah memudaratkan masa depan, harmoni dan

perpaduan Malaysia. Sebenarnya kelakuan inilah antinasional yang cuba untuk memecahkan rakyat Malaysia dan menimbulkan pertikaian atas isu-isu yang tidak berasas dan kita harap bahawa apabila kita masuk alaf baru bahawa kita lebih matanglah. Jangan kerana terperangkap. Isu ini bukan saya kemukakan, ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang bukan saya lawan dia, dia mahu lawan saya. Apabila saya membalas kata kalau begitu berani tidak berani bahawa ada satu suruhanjaya diraja atau apa-apa bentuk penyiasatan terhadap semua orang politik tertinggi yang ada dituduh bahawa rasuah, berani tidak berani dan oleh kerana beliau kata bahawa dia tidak memilih bulu dan prinsip mereka yang salah patutlah ambil tindakan. Apabila saya cabar beliau tidak boleh jawab dan oleh kerana tidak boleh jawab dia timbullah satu masalah yang lain. Tidak tahulah dia mahu lari daripada satu perangkap beliau sendiri reka dan wujudkan. Ini memalukan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi mahu. *[Ketawa]*. Okay.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Yang Berhormat tuduh Yang Berhormat dari Tanjong Karang lari daripada isu. Saya masih ingat 26 haribulan. Semasa saya minta DAP menyatakan pendirian sama ada DAP bersetuju dengan hasrat PAS untuk mewujudkan negara Islam dan melaksanakan hukum hudud Yang Berhormat tidak jawab. Sebaliknya menuduh saya sebagai pengkhianat. Sampai hari ini Yang Berhormat tidak jawab soalan itu. Sama dengan Yang Berhormat juga. Gajah di depan mata Yang Berhormat tidak nampak, kuman di seberang lautan Yang Berhormat nampak. Yang Berhormat sendiri mengambil sikap yang sedemikian pada 26 haribulan. Saya masih ingat lagi bila saya cabar Yang Berhormat menyatakan pendirian Yang Berhormat masuk dalam Dewan ini, Yang Berhormat tidak menjawab cabaran saya. Malah Yang Berhormat terus menuduh saya sebagai pengkhianat dan sebagainya. Isu yang saya bangkitkan Yang Berhormat tidak jawab lari dari kenyataan lain. Itu sikap Yang Berhormat sendiri. Mengapa Yang Berhormat sekarang tuduh Yang Berhormat dari Tanjong Karang sebab Yang Berhormat sendiri selaku Ketua Pembangkang tidak mahu bertanggungjawab di atas perjuangan parti Yang Berhormat sendiri. Tidak berani hendak menyatakan pendirian.

Tuan Lim Kit Siang: Kita ada satu teori yang baru bahawa oleh kerana yang dikatakan orang lain tidak bertanggungjawab itulah menjadi asas sendiri boleh tidak bertanggungjawab. Nampaknya mana ada moraliti seorang peguam. Mungkin sebab itulah seorang boleh menjadi pengkhianat oleh kerana tidak ada maruah sendiri. Mana boleh kata oleh kerana seorang tidak bertanggungjawab sebab itu dia ada hak untuk tidak menjadi tidak bertanggungjawab. Itulah saya jatuh standard, tidak ada maruah, tidak ada character, tidak ada standard dan sekarang saya faham kenapa seorang boleh menjadi pengkhianat. Dengan fikiran semacam itu tentu senang mengkhianati prinsip-prinsip dan rakyat jelata. Hari itu saya tidak pernah cabar sesiapa. Saya dicabar. Kenapa saya mahu perlu jawab. Bukan saya tidak berani jawab. Bila-bila saya boleh jawab.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti belum habis. Bukan saya tidak berani cakap bila kita dalam DAP ada takut untuk buat kenyataan, buat pendirian. Tidak pernah. Kita ada prinsip dan pendirian dan kita tidak perlu hendak takut. Tetapi bukan ada sesiapa ada kuasa ada hak mahu main-main politik dan kita perlu jatuh permainan politik. Itu sahaja dan perkara ini hari ini bukan saya cabar. Oleh kerana Yang Berhormat dari Tanjong Karang cabar sebab itu apabila dia dicabar balik dia tidak boleh jawab itu hak beliau. Hak beliau lain kali jangan begitu mudah jatuh ke perangkap sendiri dan perangkap Yang Berhormat dari Marang yang mahu buat itu hak yang lain. Saya bukan begitu mudah dimain-mainkan. Saya mahu teruskan.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu teruskan. Kalau Yang Berhormat dari Machang mahu bahas apa-apa dengan saya bila-bila boleh. Sama ada mengenai isu Islamic State dan apa apa dalam masa yang sesuai bukan dengan kehendak Yang Berhormat dari Machang. Bila Yang Berhormat Machang ada hak dan kuasa untuk memaksa orang lain bahawa itulah masa beliau mahu buat pendirian. Kalau mahu buat begitu mahu dapat kehormatan dulu. Mahu dapat kehormatan ada maruah, ada prinsip. Seorang pengkhianat rakyat, seorang pengkhianat prinsip-prinsip tidak ada maruah tidak boleh dapat hormat daripada sesiapa sebab itu saya enggan menyahut cabaran.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mahu saya menjelaskan lagi? Saya tidak ada. Sebab itu kalau mahu masa kita boleh tetapkan bila masanya. Bukan bila-bila Yang Berhormat rasa perlu saya buat pendirian tidak mahu buat pendirian *not at your wind man fancy* ..

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Menyampuk*].

Tuan Lim Kit Siang: Tidak. Siapa tipu? Adakah Yang Berhormat dalam Semangat 46 menipu rakyat. Adakah? Okey kalau tidak hal yang lain. Itu hal Yang Berhormat kita di sini semacam dahulu kita tidak pernah tipu sesiapa. Mungkin Yang Berhormat dulu-dulu ada tipu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat. Machang dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bagi jalan kepada seorang bukan pengkhianat. Saya akan bagi jalan bila-bila kepada seorang bukan pengkhianat.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Bukan seorang pengkhianat.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat dari Machang.

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*].

Tuan Lim Kit Siang: Sekarang sudah menjadi Yang Berhormat bagi Tanjong Karang kedua.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Takut..

Tuan Lim Kit Siang: Tidak takut, bila-bila kita boleh tetap masa bila-bila kita boleh perbincangan atau apa-apa bila-bila. Tetapi tiada hak untuk memaksa buat pendirian.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya tidak hormatkan Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu dihormati oleh pengkhianat kalau saya dihormati oleh pengkhianat apa guna saya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Pembangkang pembohong.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tolak itu. Seorang pengkhianat saya tidak mahu bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, ada *point of order*.

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Tuan Yang di-Pertua: Ada *point of order* belakang Yang Berhormat. Tanjong ada *point of order*.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order*, okey.

Tuan Haji Noh bin Omar: Itulah Tun lambat sangat bagi saya *point of order*. Bagan mahu tahu 41(c).

Tuan Lim Hock Seng : Cakap.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya boleh cakap. Masa mesyuarat bersidang, ahli-ahli tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat. Dia baca surat khabar Cina, boss dia tengah bercakap dia boleh tidak dengar menunjukkan bahawa anak buah tidak dengar apa boss cakap. Baca surat khabar Cina boss dia tengah mempertahankan dasar parti. Dia tidak dengar menunjukkan Ketua Pembangkang pun tidak dapat penghormatan.

Tuan Lim Kit Siang: Lebih beratlah, more seriuslah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Jadi 41(c) betul baca surat khabar Cina. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya cakap ini sebab pembangkang tidak layak hendak bercakap. Ketua Pembangkang mengatakan bahawa Barisan Alternatif tidak boleh memerintah. Dia hanya hendak menafikan majoriti 2/3. Itulah dia buat kenyataan. Tetapi dia buat belanjawan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Haji Noh bin Omar: Inikan orang gila ini sudah tahu tidak boleh memerintah hanya hendak menafikan 2/3 dia buat belanjawan sendiri. Inikan gila pembohongan yang dibuat begitu nyata dan terang untuk menipu rakyat. Sebab itu ahli-ahli pembangkang DAP pun daripada Bagan dia tidak hormat ketua dia. Dia baca surat khabar sedangkan ketua dia punya beria-ria mempertahankan dasar parti. Ini 41 (c) ..

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan Yang Berhormat, jangan baca surat khabar itu sudah ditegah.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau kita di pihak sini gila-gila patutlah Yang Berhormat daripada Barisan Nasional patut sangat suka hati, diam-diam tidak sendiri menjadi gila-gila. Kalau sendiri sudah menjadi gila-gila oleh kerana percaya lain orang sudah gila siapa sebenarnya gila. Siapa sebenarnya gila?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Itu sia-sia sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua saya sedang rujuk surat khabar pada hari Sabtu. Ini hari Sabtu punya surat khabar. *Income tax* kurang 1%. Saya baca budget saya bukan baca apa-apa cerita. Ini *Saturday* punya. *One percent, satu percent*.

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita di sini memang kita serius bukan semacam gila-gila main-main.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanjong sila teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Objektif kita DAP ialah..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: ...nanti. Objektif kita DAP ialah untuk menidakkan majoriti 2/3 Barisan Nasional oleh kerana kita mahu memecahkan hegemoni politik Barisan Nasional dan apabila kita kemukakan satu *budget alternatif* oleh 'Barisan Alternatif' ini menunjukkan bahawa bukan sahaja orang dalam Barisan Nasional yang berasa barulah mereka ada kelayakan dan kebolehan untuk menyiapkan, menyediakan dan membentangkan satu budget tetapi orang di luar Barisan Nasional pun ada kepakaran dan kebolehan buat begitu. Itu tidak ada apa-apa salah.

Ini menunjukkan satu pilihan, menyenangkan satu keputusan dibuat oleh rakyat jelata khasnya dalam *election* yang akan datang. Kalau ada ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional rasa bahawa ini semua tindakan-tindakan pihak pembangkang yang tidak akan dapat sokongan rakyat jelata tentu tidak ambil berat tetapi nampaknya pihak Barisan Nasional begitu *excited*, begitu takut, begitu berminat sekurang-kurangnya ini menunjukkan bahawa mereka hormat usaha yang dibuat oleh 'Barisan Alternatif' bukan sahaja mereka hormat sebenarnya Menteri Kewangan Pertama pun adalah tiru beberapa cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam '*budget Barisan Alternatif*'.[.]

Beberapa Ahli: Tipu..

Tuan Lim Kit Siang: ...itu kita semua tahu. Tidak apa kita kemukakan cadangan supaya kalau boleh diterima dan diikuti oleh Barisan Nasional kita pun sokong. Kita pun suka hati. Tetapi ini menunjukkan bahawa kita di sini ada pandangan-pandangan yang baik untuk negara yang begitu baik sehingga kerajaan Barisan Nasional terpaksa untuk menerima. Tuan Yang di-Pertua..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia mimpi di siang hari itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mimpi. Mimpi ialah untuk menidakkan majoriti 2/3 Barisan Nasional memecahkan hegemoni politik dalam pilihan raya akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Apabila ini berlaku kita tengok satu budaya politik yang baru. Tuan Yang di-Pertua, semalam polis pun telah mepelawa secara terbuka untuk memberikan bantuan yang diperlukan oleh BPR untuk menyiasat tuduhan Murad mengenai kononnya wang yang Yang Berhormat dari Permatang Pauh sebanyak RM3 bilion dalam 20 master accountnya.

BPR dan pihak polis harus menjelaskan apa yang telah mereka lakukan ke atas empat laporan polis mengenai rasuah berikut yang telah dibuat oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Dalam laporan polisnya pertama yang dibuat pada 9 Julai 1999, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh merujuk kepada suatu dokuman Bahagian Pendakwaan, Pejabat Peguam Negara yang bertarikh 14 Mac 1995 yang ditandatangani oleh Abdul Gani Patail, yang jelas menyatakan bahawa wujudnya asas *prima facie* untuk mendakwa Dato' Paduka Rafidah Aziz atas lima tuduhan rasuah di bawah Seksyen 2(2), Ordinan 22, 1970 iaitu:

- Sebagai Pengerusi "Jawatankuasa Pembahagian Saham Bumiputera, MITI" beliau meluluskan 1.5 juta saham Syarikat Leader Universal Holding Bhd kepada anak menantunya, Fazrin Azwar bin Mohd Nor;
- Beliau meluluskan satu permohonan dari Fazrin Azwar untuk menjualkan 450,000 unit saham berkenaan;
- Beliau meluluskan satu permohonan dari Fazrin Azwar untuk menjualkan 315,000 unit saham berkenaan;

- Beliau meluluskan satu permohonan dari Fazrin Azwar untuk menjualkan 335,000 unit saham berkenaan; dan
- Beliau meluluskan pengagihan 4,173,190 unit saham FACB kepada FazrinAzmar

Dalam laporannya, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berkata bahawa Peguam Negara tidak meneruskan pendakwaannya atas sebab campur tangan Perdana Menteri, dan ini menyebabkan pendakwaan ke atas Yang Berhormat Perdagangan Antarabangsa dan Industri tidak diteruskan. Dengan itu, kegagalan untuk melakukan apa yang dikehendaki undang-undang bererti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Peguam Negara dan Abdul Gani Patail telah campur tangan dalam pelaksanaan keadilan dan telah melanggar undang-undang.

Dalam laporan polis keduanya yang dibuat pada 21 Julai 1999, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mendakwa bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah diimplikasikan dalam skandal Perwaja, di mana kilang besi keluli tersebut telah menghadapi kerugian bertimbun RM2.9 bilion dan menanggung liabiliti RM6.9 bilion, menjadikannya suatu skandal kewangan paling besar dalam sejarah Malaysia. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang pada masa berkenaan masih memegang jawatan Menteri Kewangan, berkata bahawa Kementerian Kewangan terpaksa melantik *Price Waterhouse* sebagai auditor bebas ke atas skandal Perwaja pada awal 1996 sebaik sahaja diberitahu bahawa Perwaja hampir muflis dan memerlukan suntikan dana yang besar dari kerajaan. Beliau berkata bahawa perlantikan auditor berkenaan terpaksa dilakukan kerana beberapa usaha awal untuk mendapatkan maklumat dari pengurusan masa tersebut, khasnya dari Pengarah Pengurusannya Tan Sri Eric Chia telah gagal kerana beliau berulang kali mendakwa bahawa tindakannya disokong dan diarahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berkata bahawa dakwaan-dakwaan Eric Chia telah disokong oleh surat-surat yang ditulis oleh Perdana Menteri sendiri.

Dalam beberapa tahun yang lepas, Perdana Menteri, menteri-menteri serta BPR ingin menyakinkan orang ramai bahawa sebab penyiasatan ke atas skandal Perwaja tidak dapat diselesaikan adalah kerana kesukaran untuk mendapat kerjasama dari pihak-pihak

asing demi menyiasat ke dalam salah urus kewangan, penyelewengan dan kelakuan rasuah yang berlaku dalam Perwaja kerana BPR tidak berkuasa untuk memanggil saksi atau lain-lain pihak terlibat yang berada di luar negeri.

Berikutan dengan laporan polis Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ini, rakyat Malaysia berhak diberitahu sama ada sebab utama penyiasatan BPR ke atas skandal Perwaja ini tidak mendatangkan hasil adalah kerana penglibatan terus Perdana Menteri. Sungguhpun wujudnya 'transaksi luar biasa' yang melibatkan orang asing, seperti RM76.4 juta yang kononya dibayar kepada sebuah syarikat yang tidak wujud di Hong Kong. Wujud juga 'transaksi atau pembayaran yang luar biasa' yang dilakukan dalam negara ini. Salah satu daripadanya adalah RM93 juta yang dibayarkan untuk skim perumahan kakitangan Perwaja di Kemaman dan Gurun – menjadikan kos purata setiap unit rumah teres satu tingkat bernilai RM121,000 di Kemaman dan RM113,000 di Gurun – kos tinggi yang sungguh menghairankan. Rakyat Malaysia tidak mahu melihat BPR terus menyiasat skandal Perwaja untuk selama 10 dan 20 tahun lagi, di mana semua orang yang terlibat, termasuk Perdana Menteri, tidak lagi ada, tetapi menghendaki BPR menyelesaikan tugasnya secepat yang mungkin, memandangkan kerja penyiasatannya telah berlanjutan selama lima tahun.

Dalam laporan polisnya yang ketiga pada 30 Julai 1999, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mendakwa bahawa Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin melakukan rasuah kerana menerima wang dan saham dari tiga tokoh korporat terkenal semasa beliau masih memegang jawatan Menteri Kewangan dari 1984 – 1991.

Dalam laporan polisnya beliau melampirkan surat yang dituliskan oleh Pengerusi Renong Bhd Halim Saad, Pengerusi Malaysian Airline System Bhd, Tajudin Ramli, dan Pengerusi Land and General Bhd, Wan Azmi Wan Hamzah kepada Yang Berhormat bagi Merbuk dalam tahun 1990, menunjukkan 'dengan jelasnya' bahawa Yang Berhormat bagi Merbuk telah menerima wang dan saham korporat yang bernilai lebih kurang RM600 juta. Sekiranya seorang Menteri Kewangan menerima kekayaan sebegitu semasa memegang jawatan rasmi, ini adalah dianggap sebagai salah laku rasuah.

Menurut dokumen-dokumen yang dilampirkan oleh Yang Berhormat bagi Permatang Pauh kepada laporan polisnya, surat Halim yang bertarikh April 1990 menyatakan bahawa beliau sedang memegang lebih kurang 52 juta saham Faber Merlin

Bhd. dan 130 juta saham Renong sebagai amanah kepada Yang Berhormat bagi Merbuk. Wan Azmi dan Tajudin juga masing-masing mengesahkan dalam surat-surat yang berasingan bahawa mereka memegang sejumlah RM150 juta dan RM70 juta wang tunai sebagai amanah kepada Yang Berhormat bagi Merbok. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berkata dalam laporan polisnya bahawa beliau agak pasti bahawa angka-angka ini hanya merupakan sebahagian kecil harta yang diperolehi oleh Yang Berhormat bagi Merbok semasa menjadi Menteri Kewangan dan beliau semasa itu sebenarnya bertindak bagi pihak Perdana Menteri dalam sesetengah kes.

Dalam laporan polis keempatnya yang dibuat pada 20 Ogos 1999, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mendakwa bahawa Kamar Peguam Negara dan BPR telah membuat kesimpulan pada Jun 1994 bahawa wujudnya kes *prima facie* untuk mendakwa Ketua Menteri Melaka pada masa itu, Tan Sri Rahim Tamby Chik atas empat dakwaan rasuah, berdasarkan maklumat yang dibekalkan kepada BPR oleh bekas Ahli Parlimen Kota Melaka, Lim Guan Eng. Yang Berhormat bagi Permatang Pauh berkata bahawa berdasarkan maklumat Guan Eng, BPR juga mendapati bahawa Rahim memiliki akaun di sepuluh bank, berbagai kepentingan perniagaan dan hartanah – bahawa pada 31 Mei 1993, harta yang diketahui dimiliki oleh Rahim berjumlah RM39.8 juta.

Dalam tempoh tiga hari yang lepas, Menteri-menteri Barisan Nasional, termasuk Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ling Liong Sik serta Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri seperti Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Koh Tsu Koon dan organisasi-organisasi seperti MTUC dan CUEPACS, semuanya meminta supaya penyiasatan yang sepenuhnya dilakukan ke atas *statutory declaration* Murad terhadap Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, tetapi tidak seorang pun daripada mereka yang meluahkan satu perkataan untuk meminta supaya penyiasatan dilakukan ke atas empat laporan polis Yang Berhormat bagi Permatang Pauh mengenai rasuah dan salah guna kuasa di tempat-tempat politik yang tinggi itu.

Pada 13 Jun 1997, saya telah membuat satu laporan polis kepada BPR meminta supaya siasatan dilakukan ke atas isu bagaimana Ling Hee Leong, anak kepada Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan, berupaya pada umur mudanya 27 tahun, menjalankan usaha pembelian saham-saham syarikat sejumlah RM1.2 bilion dan sama ada berlaku sebarang salah guna kuasa dan pengaruh politik serta kedudukan kementerian ayahnya.

Saya pernah berkata pada masa itu bahawa sekiranya Ling Hee Leong berupaya pada umur 27 tahun, tanpa sebarang rekod yang membanggakan, berkeupayaan memperolehi saham-saham bernilai RM1.2 bilion dalam tempoh beberapa bulan sahaja berpandukan meritnya sendiri, maka beliau harus dijadikan teladan kepada mereka yang berhasrat menjadi usahawan-usahawan di Malaysia dan BPR haruslah menunjukkan pada ke seluruh negara laporan siasatannya untuk menunjukkan bagaimana Ling Hee Leong berupaya melakukan ini semua tanpa menggunakan pengaruh tidak halal politik atau kementerian ayahnya.

Masa lebih dari dua tahun telah berlalu, dan kes ini telah menjadi satu lagi kes yang melibatkan profil yang begitu tinggi tetapi dibiarkan oleh BPR diselimuti habuk. DAP menyeru supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Penyiasatan Diraja untuk menjalankan penyiasatan terhadap semua tuduhan penyelewengan, ketidaksenonohan dan penyalahgunaan kuasa yang telah didedahkan sama ada dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama, Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Peguam Negara, Abdul Gani, Patail, Rahim Tamby Chik, Presiden MCA atau Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, supaya rakyat Malaysia dan masyarakat dunia dapat mengetahui isu sebenar dan saya mencabar menteri-menteri dan para Ahli Parlimen Barisan Nasional supaya membalas secara positif terhadap cadangan ini untuk menunjukkan bahawa mereka tidak takut dengan penyiasatan terbuka ke atas penyelewengan-penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di peringkat politik tertinggi.

Indonesia yang mempunyai reputasi rasuah yang begitu buruk dan diletakkan di tempat ke 96 di antara 99 buah negara dalam CPI bagi tahun 1999, telah memulakan perang membanteras rasuah. Di upacara mengangkat sumpah Kabinetnya pada hari Jumaat lepas, Presiden baru Indonesia, Abdurrahman Wahid memberi amaran supaya ahli-ahli Kabinetnya mengamalkan cara hidup yang jujur dan bersifat sederhana. Beliau berikrar untuk mewujudkan satu kerajaan yang bersih, iaitu permintaan pembaharuan yang utama, dan mengatakan bahawa mana-mana ahli dari Kabinetnya yang di bawa ke mahkamah atas sebarang alasan harus meletak jawatan dengan segera.

Indonesia memerlukan masa untuk mencapai tahap sistem integriti Malaysia, tetapi sekiranya Indonesia dapat memperbaiki kedudukannya dalam CPI dengan

pantasnya dalam masa beberapa tahun akan datang manakala kedudukan Malaysia terus jatuh, maka kita harus merasa malu sungguhpun kini dan masa hadapan kita berada di kedudukan yang jauh di depan Indonesia. Bagaimanapun kita mesti mengakui bahawa adalah sesuatu yang amat memalukan kerana kita ada menteri-menteri dan pemimpin-pemimpin kerajaan yang masih dapat melawat ke seluruh negara serta melawat ke negara asing sungguhpun menghadapi tuduhan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, yang tidak dapat dihapuskan tuduhan-tuduhan tersebut kerana semuanya ini tidak dapat dihadapkan ke mahkamah, sungguhpun BPR dan Jabatan Peguam Negara pernah mencadangkan supaya pendakwaan dilakukan.

Yang lebih memalukan lagi adalah hakikat bahawa kita mempunyai seorang Menteri Kabinet Kanan yang dituduh dengan dakwaan rasuah dan penyalahgunaan kuasa, yang tidak melakukan apa-apa untuk membersihkan nama dan reputasinya, dan kini cuba muncul sebagai *crusader* yang memerangi rasuah. Saya merujuk kepada Menteri Kewangan Pertama, yang mahukan Bank Negara memeriksa integriti pegawai-pegawainya selepas pengisytiharan *statutory declaration* Murad yang kononnya Yang Berhormat bagi Permatang Pauh memiliki 20 “*Master Accounts*” yang mengandungi harta sejumlah RM3 bilion.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusikan Mesyuarat*].

Nampaknya, Yang Berhormat bagi Merbuk tidak sedar bahawa tuduhan-tuduhan Murad ini membabitkan Bank Negara, dan bukan terhad kepada satu atau dua peristiwa, tetapi secara sistematik bagi tempoh-tempoh beberapa tahun. Murad merupakan Penolong Gabenor Bank. Beliau mengaku bahawa beliau terlibat dalam tingkah laku haram semasa menjadi Penolong Gabenor. Beliau melakukannya di bawah pimpinan dua Gabenor Bank Negara. Adakah beliau dapat berbuat demikian dalam tempoh yang begitu lama tanpa diketahui orang lain dalam Bank Negara? Jika beliau berbuat demikian, pastinya orang lain dalam bank juga berbuat demikian bagi orang lain atau pihak lain.

Ini mengimplikasikan bahawa Bank Negara mungkin terlibat dalam rasuah, pelaburan wang haram dan penyalur tabung melalui cara haram bagi tujuan haram. Ini mengimplikasikan bahawa sesetengah pegawai dalam Bank Negara mungkin melaksanakan dasar-dasar yang menjejaskan kepentingan negara. Sudah tiba masanya

untuk menjalankan satu penyiasatan dan audit penuh dan bebas ke atas Bank Negara, seperti mana yang dijalankan ke atas Bank Bali, untuk memperjelaskan kebenaran dan tuduhan-tuduhan karut.

Saya berasa terperanjat apabila membaca kenyataan Ketua Pengarah BPR Zaki Husin semalam dalam akhbar *Star* yang memetik percakapannya iaitu kakitangan awam tidak ada alasan baik untuk terlibat dalam rasuah berikutan bonus dan kenaikan gaji yang diumumkan dalam Belanjawan tahun 2000.

Ini merupakan satu penghinaan besar terhadap kejujuran dan moral perkhidmatan awam yang mengandungi 800,000 kakitangan. Adakah Zaki berpendapat bahawa semua kakitangan awam kerajaan yang menerima rasuah dan menyeleweng mempunyai alasan baik sebelum Belanjawan tahun 2000?

Rasuah merupakan punca penderitaan masyarakat dan harus dihapuskan tanpa sebarang kompromi atau alasan. Nampaknya halangan utama untuk memerangi rasuah tanpa mengira ikan yu atau ikan bilis adalah BPR sendiri.

Inilah sebab mengapa 'Barisan Alternatif', dalam Manifesto Bersama "Ke arah Malaysia Yang Adil" yang diumumkan pada 24 Oktober 1999, menyeru supaya dibentuk BPR yang bebas, yang dilindungi perlembagaan, terus bertanggungjawab kepada Parlimen dan diketuai oleh seorang rakyat Malaysia yang berwibawa sebagai langkah penting untuk memulihkan ketelusan, kebolehpercayaan dan integriti di negara ini.

Sebenarnya, ini ialah cadangan yang terkandung dalam semua tuntutan atau permintaan pilihan raya yang telah dibuat oleh pelbagai sektor masyarakat sama ada Tuntutan Pilihan raya Organisasi Cina Malaysia yang mendapat sokongan lebih dari 2,000 organisasi Cina, Deklarasi "Rakyat Adalah Bos", Deklarasi "Kembalikan Pentadbiran kepada Rakyat", Tuntutan Rakyat India Malaysia bagi Masa Depan Yang lebih Cerah, Agenda Wanita 1999, Deklarasi Keutamaan Pekerja dan Kesatuan Sekerja yang dimulakan oleh 17 kesatuan-kesatuan atau Manifesto Rakyat.

Biarlah saya mengumumkan pilihan raya umum bukannya hanya suatu pertandingan parti-parti politik dan calon-calon, tetapi juga suatu pertandingan pendapat, kerana pada hari mengundi bukan sahaja kemenangan parti politik dan calon yang akan

ditentukan, tetapi juga suara manakah yang akan mendahului dalam proses membuat keputusan bagi tempoh lima tahun yang akan datang.

Maka menjelanginya pilihan raya umum merupakan masa yang tepat bagi suara rakyat yang lama diabaikan oleh kerajaan dan Parlimen dikeluarkan, sama ada dalam bentuk rayuan, senarai hasrat, aspirasi atau tuntutan, kerana ini adalah intipati sistem demokrasi yang berdasarkan prinsip kedaulatan rakyat dan adalah sesuatu yang tidak betul bagi sesiapa pun untuk menganggap bahawa ini merupakan sesuatu “ancaman”, sebagaimana yang dihuraikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merujuk kepada Tuntutan Pilihan Raya Organisasi Cina Malaysia.

Rakyat mempunyai hak asasi untuk membuat rayuan atau tuntutan pada pilihan raya umum dalam sebuah masyarakat yang demokratik, kerana inilah masanya mandat kuasa dikembalikan kepada rakyat untuk menentukan siapakah seterusnya yang akan mendapat mandat untuk memerintah sama ada memperbaharui mandat perikatan politik yang sedia ada ataupun perikatan politik yang baru.

Rakyat yang tidak dapat membuat tuntutan dengan menyuarakan aspirasi mereka sama ada dalam bentuk Tuntutan Pilihan Raya atau Manifesto Rakyat, tidak dapat menikmati hak penuh dalam sesebuah masyarakat yang demokratik tetapi hanya hidup dalam masyarakat yang berdemokrasi terhad.

Hanya mereka yang mempunyai fikiran yang tidak demokratik atau feodal yang akan menganggap bahawa rayuan atau tuntutan sedemikian sebagai ‘ancaman’ terhadap kerajaan atau cuba menuduh tuntutan atau rayuan ini sebagai tidak penting dalam segi politik, dengan mengumumkan bahawa ini bukannya tuntutan pilihan raya tetapi ialah suatu senarai aspirasi dan rayuan yang tidak mempunyai lingkungan masa untuk dicapai atau dilaksanakan” dan tidak berkaitan dengan pilihan raya umum ke-10 yang akan datang.

Adalah amat dikesali bahawa Kerajaan Barisan Nasional langsung tidak memahami aspirasi rakyat Malaysia yang ingin melihat suatu BPR yang bebas dan berautonomi dan menjalankan tugas membasmi rasuah tanpa ketakutan dan berat sebelah, dan hanya bertanggungjawab kepada Parlimen.

Akan tetapi, BPR bukannya satu-satu institusi yang kebebasannya disekat setelah kewujudan hegemoni politik Barisan Nasional selama 42 tahun yang bertambah buruk

lagi oleh pemegangan jawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selama 18 tahun yang telah bertukar tiga orang Timbalan Perdana Menteri.

Sebagai contohnya, sementara ACA melaung-laungkan kepada seluruh dunia bahawa ia akan melancarkan penyiasatan ke atas tuduhan Murad mengenai salah laku Yang Berhormat Permatang Pauh berdasarkan *statutory declaration*nya, apakah yang telah dilakukan oleh BPR berkenaan dengan dakwaan-dakwaan serius mengenai salah laku rasuah dan salah ku guna kuasa yang berlaku dalam kes fitnah *Asian Wall Street Journal*, iaitu:

- (i) Bahawa keputusan mahkamah yang dilakukan oleh Datuk Mohtar Sidin dalam tahun 1994 berkenaan kes fitnah Tan Sri Vincent Tan lawan MGG Pillai adalah, dengan izin *'written in part by the plaintiff's counsel, Dato V.K. Lingam, and initially typed by the said Dato V.K. Lingam's secretaries, viz. one Jayanthi and one Sumanthi'*, bahawa keputusan mahkamah berkenaan telah, dengan izin, *'corrected by the said Dato V.K. Lingam and the final draft dispatched'* kepada hakim berkenaan dalam bentuk *'floppy disk'*.
- (ii) Bahawa Datuk Lingam menghantar Ketua Hakim Tun Eusoff Chin dan keluarganya bercuti bersama di New Zealand, menyebabkan Tun Eusoff Chin terhutang budi kepadanya. Percutian berkenaan melibatkan perbelanjaan penerbangan bersama ke tempat peranginan mewah di Queenstown dan Christchurch, di mana Dato V.K. Lingam dan Ketua Hakim, dengan izin, *'posed for pictures with their arms around each other and with each other's families'*.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan orang ramai terhadap kebebasan dan integriti badan kehakiman serta prinsip kedaulatan undang-undang kini menjunam ke tahap paling rendah dalam sejarah negara ini, tetapi institusi-institusi negara lain yang penting juga turut terjejas dalam pelbagai krisis keyakinan yang melanda negara ini, sama ada ianya pejabat Peguam Negara, Ketua Audit Negara, Suruhanjaya Pilihan Raya, Polis, Bank Negara dan sebagainya.

Sebagai contohnya, saya masih menanti-nanti Ketua Audit Negara Datuk Mohamad Khalil untuk berhenti sikap membisunya untuk menjelaskan sebab mengapa

beliau tidak membalas cadangan saya supaya dijalankan satu audit khas untuk memastikan bahawa tidak berlakunya salah guna dana awam dan kelengkapan kerajaan dalam lawatan pre-election Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Presiden Barisan Nasional dan UMNO demi memancing sokongan para pengundi.

Ataupun beliau tidak bersetuju bahawa perlunya wujud perbezaan yang ketara antara dua jawatan - Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri negara ini dan sebagai Ketua UMNO dan Barisan Nasional bahawa bukannya urusan Perdana Menteri Malaysia untuk berklempen memancing undi bagi Barisan Nasional, dan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melawat ke semua negeri di negara ini atas kapasitinya sebagai Ketua UMNO dan Barisan Nasional, maka beliau tidak boleh melibatkan dana awam dan sumber-sumber kerajaan kerana ianya suatu tindakan salah guna kuasa, salah urus dana awam dan terang-terang percanggahan kepentingan dan merupakan korupsi.

Saya juga sedang menunggu penjelasan dari Ketua Audit negara mengenai sebab mengapa beliau tidak menyiasat insiden di mana semasa Barisan Nasional mengadakan perjumpaan politik dan semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan terbukanya meminta sokongan pengundi-pengundi bagi pihak UMNO dan Barisan Nasional, seluruh perjumpaan itu disiarkan secara langsung oleh televisyen kerajaan tanpa dituntut sebarang yuran penyiaran iklan.

Suruhjaya Pilihan Raya juga merupakan satu lagi entiti penting kerajaan yang mana kebebasan dan integritinya dicurigai kini. Saya merasa sangat tidak puas hati dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, semasa beliau menggulung perbahasan ke atas peruntukan tambahan 1999 pada minggu lepas atas banyak isu yang telah saya bangkitkan mengenai Suruhjaya Pilihan Raya dan kerja-kerja persediaannya untuk menghadapi pilihan raya kesepuluh negara ini.

Malah beliau telah menipu Dewan ini dan rakyat jelata apabila beliau mengatakan bahawa pernah berlaku dalam pilihan raya-pilihan raya umum yang lepas di mana pengundi tidak dapat mengundi kerana senarai pemilih yang di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya belum siap sedia apabila Parlimen dibubarkan.

Ini adalah tidak benar. Saya telah memeriksa rekod empat pilihan raya umum yang lepas, semuanya semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang

jawatan Perdana Menteri, sama ada pilihan raya tahun 1982, 1986, 1990 atau 1995, dan untuk setiap satu pilihan raya umum ini, senarai pemilih yang digunakan merupakan senarai yang terbaru, dan tidak pernah sekali pun berlaku di mana pemilih-pemilih baru tidak dapat melaksanakan hak Perlembagaan mereka untuk membuang undi kerana senarai pemilih-pemilih masih belum siap diproses.

Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri juga mengelirukan Dewan ini apabila beliau berkata bahawa bukannya sesuatu yang luar biasa bagi Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil masa lapan bulan untuk menyediakan senarai pemilihannya.

Bagi senarai pemilih yang digunakan untuk Pilihan Raya Umum 1995, Suruhanjaya Pilihan Raya telah mengambil masa enam bulan dan sembilan hari untuk menyiapkannya. Bagi Pilihan Raya Umum tahun 1990, ia menggunakan masa empat bulan untuk menyiapkan senarai pemilih terbaru bagi seluruh Malaysia kecuali Sabah yang memakan masa lima bulan. Bagi Pilihan Raya 1986, Suruhanjaya Pilihan raya mengambil masa lapan bulan dan empat hari untuk menyediakan senarai pemilih terbarunya untuk seluruh Malaysia kecuali Sabah dan untuk Pilihan Raya Umum 1982, Suruhanjaya Pilihan Raya mengambil masa lima bulan sembilan belas hari untuk menyediakan senarai pemilihnya.

Mengapakah kini, pada masa kita hampir memasuki alaf baru dan di tengah zaman teknologi maklumat, Suruhanjaya Pilihan Raya memerlukan masa lebih lapan bulan untuk menyiapkan senarai pemilih terbaru, memandangkan kempen pendaftaran pemilih telah berakhir dalam minggu pertama bulan Mei?

Sekiranya senarai pemilihan terbaru tidak dapat disiapkan menjelang Hari Raya pada 7 atau 8 Januari 2000, maka ini bererti Suruhanjaya Pilihan Raya akan memerlukan lebih lapan bulan untuk menyiapkannya. Adalah suatu rahsia terbuka bahawa Barisan Nasional tidak berapa berkeyakinan dengan senarai pemilih terbaru yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya ini, kerana ia akan membawa kepada 650,000 pemilih baru, kebanyakannya dari golongan generasi muda.

Barisan Nasional tidak berkeyakinan bahawa ia akan mendapat sokongan majoriti generasi muda Malaysia dan inilah sebab mengapa ia risau bahawa ianya tidak akan dapat mengekalkan majoriti dua pertiganya di Parlimen dalam pilihan raya umum seterusnya sekiranya 650,000 pengundi baru ini diizinkan mengundi.

Ada orang yang meramalkan bahawa Parlimen akan dibubarkan selepas Ulang Tahun ke-25 Barisan Nasional diraikan pada hari Ahad sebelum ini pada 24hb. Oktober ataupun selepas pembentangan Belanjawan 2000 Jumaat yang lepas. Saya kini semakin berpendapat bahawa Parlimen tidak akan dibubarkan bulan ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memerlukan lebih masa untuk memastikan bahawa beliau akan mengekalkan majoriti Parlimen dua pertiga dalam pilihan raya yang akan datang.

Sekiranya Parlimen tidak dibubarkan bulan ini, maka pilihan raya umum kesepuluh tidak akan diadakan sehingga selepas Hari Raya pada 7 atau 8. Januari 2000. Bagaimanapun, oleh sebab Barisan Nasional tidak ingin menggunakan senarai pemilih baru yang sedang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya disebabkan 650,000 pengundi muda barunya, maka pilihan raya umum mungkin akan diadakan pada minggu ketiga bulan Januari. Persoalannya adalah sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya akan mematuhi kehendak Barisan Nasional dengan sengaja melambat-lambatkan penyiapan senarai pemilih barunya supaya ia tidak dapat digunakan dalam pilihan raya umum nanti sekiranya diadakan pada pertengahan kedua bulan Januari.

Saya tidak bertujuan mempersoalkan atau meragui kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihan Raya kerana DAP mahu melihat ianya berupaya melaksanakan mandat perlembagaannya dan bertanggungjawab mengendalikan pilihan raya yang bebas dan adil. Bagaimanapun, adalah amat penting supaya Suruhanjaya Pilihan Raya tidak bertindak sehingga menimbulkan keraguan bahawa ianya terlibat dalam kempen untuk menjadikan pilihan raya yang akan datang ini satu pilihan raya 'terkotor' dalam sejarah negara kita dengan menafikan hak pengundi 650,000 pengundi-pengundi baru.

Inilah sebab mengapa Suruhanjaya Pilihan Raya harus memberikan penjelasan yang begitu jelas dan memuaskan mengenai sebab mengapa ia mengambil masa yang begitu panjang sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan 18 tahun ini untuk menyiapkan senarai pemilih terbaru dan sebab mengapa adalah tidak mungkin untuk Suruhanjaya Pilihan raya mempercepatkan proses ini untuk memastikan bahawa senarai terbaru akan disiapkan sekurang-kurangnya pada akhir tahun ini.

Dua hari sebelum Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama membentangkan Belanjawan 2000 di Parlimen, buat pertama kalinya dalam sejarah politik Malaysia, satu

belanjawan alternatif telah dibentangkan iaitu Belanjawan 2000 Strategi Pemulihan, Pembangunan dan Keadilan Barisan Alternatif.

Kami merasa gembira kerana salah satu daripada cadangannya dalam belanjawan Barisan Alternatif ini ialah pemansuhan lesen televisyen telah diterima oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama dalam Belanjawan 2000nya. Beliau sepatutnya bersikap lebih terus terang dan mengucapkan terima kasih kepada Barisan Alternatif atas cadangan ini tetapi sebaliknya beliau cuba mengelirukan rakyat menerusi cerita karut bahawa kerajaan telah memansuhkan lesen televisyen sejak 1 April tahun ini.

Dalam ucapan belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama berkata, “Kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang bertanggungjawab dan tidak pernah menipu rakyat”. Tetapi dakwaan beliau bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menipu rakyat ini tidak tahan lama kerana sebaik sahaja beliau mengakhiri ucapan belanjawannya, DAP telah mendedahkan bahawa beliau tidak bercakap benar apabila beliau berkata kerajaan telah memansuhkan lesen televisyen sejak April tahun ini.

Rakyat Malaysia diberitahu buat pertamanya bahawa lesen televisyen telah dimansuhkan dari ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama dan malah para pegawai Kementerian Penerangan tidak sedar akan perkara ini kerana sejak 1 April, rakyat Malaysia terus membayar lesen televisyen mereka dan resit rasmi terus dikeluarkan.

Adalah sungguh dikesali bahawa demi menghalang ‘Barisan Alternatif’ mendapat kredit kerana mencadangkan dalam ‘Belanjawan Alternatif’ nya pemansuhan lesen televisyen ini Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama telah menipu dengan mendakwa bahawa kerajaan telah memansuhkan lesen televisyen sejak 1 April.

Timbalan Menteri Penerangan telah mengakui bahawa selepas Belanjawan 2000 ‘Barisan Alternatif’ diumumkan pada hari Rabu, 27 Oktober, Kementerian Kewangan telah mengadakan satu mesyuarat tergepar pada malam 28 Oktober dan membuat keputusan pada saat-saat terakhir untuk memasukkan cadangan memansuhkan lesen televisyen ini ke dalam Belanjawan 2000 Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama untuk hari seterusnya.

Ini merupakan sebab mengapa pada Jumaat yang lepas, para wartawan di Parlimen hanya mendapat salinan ucapan Belanjawan mereka pada lewat petang, selepas

Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama hampir menghabiskan ucapan beliau dan bukannya seperti pembentangan belanjawan yang lepas di mana ucapan belanjawan akan diedarkan sebaik sahaja Yang Berhormat Menteri Kewangan memulakan ucapannya.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama berkata bahawa pemansuhan yuran lesen televisyen akan menyebabkan kekurangan pendapatan sebanyak RM43 juta setahun. Pembayaran balik yang perlu dilakukan oleh kerajaan kepada rakyat Malaysia yang telah membayar yuran lesen televisyen berjumlah lebih dari RM43 juta, mungkin mencapai jumlah lebih RM60 juta

Pembayaran balik mesti diberi kepada mereka yang telah membayar lesen televisyen selama 3 atau 5 tahun dan kepada mereka yang mempunyai lesen yang masih sah. Contohnya kepada mereka yang memperbaharui lesen tahunan pada Julai 1998.

Pada tahun 1997, 7,457 orang rakyat Malaysia telah membayar lesen televisyen selama 3 tahun dan 1,724 orang membayar lesen selama 5 tahun; pada tahun 1998, 8,047 orang telah membayar lesen selama 3 tahun dan 2,583 orang telah membayar lesen selama 5 tahun; sementara pada Januari 1999, 591 orang membayar lesen selama 3 tahun dan 167 orang membayar lesen selama 5 tahun. Saya tidak ada angka bagi mereka yang membayar lesen selama 3 tahun dan 5 tahun dalam tempoh 9 bulan iaitu antara bulan Februari dan Oktober 1999.

Walau bagaimanapun, saya amat prihatin, iaitu apabila rakyat Malaysia pergi ke pejabat pos untuk menuntut balik bayaran atau *refund* mereka yang berjumlah lebih dari RM60 juta, keadaan kelam kabut dan riuh rendah akan wujud dengan orang pergi ke sana ke mari, membazirkan masa mereka yang berharga dan menimbulkan kemarahan awam akibat daripada sistem *refund* yang tidak cekap dan tidak teratur.

Pertama, Kementerian manakah yang akan bertanggungjawab atas pembayaran balik – Kementerian Penerangan yang telah menerima bayaran lesen televisyen atau Kementerian Komunikasi Multimedia yang kini mengambil alih fungsi pelesenan dan penguatkuasaan televisyen daripada Kementerian Penerangan, ataupun Kementerian Kewangan?

Tanpa mempedulikan kementerian manakah yang akan bertanggungjawab ke atas *refund*, kerajaan harus memastikan wujudnya satu sistem *refund* yang teratur atau *hassle free* supaya tidak menyusahkan rakyat Malaysia dan mereka dapat menerima *refund*

daripada pejabat pos masing-masing yang telah mereka bayarkan lesen pada awal-awalnya.

Akan tetapi, bilakah pejabat pos di negara ini akan mendapatkan wang sebanyak RM60 juta untuk membuat *refund* ini? Adakah ini akan dilakukan selepas pilihan raya atau selepas tahun depan?

Belanjawan tahun 2000 'Barisan Alternatif' juga mencadangkan peningkatan kadar pengecualian cukai pendapatan peribadi kepada RM12,000. Yang Berhormat Menteri Kewangan I hanya melaksanakan sebahagian daripada cadangan Barisan Alternatif, iaitu meningkatkan pengecualian cukai pendapatan peribadi dari RM5,000 kepada RM8,000 – masih kekurangan RM4,000 yang dicadangkan oleh Barisan Alternatif.

Adalah sesuatu yang dikesali kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan I tidak menerima cadangan Barisan Alternatif untuk membenarkan 100% pengecualian cukai ke atas perbelanjaan pendidikan, walaupun beliau menambahkan pelepasan insurans pendidikan dari RM2,000 kepada RM3,000 dan membenarkan ahli-ahli KWSP mengeluarkan sebahagian daripada simpanan mereka untuk tujuan pendidikan tinggi.

Akan tetapi, ini adalah langkah-langkah yang tidak memadai bagi sebuah kerajaan yang harus memperkukuhkan kualiti kehidupan dan persaingan negara ini dalam pasaran dunia dengan memberi keutamaan kepada pendidikan.

Apabila Belanjawan Barisan Alternatif diumumkan, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan propagandist mereka cuba mempersendakannya, dengan wujudnya satu rencana di *New Straits Times* yang menuduh bahawa Belanjawan Barisan Alternatif akan 'menghalang pemulihan' *derail recovery* dengan izin atas sebab Barisan Alternatif mencadangkan satu dasar fiskal yang bertentangan dengan menggunakan bahasa yang berbunga-bunga tetapi berniat jahat bahawa *pour kerosene on a fire* menggambarkan dasar Barisan Alternatif sebagai menggunakan kerosin untuk memadamkan api.

Sebenarnya, Belanjawan tahun 2000 Yang Berhormat Menteri Kewangan I dan strategi Belanjawan Barisan Alternatif bersetuju atas keperluan satu belanjawan yang mengembang atau *expensery* untuk memulih semula ekonomi memandangkan pemulihan yang lemah sehingga kini. Perkara-perkara yang tidak disetujui adalah dari segi

keutamaan perbelanjaan, cara cukai diedarkan dan strategi belanjawan yang sesuai untuk merangsang pemulihan yang berterusan.

Jika belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan I dibentangkan oleh Barisan Alternatif Rabu lalu, Barisan Alternatif akan dikutuk oleh propagandist dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional sebagai tidak bertanggungjawab terhadap *kurang cukai, belanja banyak*'.

Lebih daripada seminggu yang lalu, saya telah memberi amaran kepada rakyat bahawa menerusi satu kenyataan media bahawa belanjawan tahun 2000 akan merupakan belanjawan pilihan raya. Saya turut memberi amaran bahawa negara kita tidak dapat menanggung satu belanjawan yang direka untuk menunjukkan faktor *feel good* memandangkan isu ekonomi serius yang dihadapi kini dan bahawa kita tidak boleh kehilangan peluang pembentangan belanjawan kali ini untuk menilai semula dasar-dasar negara yang penuh kelemahan-kelemahan.

Kami dalam Barisan Alternatif telah memperkenalkan satu belanjawan alternatif yang mengambil kira keperluan perubahan untuk menyemak arus krisis yang semakin mendalam. Saya perlu menyuarakan kekecewaan saya di sini bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan I tidak menghiraukan cadangan-cadangan membina yang dibentangkan oleh juruanalisis yang bertanggungjawab. Yang Berhormat Menteri Kewangan I telah membentangkan satu belanjawan yang berdasarkan senario pertumbuhan yang baik, tidak menghebohkan risiko negatif tempatan dan asing dan dasar-dasar yang tidak konsisten.

Rangka dasar yang digunakan sebenarnya telah mengelirukan dan mengabui rakyat Malaysia, contohnya sandiwara pemansuhan lesen televisyen yang bermula dari 1 April tahun yang telah saya dedah tadi pada awal. Cadangan hasil dan cadangan kewangan tidak kukuh, banyak cadangan perbelanjaan merupakan hadiah pilihan raya dan *goodies* kepada mereka yang dianggap sebagai pengundi-pengundi yang mudah terpedaya. Belanjawan 2000 ini adalah belanjawan pertama bagi alaf baru tetapi ia hanya meneruskan dasar-dasar cacat atau *flood* yang diamalkan oleh Barisan Nasional.

Belanjawan 2000 ini merupakan satu belanjawan yang dirancang untuk menyuap pengundi sebelum pilihan raya. Ia bertujuan memberi gambaran baik kepada ekonomi kita, ia berdasarkan penilaian keadaan ekonomi palsu yang dihadapi negara. Ini

merupakan satu penafian terhadap keadaan tidak menentu yang negara kita hadapi masa ini.

Dasar-dasar yang dikemukakan adalah dasar-dasar yang gagal, dasar-dasar yang telah dicuba dalam tempoh dua tahun yang lalu untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam krisis ekonomi yang tercetus di rantau ini dua setengah tahun yang lalu. Cadangan-cadangan yang dibentangkan nampaknya akan memburukkan lagi masalah yang kita hadapi pada masa depan. Sekali lagi Barisan Nasional mempermainkan masa depan, kemakmuran dan kesejahteraan negara kita. Ini adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab.

Belanjawan ini mesti dilihat mengikut perspektif. Satu tahun yang lalu, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan belanjawan tahun 1999 keadaan ekonomi adalah lembab, dasar-dasar berada dalam keadaan kucar kacir. Kerajaan tersenggok-senggok untuk melaksanakan kawalan modal dan penetapan nilai ringgit, kata-kata melulu telah digunakan untuk menyalahkan semua masalah ke atas mereka yang menyerang pasaran sementara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencela dan menyalahkan seluruh dunia tetapi tidak mengakui bertanggungjawab ke atas dasar-dasar yang membawa kepada krisis.

Sungguhpun kesan jangkitan memainkan peranannya dalam menjejaskan ekonomi Malaysia, punca-punca sebenarnya krisis ekonomi adalah jelas, pinjaman yang terlalu ghairah sama ada dari pasaran tempatan mahupun asing yang berterusan untuk menggiatkan ekonomi buih atau *bubble economy* merupakan faktor-faktor sebenar. Pemindahan entiti awam dengan bertopengkan *privatization* atau apa yang saya ada sebut sebagai '*piratization*' kepada rakan-rakan dan kroni-kroni adalah sebahagian daripada faktor yang mempergiatkan ekonomi buih ini.

Fungsi pengawalan dan penyeliaan kerajaan dimanipulasikan untuk melindungi pemain-pemain *cooperate* yang tamak. Pengaliran keluar modal yang berlaku tidak terhadap kepada wang jangka pendek yang dilaburkan oleh orang asing tetapi juga pengaliran wang tempatan. Simpanan ringgit di luar pesisiran pantai tidak berlaku dengan begitu sahaja, ia berlaku disebabkan dengan izin *money-man* Barisan Nasional yang cuba mengelak membayar cukai, menyimpan kekayaan haram mereka dalam akaun luar pesisiran pantai. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh cuba menafikan

aspek-aspek krisis ini serta mempersalahkan pengurus kewangan dan pedagang mata wang tetapi kebenaran tidak dapat diubah.

Sementara menghadapi krisis ekonomi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengheret negara kita ke dalam satu krisis politik yang paling serius dalam sejarah kita. Ini merupakan krisis yang dicituskan oleh beliau seorang diri. Beliau menjadikan perselisihan pendapatnya dengan bekas timbalannya mengenai dasar ekonomi dan soal rasuah kepada satu pendita.

Perselisihan ini bukan lagi satu perbezaan pendapat mengenai dasar tetapi perebutan kuasa dan penggunaan kuasa itu oleh golongan terpilih yang diketuainya, yang bertujuan untuk mengaut kekayaan bukannya untuk kebaikan negara tetapi untuk melindungi dan menyelamatkan kroni-kroni yang telah berleluasa di negara ini untuk tempoh lebih dari satu dekad.

Sejak tahun lalu kita melihat bagaimana kuasa telah digunakan untuk menghapuskan perbezaan pendapat menerusi penindasan, pendakwaan, pilih kasih, manipulasi institusi-institusi negara termasuk mereka yang bertanggungjawab, dipertanggungjawabkan untuk menjaga ketenteraman dan keamanan serta mereka yang bertugas memastikan prinsip keadilan dipatuhi.

Kita lihat bagaimana Ketua Polis Negara membelasah Timbalan Perdana Menteri yang digari, ditutup mata dengan kain. Negara kita dan seluruh dunia diperdaya, seterusnya sistem kehakiman kita dipersendakan kerana dakwaan dipinda berulang kali. Rakyat yang berdemonstrasi secara aman menentang ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa telah dibelasah dan dianiayai dengan 'water cannon'. Kita memecah rekod baru, pemenjaraan seorang wartawan asing memungkiri janji untuk menghormati keputusan mahkamah dunia. Orang yang tidak berdosa dibunuh oleh polis, yang gila menembak, dan pembangkang yang membantah, ahli-ahli pembangkang yang membantah keangkuhan kerajaan, diheret ke lokap dengan alasan yang remeh temeh.

Cerita-cerita mengenai tingkah laku rasuah berleluasa yang berlaku di peringkat politik tertinggi telah didedahkan dengan sokongan bukti dokumen. Kita tidak mendengar sebarang penafian atau apa-apa indikasi bahawa mereka yang dinamakan telah disiasat atas tuduhan jenayah atau salah laku. Penyelewengan yang semakin jelas tidak disemak dan negara semakin merasai kesan buruknya.

Perkara-perkara ini tidak boleh dilihat sebagai peristiwa politik berasingan, kesan mereka terlalu besar atas ekonomi, budaya dan moral negara. Peristiwa yang berlaku dalam tempoh dua tahun yang lalu meninggalkan kesan yang tidak dinafikan ke atas Malaysia. Perlu disedari bahawa krisis yang menimpa negara-negara di rantau ini, sebahagiannya adalah disebabkan oleh corak pentadbiran atau 'system of governance' yang dilaksanakan di negara-negara ini. 'Regime authoritarian' mengendalikan hal ehwal negara mereka dengan tanpa boleh kepercayaan dan ketelusan. Inilah regim yang mentoleransi penyelewengan dan merampas aset negara. Malaysia juga tidak terkecuali, sebenarnya tahap rasuah di negara ini adalah lebih tinggi.

Apabila krisis berterusan di beberapa negara yang terjejas Thailand, Korea dan Indonesia, regim lama ditukarkan, dihapuskan, digantikan dengan kerajaan yang ingin mengubah dan membatalkan cara lama menjalankan perniagaan. Adalah jelas bahawa agenda pembaharuan di negara-negara ini telah menyumbang kepada proses pemulihan ekonomi mereka yang lebih cepat. Thailand dan Korea Selatan mempunyai rekod kadar pertumbuhan yang lebih tinggi, sementara Malaysia terus ketinggalan, terperangkap dalam kemelut perbuatannya sendiri. Pembaharuannya tidak berada di dalam agenda Kerajaan Barisan Nasional.

Kita belum melihat pembaharuan di negara ini, Kerajaan Barisan Nasional masih menafi, mengakui silap dan terus mengikuti dasar-dasar yang memperkukuhkan kelakuan rasuah, nepotisme dan kronisme. Langkah-langkah penyelamatan yang melibatkan berbilin-bilion ringgit semakin menjadi-jadi. Pertumbuhan ekonomi tetap lembab dan ekonomi masih tidak stabil dan kemungkinan krisis yang kedua tidak dapat dinafikan.

Pengajaran yang patut diingati adalah negara yang memulakan pembaharuan sebenar termasuk pembaharuan politik telah pulih dengan lebih baik tetapi pemulihan yang dirasakan oleh Malaysia pun masih tidak kekal. Pada keseluruhannya dasar-dasar ekonomi yang diikuti oleh Kerajaan Barisan Nasional masih tidak berubah, pinjam dan belanja demi mengkayakan kroni-kroni masih merupakan tujuan utama dasar-dasarnya. Keadaan yang sama kekal sampai ke hari ini dan janji telah dibuat bahawa kebaikan yang lebih besar akan dikurniakan sekiranya Barisan Nasional dikembalikan kuasa dengan majoriti 2/3 di Parlimen kerana itu akan bererti satu mandat rakyat untuk Barisan Nasional supaya kekalkan dasar kronisme seperti biasa.

Rangka dasar yang diikuti oleh belanjawan ini penuh dengan kecacatan. Dasar mata wang yang longgar, pendirian fizikal yang tidak bertanggungjawab berdasarkan peringkat belanjawan yang dibiayai oleh hutang yang semakin bertambah dan dasar kadar pertukaran yang tidak masuk akal. Dasar-dasar yang bercampur-campur ini merupakan resipi malapetaka, ramalan Yang Berhormat Menteri Kewangan I mengenai inflasi dan pertumbuhan untuk tahun hadapan adalah tidak tepat.

Kita telah nampak satu dasar mata wang yang longgar dalam tempoh setahun yang lalu. Kini Yang Berhormat Menteri Kewangan I bercadang untuk meneruskan dasar-dasar ini yang bertujuan untuk menampung kroni-kroni, co-operate yang sehingga ini tidak menghiraukan keperluan penstrukturan semula secara radikal dan asas, pentadbiran co-operate kekal. Beliau tidak menawarkan cadangan baru mengenai cara bagaimana kerajaan mengatasi kelemahan-kelemahan ini yang penting bagi perkembangan sektor swasta.

Dasar-dasar ini memaksa sektor perbankan terus memberikan pinjaman kepada kroni-kroni co-operate kerajaan menerusi pinjaman arahan politik. Pendekatan ini merosakkan usaha memperkukuhkan imbangan kira-kira bank dengan mengalihkan hutang tidak berbayar atau NPL ke akaun-akaun dana harta dan dana modal. Tambahan pula dasar kewangan yang longgar akan menyuntik keciciran ke dalam pasaran yang kemudiannya meningkatkan inflasi. Dalam konteks ini, kadar inflasi yang diramalkan pada 3% bagi tahun hadapan adalah tidak realistik.

Yang Berhormat Menteri Kewangan juga memperkecil-kecilkan malah tidak menghiraukan hakikat bahawa wujudnya bahaya inflasi baru dalam ekonomi global dan bahawa kadar faedah ekonomi-ekonomi besar dunia ini akan meningkatkan tahun hadapan. Tekanan inflasi global ini akan dipindah ke Malaysia akibat daripada ekonomi kita yang terbuka dan peg ringgit yang tegak. Mengikut trend ini, dasar yang diperkenalkan akan membawa kepada bahaya yang serius kepada ekonomi Malaysia.

Menteri Kewangan sungguhpun beliau cuba membuat penafian, telah cuba sedaya upaya untuk memancing undi. Pertumbuhan perbelanjaan sebanyak 7% adalah agak besar tetapi jelasnya ditaksir kurang daripada yang sebenarnya adalah merupakan tradisi Barisan Nasional untuk mengemukakan angka belanjawan yang rendah semasa

pembentangan belanjawan tetapi angka ini ditambahkan melalui peruntukan perbelanjaan tambahan yang akan dibentangkan sepanjang tahun hadapan.

Berdasarkan corak ini, perbelanjaan kita berkemungkinan besar akan tumbuh melebihi kadar 9% yang dijangka untuk tahun ini. Saya membuat ramalan ini, berdasarkan perkiraan yang satu lagi iaitu pertambahan kos hutang perkhidmatan.

Saya mesti menarik perhatian Dewan ini serta negara kita, bahawa peruntukan perbelanjaan kini condong kepada sifat pemberian hadiah dan penambahan gaji yang sungguhpun perlu dilakukan tidak membawa sebarang kesan produktif atau mendatangkan 'efficiency'. Peruntukan perbelanjaan mengikut objek telah juga terpesong, pembayaran hutang telah bertambah menjadi 18.4% iaitu sedikit kurang daripada RM10 bilion. Ini jelas menggambarkan dasar pinjam dan belanja yang tidak masuk akal yang kebanyakannya dilakukan ke atas projek-projek mega yang mendatangkan kebaikan tersangat minimum kepada rakyat, sungguhpun pertambahan ke atas perkhidmatan sosial agak terhad. Perbelanjaan ke atas perkhidmatan kesihatan Malaysia terus berada pada tahap yang rendah berbanding dengan kebanyakan negara lain yang berada pada tahap pembangunan yang sama.

Manakala dalam segi perbelanjaan pembangunan pula, kita nampak bahawa hampir 46% darinya telah diperuntukan kepada perkhidmatan ekonomi. Sebahagian besar perbelanjaan ini akan disalurkan untuk menyelamatkan projek-projek besar. Adalah jelas bahawa Barisan Nasional berhasrat untuk menambahkan dua kali ganda perbelanjaan pembangunan ke atas sektor-sektor keselamatan dalam negeri, mungkin untuk membeli lebih banyak kereta 'water cannon' – penyembur air serta lain-lain jentera bertujuan menekan rakyat jelata. Adakah ini sebab, mengapa dalam sepucuk surat bertarikh 21 Oktober 1999, Kementerian Dalam Negeri telah tergesa-gesa mendapatkan kelulusan Kementerian Kewangan untuk peruntukan sebanyak RM1.8 juta untuk tujuan pembelian peluru gas pemedih air mata secara perundingan terus tanpa tender terbuka. Alasan yang diberinya adalah demi menghadapi pilihan raya umum yang akan datang, bila-bila masa. Adakah Kementerian Dalam Negeri cuba mengambil bahagian untuk memastikan pilihan raya umum yang akan datang ini satu pilihan raya yang paling kotor sekali atau sebaliknya.

Berbalik kepada Belanjawan 2000, setelah mengkaji secara berhati-hati corak butir-butir perbelanjaan kita mendapati bahawa sungguhpun Menteri Kewangan telah melahirkan sentimen yang suci mengenai tujuan memperbaiki tahap kehidupan dan perkhidmatan sosial dan bahawa ini adalah satu belanjawan rakyat. Belanjawan kali ini sama seperti belanjawan-belanjawan masa lampau yang cuba mengkaburi mata orang ramai. Ia tidak menangani keperluan masyarakat yang lama terabai, perumahan yang lebih selesa, perkhidmatan kesihatan yang lebih mampu dibayar serta perlindungan golongan tua, kurang keupayaan serta miskin.

Ramalan perdebatan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak boleh diharapkan. Beliau telah menjangkakan pertumbuhan pendapatan sebanyak 5.7% untuk tahun hadapan. Angka ini tidak konsisten atas beberapa sebab, pelepasan cukai yang berjumlah lebih RM1 bilion telah menghakiskan asas pendapatan. Pertumbuhan pendapatan telah dianggap berdasarkan anggaran optimis mengenai pemulihan.

Memandangkan beliau telah mengakui bahawa pertumbuhan di Amerika Syarikat adalah perlahan dan pemulihan di Jepun tidak kuat, kedua-dua pasaran utama kita, maka perangsang luaran sebenarnya tidak akan wujud. Bagi pasaran dalaman pula beliau nampaknya menganggap bahawa akan wujudnya pemulihan dalam pendapatan co-operate dan penambahan permintaan pengguna tempatan. Prospek untuk kedua-dua elemen ini sebenarnya lemah. Pendapatan co-operate dan peribadi nampaknya tidak akan pulih secukupnya untuk mendatangkan pertumbuhan 7.6% dalam pendapatan cukai dari cukai pendapatan khususnya selepas memotong semua pelepasan cukai yang telah diumumkan. Keadaan yang sama akan berlaku ke atas pendapatan cukai tidak langsung, pertumbuhan 5.7%, memandangkan pasaran komoditi yang lebih lemah berkait dengan syarat-syarat ekonomi global dan permintaan tempatan yang tidak tentu ke atas barangan dan perkhidmatan.

Ramalan tidak realistik sebegini tidak akan terlepas dari kaca mata para analisa pasaran dan tidak membantu dalam memulihkan keyakinan orang ramai terhadap dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional. Menteri Kewangan telah dengan lantang mengumumkan pemantulan dan berterusan dalam tahun hadapan tetapi jelasnya beliau tidak berjaya dalam memulihkan keyakinan orang ramai. Beliau telah melepaskan satu

peluang yang baik untuk membetulkan dasar-dasar berkelemahan, kawalan modal dan 'peg ringgit' masih dikekalkan sungguhpun kini kian bertambah bukti menunjukkan bahawa kedua-duanya tidak membantu pemulihan tetapi sebaliknya menghalang dan tidak menggalakkan para pelabur asing yang akan mengelakkan Malaysia sebagai sasaran pelaburan mereka.

Sebelum saya berganjak dari tajuk pendapatan ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada hakikat bahawa anggaran pendapatan tahun hadapan sebanyak RM59.9 bilion sebelum potongan cukai RM1.1 bilion selepas perubahan cukai-cukai sebenarnya merupakan tahap yang lebih rendah dari RM65.7 bilion yang dicapai pada tahun 1997 iaitu tahun krisis ekonomi tercetus. Inilah pemulihan merangsang, yang cuba ditunjukkan oleh Menteri Kewangan tadi.

Rujukan penting ketiga, sesuatu dasar kadar pertukaran asing meneruskan 'peg ringgit' merupakan satu ancaman ke atas kepentingan jangka panjang negara kita. Dasar ini telah menyebabkan pemboleh ubah dasar, penentu jatuh ke dalam tangan penggubal dasar Amerika Syarikat atau bank reserve persekutuan dan perbendaharaan Amerika Syarikat. Ringgit kita ini bergerak selaras dengan pertukaran dollar Amerika berbanding mata wang rakan-rakan perdagangan utama kita khasnya Jepun dan European Union.

Mata wang kita mungkin stabil berbanding dengan dollar Amerika tetapi bukannya stabil berbanding mata wang-mata wang asing lain. Kos pinjaman kita terjejas, begitu juga dengan dagangan kita, maka kita sebenarnya tidaklah terasing dari pergolakan dalam pasaran mata wang asing sedunia tetapi terpaksa rugi besar kerana kehilangan kawan-kawan ke atas satu instrument dasar yang penting.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sebenarnya kurang betul kerana menyangka negara kita telah dilindungi oleh satu tembok pertahanan yang sebenarnya tidak wujud. Saya mendapati bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan kini telah bersama-sama dengan Perdana Menteri menyerang pihak pembangkang dengan mendakwa bahawa kami bersubahat dengan kuasa kolonial asing yang jahat lagi iri hati terhadap Malaysia dengan mengeluarkan dasar-dasar alternatif kita. Ini sungguh hipokrit dan telah memutarbelitkan kebenaran. Pelaksanaan 'peg ringgit' dan menyerahkan kawalan dasar kadar pertukaran kepada reserve Persekutuan Amerika Syarikat

sebenarnya menunjukkan siapakah yang sebenarnya telah menyerahkan kedaulatan dan keupayaan negara ini sebagai sebuah negara yang melaksanakan dasar-dasar bebas kita.

Sebenarnya Barisan Nasional dan bukannya Barisan Alternatif yang telah menggadaikan kemerdekaan negara kita. “Nasionalisme” yang kononnya dipakai oleh Perdana Menteri kita sebenarnya merupakan tanda sia-sia, satu projeksi sifat ego. Saya menyeru supaya Perdana Menteri dan Menteri Kewangan berhenti dari membuat dakwaan yang tidak berasas ke atas Barisan Alternatif bahawa kami kurang patriotik atau kurang setia kepada negara kita.

Adalah perlu diperhatikan bahawa Menteri Kewangan dalam pembentangnya selama dua jam itu jarang menyebut apakah dasar-dasar baru yang beliau akan gunakan untuk memulihkan keyakinan pelabur asing ke atas ekonomi Malaysia. Beliau jarang menyebut mengenai pentingnya menarik balik pengaliran modal asing yang kritikal kepada pertumbuhan masa depan. Keperluan modal sektor swasta yang kini terancam oleh pinjaman berlebihan kerajaan yang menyerap sebahagian besar modal pasaran tempatan tidak ditangani.

Di samping itu, ketidakkonsistensi beliau juga terserlah dalam kekurangan huraian beliau mengenai bagaimana sektor swasta boleh dapatkan modal pelaburan mereka sebagai enjin pertumbuhan negara. Adalah sungguh ketara bahawa dalam kedua-dua ucapan menteri atau laporan ekonomi tidak diberikan projeksi kadar kemasukan aliran modal swasta bagi tahun depan. Kita hanya dapat membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidaktentuan (uncertainty) yang sungguh serius. Kerajaan sebenarnya mengkhawatiri satu hasil yang akan menggambarkan dasar-dasar yang gagal. Menteri Kewangan juga kekal membisu atas soal bagaimana beliau bercadang untuk membiayai defisit yang diramalkan pada 4.4% KDNK.

Jadual 4.7 Laporan Ekonomi telah memaparkan angka-angka yang mendedahkan dan yang tidak harus dipandang ringan. Menurut angka-angka ini kerajaan bertujuan untuk meminjam sejumlah RM7.3 bilion di mana antara RM3.1 bilion bersih adalah pinjaman dari luar negara. Ini mewakili peningkatan 77% sejumlah besarnya iaitu RM2.8 bilion adalah merupakan pinjaman pasaran. Atas dasar kasar pinjaman luaran Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM4 bilion. Ini merupakan pinjaman yang besar dan mahal memandangkan kadar bunga serta premium yang dikenakan oleh pasaran ke atas

Malaysia adalah tinggi. Berdasarkan pengalaman pengeluaran bon kita dalam tahun yang lepas, defisit 4.4% KDNK yang diramalkan oleh Menteri Kewangan dengan sendirinya dicurigai sekiranya sepanjang tahun depan jumlah perbelanjaan melebihi angka-angka ramalan dalam belanjawan. Sebenarnya sesuatu yang tentu berlaku memandangkan peruntukan-peruntukan tambahan yang tidak dapat dielakkan setiap tahun dan lebih rendah daripada pendapatan ramalan.

Secara ringkasnya dasar-dasar yang dilaksanakan ini sebenarnya silap dan bahaya, tidak bertanggungjawab dan hanya akan membawa kepada kerosakan yang serius kepada ekonomi jangka panjang. Ini merupakan satu pandangan yang telah disarankan oleh para ekonomis yang berpengaruh sama ada di dalam mahupun di luar negeri. Tetapi pandangan mereka tidak dipandang berat oleh Perdana Menteri serta Menteri Kewangan kita. Kedua-duanya berkomited ke atas dasar-dasar yang hanya akan membawa kepada kadar hutang berlebihan menghakiskan keupayaan kita untuk bersaing dalam ekonomi global serta menjejaskan prospek jangka panjang kita.

Belanjawan ini hanyalah satu tindakan ketara yang bertujuan dua, iaitu memancing undi dan menyelamatkan empire cooperate yang sudah bergoyang serta kekayaan elite pemerintahan serta kroni-kroni mereka. Ramai rakyat memandang objektif sebegini sebagai antinasional.

Isu yang paling menarik perhatian adalah kadar hutang yang meningkat. Hutang luaran negara kita dijangka lebih kurang RM161.3 bilion atau 57.4% KNK negara ini. Dari RM161 bilion ini, hutang sektor swasta adalah sebanyak RM59.8 bilion. RM72.5 bilion yang selebihnya merupakan sektor awam, bererti Kerajaan Persekutuan, korporat awam serta agensi-agensi negeri. Angka ini sebenarnya satu anggaran kurang dari yang sebenarnya. Sekiranya kita mengambil kira juga liability contingent kerajaan yang berbangkit dari jaminan-jaminan terlindung yang telah dihulurkannya. Adalah perlu diperhatikan bahawa pada awal tahun ini Menteri Kewangan Kedua pernah mengatakan bahawa kerajaan tidak akan meminjam dari Bank Dunia. Bagaimana beliau menukar pendiriannya dan menyatakan di Washington DC awal bulan lepas bahawa Malaysia akan cuba mendapatkan pinjaman yang besar jumlahnya.

Dari insiden ini, sekali lagi kita nampak kekeliruan dasar dan kekurangan upaya kerajaan. Pembayaran hutang dalam tahun 1998 berjumlah 15.5% dari perbelanjaan

operasi. Untuk tahun 1999 pula jumlah ini meningkat ke 8.5% dan kekal pada kadar tersebut bagi tahun depan. Hutang luaran sesuatu negara merupakan beban bersama rakyat negara berkenaan. Bagaimanapun hutang Kerajaan Persekutuan sama ada asing atau tempat betul-betul merupakan hutang kolektif setiap rakyat dan setiap rakyat terpaksa membayar menerusi cukai, yuran, duti dan sebagainya untuk membayar balik hutang ini. Kos hutang ini serta pembayaran baliknya menafikan potensi penggunaan lain. Hasilnya perkhidmatan sosial dan keperluan golongan miskin akan terjejas.

Kadar cukai yang sebegini adalah jelas tidak dapat ditanggung. Belanjawan ini pula gagal mengenai isu ini. Belanjawan untuk tahun depan hanya bertujuan mencipta perasaan feel good untuk tujuan menjamin kemenangan pilihan raya bagi Barisan Nasional. Ia gagal menangani masalah-masalah jangka panjang yang dihadapi oleh negara kita. Pembaharuan sektor yang sungguh diperlukan telah diabaikan. Pada masa depan negara kita ini akan dipaksa membayar balik segala kekurangan dan kerugian yang disebabkan oleh dasar-dasar penuh kelemahan ini.

Angka-angka terakhir yang berkaitan dengan rizab mata wang asing yang dikemukakan oleh Bank Negara membangkitkan persoalan mengenai kewajaran dasar-dasar kerajaan. Untuk berbulan-bulan ini kita telah diberitahu betapa kuatnya rizab negara kita dan betapa pantasnyanya pertumbuhan negara. Masyarakat dunia juga di ajar mengenai betapa berkesannya kawalan modal kini telah bantu Malaysia mengukuhkan ekonomi dan memulihkan pertumbuhannya.

Sebelum ini saya pernah mengingatkan Dewan ini bahawa pertumbuhan rizab mungkin satu elusion dan ia juga merupakan satu indikasi bahawa negara kita tidak menyalurkan lebih dagangan kepada aktiviti produktif. Ramai penganalisa telah meramalkan bahawa dengan penghapusan sebahagian kawalan modal pada 1 September 1999 maka akan berlakunya pengeluaran dana asing yang besar-besaran. Pihak berkuasa mengeluarkan kenyataan yang bertujuan mengenangkan bahawa tidak akan berlakunya pengaliran luar besar-besaran. Malah sesetengah pihak meramalkan sebaliknya bahawa dana akan mengalir masuk.

Dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan Pertama mengutuk Profesor Dom ini. Inilah apa yang diperkatakannya. Mengenai langkah kawalan modal kepada pengkritik meramalkan akan berlakunya pengaliran keluar dana

yang besar pada 1 September 1999. Namun dana bersih yang dibawa keluar pada tarikh tersebut hanya berjumlah USD327.9 juta. Ini merupakan satu jumlah yang kecil berbanding dengan USD10 bilion seperti yang diramalkan oleh pengkritik-pengkritik kita. Ternyata bahawa apa yang digembar-gemburkan selama ini oleh pengkritik mengenai masalah pengaliran modal tidak berlaku.”

Bagaimana keadaan sebenarnya tidaklah sebaik yang cuba digambarkan, kerana mengikut angka terbaru Bank Negara ia melaporkan bahawa rizab emas mata wang asing serta lain-lain rizab telah pun menjunam menjadi RM113.55 bilion pada 15 Oktober berkurang dari RM119.28 bilion pada akhir September. Ini merupakan kejatuhan paling besar dalam tempoh dua minggu sejak krisis kewangan Asia tercetus pada pertengahan tahun 1997. Dalam perkiraan Dolar Amerika rizab menjunam kepada USD29.99 bilion pada 15 Oktober dari USD31.39 bilion pada 30 September. Kejatuhan sejumlah USD1.4 bilion dalam tempoh dua minggu. Kadar rizab berada pada tahap paling rendah sejak 21 Mei apabila ia bernilai USD29.78 bilion.

Kenyataan kementerian telah menunjukkan trend-trend ini dan cuba menjelaskan kejatuhan rizab ini sebagai hasil pembayaran hutang. Dewan ini sebenarnya berhak mendapatkan penjelasan sepenuhnya mengenai isu ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Tuan Lim Kit Siang: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diminta sambung sebelah petang.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tanjong, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, apabila Dewan yang mulia ini ditangguh, saya ada kata bahawa kita hendak tahu sama ada kejatuhan dalam rizab

sebenarnya menggambarkan pengaliran keluar pelaburan asing yang berterusan sejak Malaysia menghapuskan sekatan ke atas pengambilan keluar modal asing pada 1 September. Pengaliran keluar telah digalakkan lagi oleh pasaran saham serantau yang pada amnya lemah.

Kejatuhan US\$1.4 bilion rizab kita dalam dua minggu pertama Oktober ini berlaku sungguhpun indeks BSKL naik 7% di antara 30 September dan 15 Oktober. Wujudnya bukti yang menyakinkan bahawa para pelabur asing telah mula menarik keluar wang mereka dari Malaysia sejak bulan Julai, semasa kemasukan portfolio bersih sejak pertengahan Februari mencapai tahap tertingginya pada RM4.7 bilion (US\$1.2bilion). Pada 29 September, pengaliran keluar bersih adalah sebanyak RM1.3 bilion, menunjukkan bahawa di antara Julai dan September, sebanyak US\$1.6 bilion pelaburan portfolio asing telah meninggalkan negara ini. Angka Bank Negara menunjukkan bahawa sebanyak US\$1.4 bilion telah meninggalkan negara ini pada pertengahan pertama bulan Oktober.

Pengaliran keluar ini sebenarnya lebih besar jumlahnya dari yang diramalkan, dan ia menunjukkan bahawa institusi-institusi asing kini tidak berminat meletakkan dana mereka di Malaysia. Sesetengah juruanalisa telah meramalkan bahawa pada bulan-bulan yang akan datang ini, lebih banyak lagi dana yang akan mengalir keluar.

Trend-trend ini menceritakan bagaimana kawalan modal membawa kesan buruk jangka panjang dan membahayakan masa depan ekonomi kita bagi jangka pertengahan. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah dasar-dasar rizab yang diikutinya? Apakah nasihat yang telah beliau dapatkan dari IMF yang begitu dibencinya itu?

Saya juga ingin mendapatkan jaminan darinya bahawa beliau tidak akan meneruskan pinjaman asingnya dan membayar kadar bunga yang terlalu tinggi demi memaparkan angka rizab yang membawa kepada perasan '*feel good*'. Adalah penting bagi seorang Menteri Kewangan supaya bersikap terus terang kerana sikap membisunya hanya akan membawa kesan negatif kepada pasaran.

Sebagaimana yang pernah saya bangkitkan dalam perbahasan Belanjawan 1999, Oktober lepas, DAP tidak menentang langkah-langkah kawalan modal kerana pada masa-

masa yang luar biasa mungkin memerlukan langkah-langkah yang luar biasa. Persoalannya kini adalah masa dan keberkesanan langkah kawalan modal yang kekal menjadi suatu isu kontroversi.

Konsensus am para ekonomis bebas dan tanpa parti (*non partition*) di dalam dan luar negara adalah kawalan modal sebenarnya tidak mendatangkan faedah maupun kerosakan kepada ekonomi Malaysia kerana ia telah dikenakan pada masa ia tidak lagi diperlukan pada pertengahan 1998, di mana ekonomi Malaysia telah runtuh dan tugas pada masa itu bukan lagi menghalang kejatuhan tetapi mengurus pemulihan.

Inilah sebabnya 'Barisan Alternatif' menyeru supaya kawalan modal diberhentikan secara berperingkat-peringkat dalam kenyataan dasarnya pada 9 September 1999. Kenyataan Dasar Barisan Alternatif menyatakan dengan izin, "*Satu tahun yang lalu, kerajaan BN memperkenalkan kawalan modal untuk menguruskan krisis mata wang dan kewangan di rantau ini. Kelebihan dan kelemahan regim yang terlebih dahulu akan terus dibahaskan; kita berpendapat bahawa sumbangannya kepada pemulihan amat diragui, ia mungkin memperlahan dan bertindak menghalang kemasukan pelaburan terus asing – yang akan memberi kesan kepada persaingan jangka pertengahan kita dengan negara-negara jiran kita. "Langkah-langkah kawalan modal telah dikaji semula dengan ketara pada Februari tahun ini. Sejak 1 September 1999, satu lagi dasar berkuat kuasa, pengubahsuaian ini mengakui impak negatif dasar kawalan modal dan merupakan percubaan untuk mengurangkan kesan buruknya di samping menggalakkan pengaliran balik modal jangka pendek yang sering dikutuk."*

Tuan Yang di-Pertua, 'Barisan Alternatif' menunjukkan keprihatinannya terhadap kawalan modal dengan kenyataan ini, "*Akhirnya yang paling membimbangkan, kami percaya bahawa peluang yang ditawarkan oleh dasar kawalan modal telah disalahgunakan oleh sesetengah kepentingan perniagaan dan patron-patron politik mereka, bukan sahaja untuk mendapatkan dana awam demi tujuan penyelamatan tanpa di samping mengorbankan kepentingan rakyat, tetapi juga untuk memperkukuhkan dan melanjutkan dominasi korporat mereka, terutamanya dalam sektor kewangan yang penting."*

Kenyataan dasar 'Barisan Alternatif' membuat kesimpulan bahawa, "*Sungguhpun kami bersetuju dengan keperluan untuk terus menggalakkan pembaharuan kewangan antarabangsa serta perwujudan pengaturan mata wang serantau sementara ketiadaan pembaharuan sedunia, pengekalkan regim kawalan modal ini hanya akan mendatangkan kebaikan yang minimum tetapi membawa kepada kerugian yang besar. Jika ia berjaya menarik modal portfolio jangka pendek pun, ia akan menjadi tidak berkesan dalam menghadapi satu lagi krisis mata wang dan kewangan. Tibalah masanya untuk menghapuskan kawalan modal sementara memastikan suatu rangka kawalan yang memadai dan berkesan untuk mengurangkan kelemahan kewangan dan mengawal aliran modal ke dalam dan ke luar negara*".

Yang Berhormat Menteri Kewangan harus mempertimbangkan semula langkah-langkah kawalan modal dan mengambil tindakan untuk menghapuskannya secara berperingkat-peringkat. Masalahnya ialah pengenaan langkah ini jauh lebih mudah daripada memberhentikannya – memandangkan ketidaktentuan yang berlaku pada pertengahan kedua tahun ini, khasnya tahun depan, maka kini merupakan masa yang paling sesuai untuk memulakan kerja penghapusan kawalan modal.

Dalam ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata bahawa Kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang bertanggungjawab dan tidak pernah menipu rakyat. Akan tetapi beliau terbukti cuba menipu rakyat atas soal pemansuhan lesen televisyen dari 1 April 1999 dan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak layak sebagai suatu kerajaan yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Menteri juga mendakwa bahawa statistik tidak pernah menipu. Saya tidak mempertikaikan kenyataan ini. Walau bagaimanapun, statistik juga boleh digunakan untuk menyokong pembohongan. Belanjawan yang dikemukakan oleh beliau di Dewan yang mulia ini adalah bukti kenyataan saya. Menukar asas perbandingan, penggunaan angka secara pilihan, fakta-fakta dan angka-angka yang tidak dimasukkan dengan sengaja semuanya helah-helah yang biasa digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada masa-masa lalu. Belanjawan ini juga tidak terkecuali.

Yang Berhormat Menteri Kewangan memberikan angka-angka pertumbuhan bagi pelbagai sektor ekonomi dalam nilai sebenar atau harga berterusan. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak menyebut bagaimana

permintaan agregat dan komponennya berfungsi dalam tahun ini. Jadual 2.1 dalam Laporan Ekonomi memberi peratusan komponen permintaan agregat tetapi ia tidak menunjukkan angka mutlak atau kadar pertumbuhan. Yang Berhormat Menteri Kewangan menyembunyikan maklumat dengan tidak menunjukkan angka-angka ini. Di manakah ketelusan?

Bagaimanapun teks laporan yang membincangkan agregat permintaan sungguh ketara dan bahawa pertumbuhan adalah lembab. Ia menunjukkan bahawa pertumbuhan KDNK pada tahun 1999 pada dasarnya adalah disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan sektor awam yang tumbuh sebanyak 16.7%. Ini juga disertai oleh perbelanjaan pelaburan awam yang tumbuh sebanyak 9.9%.

Pelaburan sektor swasta berkurangan sebanyak 21.5% jika berbanding dengan 25% pada tahun 1998. Ini selanjutnya disahkan oleh pemohonan pelaburan yang jatuh sebanyak 21% pada tahun 1999 – kedua-dua pelabur tempatan dan asing tidak bertindak. Kelulusan oleh MIDA jatuh sebanyak 40%. Angka-angka ini menunjukkan bahawa jumlah pelaburan semakin berkurangan dan pelaburan sebenar pada tahun depan akan terus lemah. Trend ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan telah gagal untuk merangsangkan pelaburan sektor swasta.

Angka-angka ini mematahkan tuntutan kerajaan bahawa kawalan modal adalah berkesan. Buktinya adalah jelas. Mereka telah menyumbang kepada pertumbuhan tahun lalu tetapi memusnahkan pertumbuhan jangka panjang. Walaupun pelonggaran kawalan modal telah menyebabkan beberapa penasihat pelaburan asing memulihkan saham Malaysia dalam indeks di pasaran mereka tetapi semalam di Geneva, Morgan Stanley Capital International (MSCI) mengumumkan bahawa ia telah menangguhkan kemasukan semula Malaysia ke dalam indeksnya dari bulan Februari yang diumumkan terlebih dahulu kepada 31 Mei 2000.

Sungguhpun alasan bagi penangguhan tiga bulan ini adalah demi mengelakkan ketidakpastian pasaran yang buruk hasil dari kemungkinan berlakunya masalah komputer dalam tahun kabisat ataupun *leek year*, kerana kecairan dalam pasaran ekuiti global mungkin akan terjejas oleh ketidakpastian mengenai sama ada sistem komputer dapat mengenali tarikh tahun kabisat ini. Tetapi kenyataan MSCI juga merujuk kepada

‘sesetengah isu’ mengenai proses liberalisasi yang masih belum selesai dan bahawa ‘prosedur pelaburan bagi pelabur asing masih sukar di Malaysia.’

Penangguhan memasukkan semula Malaysia ke dalam indeks ini dijangka akan menghampakan, sebenarnya sudah menghampakan pasaran saham negara ini yang telah naik hampir setiap hari untuk minggu yang lepas. Antaranya disebabkan oleh spekulasi bahawa MSCI akan memasukkan semula Malaysia ke dalam indeksnya lebih awal dari yang dijangkakan iaitu bulan Februari tahun depan. Kehampaan ini akan mendatangkan kesan yang lebih buruk ke atas pasaran saham, setelah kehampaan pasaran terhadap Belanjawan 2000 - indeks BSKL telah tutup lebih rendah pada Jumaat lepas, jatuh 7.33 mata dan tutup pada 742.87 mata kerana tidak terangsang oleh Belanjawan 2000. Pagi ini BSKL sudah jatuh 16 mata.

Para pengurus dana menjangkakan pengumuman MSCI ini akan membawa kesan buruk ke atas persembahan pasaran dalam jangka pendek kerana dana asing akan tetap menunggu dan mungkin terus menunggu hingga pertengahan kedua tahun depan sebelum membaharui kepentingan mereka di pasaran Malaysia.

Ini merupakan satu lagi amaran mengenai kesan negatif langkah kawalan modal dan inilah juga mengapa DAP dan ‘Barisan Alternatif’ menyeru supaya ianya dihapuskan berperingkat-peringkat.

Saya pernah merujuk kepada pertumbuhan lembab ekonomi Malaysia. Izinkan saya memetik kata Dato’ Kadir Jasin, seorang penyokong Barisan Nasional yang terkenal dan dikenali ramai yang pernah dihuraikan oleh Yang Berhormat Bekas Timbalan Perdana Menteri sebagai ‘*proxy*’ Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Real Mild Sendirian Berhad untuk mengawal empayar media *New Straits Times*, yang berkata seperti berikut dalam kolumnya di *New Sunday Times* semalam, dengan izin, “*The recovering economy, which according to Tun Daim Zainuddin in his budget speech will see a growth of 4.3% this year and five per cent in 2,000, is driven largely by public sector expenditure on infrastructure and the export of manufactured goods. Domestic demand and private consumption are yet to recover sufficiently. It is for this reason that the Government has been insisting that its Ministries and departments spend their annual allocations promptly so that projects can be speedily completed and the money put into circulation*”

Ini menjelaskan segala-galanya. Pemulihan bukannya sesuatu yang tegap maupun berkekalan tanpa perbelanjaan kerajaan yang besar-besaran. Kami di dalam 'Barisan Alternatif' tidak menafikan pentingnya galakan dari kerajaan, tetapi syaratnya adalah ia patut berpandukan dasar-dasar yang memulihkan aktiviti-aktiviti sektor swasta menerusi penciptaan keyakinan.

DAP bersetuju bahawa suatu belanjawan defisit bercorak perkembangan (*expansionary*) adakah perlu demi merangsangkan pemulihan ekonomi tetapi negara ini tidak akan melandaskan asas bagi suatu pemulihan dan pertumbuhan ekonomi yang berkekalan dan tegap sekiranya defisit besar yang dirancang itu digunakan untuk tujuan membiayai projek-peojek mega dan menyelamatkan syarikat-syarikat kroni.

Kini masih tidak wujud petanda bahawa kerajaan bersedia melaksanakan pembaharuan ekonomi dan kewangan secara meluas dan inilah sebab mengapa Belanjawan 2000 sebenarnya bukanlah apa yang didakwa sebagai 'Belanjawan rakyat' tetapi 'Belanjawan memancing undi' sahaja.

Belanjawan *feel good* ini hanya akan membantu menggalakkan buat seketika ekonomi tetapi menjanjikan bahaya buat jangka panjang. Kesan negatif Belanjawan *feel good* ini adalah bahawa ia tidak mengenakan tekanan, khasnya ke atas korporat Malaysia, untuk berubah. Tidak wujud banyak insentif supaya syarikat-syarikat akan bergabung atau berpisah operasi mereka.

Bank-bank telah ditekan supaya mengeluarkan pinjaman dan bukannya melaksanakan penstrukturan semula sesetengah pinjaman yang tidak cermat yang telah dibuat pada masa-masa lampau. Tidak wujudnya langkah-langkah untuk mengawal kualiti pinjaman masa depan. Semua ini menandakan kemungkinan berlakunya malapetaka di masa depan. Dengan mencipta *euphoria* palsu dan melambat-lambatkan kesedaran untuk menstruktur semula korporat, harga yang akan dibayar akan bertambah tinggi. Setahun atau dua dari sekarang, semua yang dibincangkan tadi tidak lagi dapat dielakkan.

Satu lagi bahaya yang berkaitan adalah apa yang dibangkitkan oleh kadar pertukaran Ringgit Malaysia yang telah dinilai terlalu rendah. Peg Ringgit ini sungguh kasar sekali, tidak wujud disiplin oleh sebuah lembaga mata wang atau dibenarkan wujudnya sebarang keanjalan. Rangsangan yang diberikan oleh Belanjawan 2000 ini

mungkin akan menyebabkan kemasukan modal yang terhad, termasuk sesetengah modal yang mengalir keluar dan ini akan membawa kepada pengembangan mata wang, sebagaimana yang berlaku pada tempoh sebelum krisis di Negeri Thai.

Seterusnya ini akan membawa kepada muncul semula aset buih, dan bukannya sesuatu yang dapat mengekalkan pemulihan ekonomi. Saya menyeru supaya Menteri Kewangan mengelakkan hasil-hasil yang tidak sihat ini menerusi langkah serta merta iaitu melancarkan penstrukturan semula hutang korporat, pergabungan dan penjualan aset dan menghapuskan peg mata wang serta mengamalkan pelampungan mata wang terurus. Inilah masa untuk melakukannya - dan bukannya menunggu sampai kelebihan luaran menjadi kurang dan tahap rizab menurun. Tetapi masalahnya adalah, Yang Berhormat Menteri hendak menawarkan kredit yang murah kepada korporat. Beliau tidak mahukan pertumbuhan ekonomi berkekalan. Sebagaimana yang berlaku pada masa-masa lampau, kebanyakan kredit ini akan dimasukkan ke dalam pasaran saham atau dalam spekulasi hartanah dan bukannya pelaburan produktif untuk mengembangkan kapasiti industri dan ekspot.

Amaran telah diberikan bahawa sungguhpun perlambungan kredit Malaysia ini akan berterusan selepas 2000, tetapi ianya 'hanyalah satu lagi buih kredit-kewangan' yang akan pecah dalam tempoh dua tahun dan Malaysia akan terpaksa membayar dengan 'pertumbuhan ekonomi yang rendah, pasaran kewangan yang menjunam dan kekeliruan politik.'

Adalah jelas bahawa dasar-dasar kontradiktori kawalan modal, sungguhpun pernah berlaku perubahan yang mendadak sebelum ini, akan membawa kesan negatif untuk masa depan yang tidak lama lagi. Adalah juga jelas bahawa tanpa dasar konsisten, yang jelas kehilangan pada masa kini, para pelabur - sama ada tempatan mahupun asing - kurang berkemungkinan akan melaburkan wang mereka di negara ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan mesti menghadapi hakikat-hakikat ini dan janganlah cuba menipu rakyat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri suka menggunakan lagu Frank Sinatra 'My Way' semasa mengaku kemenangan dalam memerangi kemelesetan ekonomi paling buruk yang dihadapi negara ini. Tetapi cara beliau ini mungkin tidak mendatangkan kebaikan kepada negara kita untuk jangka panjang.

Sebenarnya, adalah wajar untuk mengingatkannya terdapat perkataan-perkataan lain dalam lagu ini yang mempunyai erti yang telah dilupakannya iaitu dengan izin, '*the final curtain draws and the end is near...*'. Sememangnya lirik-lirik ini amat sesuai untuk menghuraikan keadaan yang dihadapi oleh Barisan Nasional yang telah melakukan begitu banyak kerosakan kerana melaksanakan dasar-dasar yang tidak panjang fikiran dan yang akan membawa kesan buruk jangka panjang kepada rakyat dan negara

Pemimpin-pemimpin dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional agak berlagak kerana menyangka bahawa tiada sesiapa pun yang dapat menyediakan dan membentangkan suatu belanjawan kecuali Barisan Nasional. Marilah kita melihat komen juruanalisis kewangan terhadap Belanjawan Barisan Nasional dan Barisan Alternatif:

- (i) Belanjawan Barisan Alternatif adalah lebih pantas dan lebih baik. Barisan Alternatif telah terlebih dahulu, iaitu pada 27 Oktober, mencadangkan perkara yang sama seperti cukai rendah, pro-penggunaan, perbelanjaan defisit, pro-perniagaan, kenaikan gaji kakitangan awam kerajaan. Media kerajaan tidak meliputinya kerana BN tidak mahu rakyat mengetahui bahawa mereka mempunyai alternatif yang lebih baik.

Belanjawan Barisan Alternatif adalah sama pro-penggunaan, pro-cukai rendah, tetapi perbezaannya adalah Belanjawan Barisan Alternatif menekankan pertumbuhan jangka panjang yang berterusan dan berkekalan. Bagaimanakah caranya? Dengan menekankan pentingnya pembaharuan bank yang sebenarnya, ketelusan kerajaan, kenaikan gaji kakitangan awam berdasarkan insentif, mengkaji semula dan membatalkan projek-projek mega, malah butir-butir terperinci juga diberikan: Barisan Alternatif mencadangkan supaya bayaran lesen TV dibatalkan kerana stesen TV telah menikmati pendapatan daripada iklan bertahun-tahun lamanya. Tujuannya ialah untuk menghapuskan pembaziran, meningkatkan keberkesanan, dan memastikan sistem perbankan dapat menyokong pertumbuhan yang diperlukan oleh

Malaysia demi mewujudkan lebihan untuk menutup defisit kini pada masa depan.

Barisan Alternatif telah mencadangkan pengecualian cukai di beberapa bahagian, antaranya meningkatkan pengecualian cukai pendapatan peribadi kepada RM12,000, tetapi dalam belanjawan kerajaan pengecualian cukai pendapatan hanya RM8,000; potongan cukai bagi industri yang berorientasikan export, dan 100% pengecualian cukai bagi perbelanjaan pendidikan.

Belanjawan Barisan Alternatif juga berbeza dengan mencadangkan penambahan cukai “sin” seperti perjudian, tembakau, dan minuman keras, sementara membatalkan pengecualian cukai bagi perahu layar mewah, jet peribadi, kereta antik, kereta lumba dan sebagainya. Alasannya ialah pendapatan cukai mungkin tidak akan sebanyak yang dijangkakan bagi tahun 2000 hingga 2001. Ini adalah penting untuk mendapatkan segera keuntungan daripada sektor-sektor tidak produktif sementara memotong cukai di sektor-sektor yang produktif.

Belanjawan Barisan Alternatif memberi alasan yang baik dan seimbang atas punca-punca krisis ekonomi kita. Seterusnya, ia membuat cadangan yang membina yang juga terkandung dalam Belanjawan Kerajaan Barisan Nasional.

- (ii) Tidak kira bagaimana kerajaan cuba menafikannya, Belanjawan BN adalah Belanjawan Pilihan Raya, penuh dengan “goodies”. Fikiran kerajaan yang pendek serupa dengan “Lucozade” atau “Red Bull” yang merupakan minuman yang mengandungi kafein dan memberi tenaga tetapi tidak mempunyai kesan yang berpanjangan untuk meneruskan pertumbuhan jangka panjang dan pembahagian kekayaan.

‘Goodies’ ini menonjolkan rancangan jangka pendek. Bagaimanakah anda menjadikan kenaikan gaji kakitangan awam berkekalan? Mengapakah menunggu sehingga tempoh sebelum

pilihan raya setiap 5 tahun baru menaikkan gaji? Jawapan Barisan Alternatif ialah: memberikan insentif untuk meningkatkan produktiviti, dan mengurangkan desifit dengan pertumbuhan jangka panjang.

Langkah-langkah jangka panjang atas teknologi, industri sederhana dan kecil, pendidikan, adalah, dengan izin, “*the same old wine in new bottle*”. Strategi ekonomi jangka panjang menuntut supaya “*think tank*” ditubuhkan. Tidak salah untuk mengkaji strategi jangka panjang tetapi Belanjawan BN hanya jelas tentang strategi jangka pendek dan strategi jangka panjang diabaikan.

Tanpa keupayaan untuk meneruskan pertumbuhan dalam jangka panjang, contohnya, “*goodies*” akan menjadi perangkap fiskal. Pelaburan perniagaan kini yang disebabkan oleh buih kredit yang sedikit yang diwujudkan oleh semua “*goodies*” ini akan mendapati bahawa masa depan adalah tidak begitu cerah dan mereka mungkin tidak dapat membayar hutang mereka dalam tempoh 2 ke-3 tahun yang akan datang. Pembeli rumah yang digalakkan oleh kadar faedah rendah kini untuk membeli rumah mungkin tidak dapat membiayai rumah mereka kemudiannya, atau dipaksa untuk mengorbankan pendidikan anak mereka. Kerajaan Malaysia yang meminjam kini mungkin tidak dapat mewujudkan lebih dalam tempoh 2-5 tahun.

- (iii) Lebih ‘*goodies*’ bererti pembangkang yang lebih kuat diperlukan untuk memastikan tidak berlakunya ‘pembocoran’. Berbilion-bilion ringgit akan dibelanjakan ke atas program-program kesihatan, peladangan kecil, warga tua, dana industri kecil dan sederhana, dan projek-projek lebuhraya. Penggunaan sumber-sumber nasional amat dialu-alukan tetapi semua ini mesti digunakan secara bestari, *smart* dan berkesan.

Kita tidak mahu berlakunya sebarang salah pengagihan yang memanfaatkan kumpulan-kumpulan yang mempunyai hubung kait yang baik, kontrak-kontrak tanpa tender terbuka yang mahal untuk hospital-hospital atau jalan-jalan raya, penyaluran sumber-sumber dan pembaziran sebagaimana yang berlaku pada masa-masa lampau. Sebagai contohnya, sejumlah wang yang bermaksud untuk membawa kebaikan kepada sepuluh keluarga tidak harus diragut oleh dua keluarga atau dua kroni. Kita tidak boleh bertoleransikan penyelewengan sebagaimana kebocoran kononnya 40% paip air di Lembah Klang. Pada masa air sampai kepada rakyat, mulalah berlakunya kekurangan air dan mulalah pencatuan.

Oleh sebab benefisiari program-program ladang, SMI, perumahan dan lebuhraya merupakan individu-individu yang tersebar di merata tempat, maka secara individu mereka tidak akan tahu sama ada dana kerajaan telah diedarkan sepenuhnya dan digunakan secara efektif. Maka kita perlukan ahli-ahli pembangkang yang kuat untuk mengawal perbelanjaan di Parlimen, menerusi suatu perspektif *top-down*. Fungsi pihak pembangkang bukan sekadar menyekat salah laku tetapi juga untuk mempercepatkan tahap pengedaran dengan menghapuskan segala percubaan mana-mana pihak untuk melengah-lengahkan prosedur. Rakyat harus menyedari bahawa semakin banyak 'goodies' ini, maka semakin besarlah perwakilan pihak pembangkang yang diperlukan di Parlimen.

- (iv) Pentadbiran yang lebih baik akan secara automatiknya mengurangkan kos perniagaan walaupun sebelum sebarang wang dibelanjakan.
 - (a) Ketelusan dan pentadbiran baik adalah penting untuk mengurangkan kos.

Teknologi dan kos perniagaan yang rendah memerlukan kerajaan yang terbuka dan berketelusan. Tanpa pentadbiran yang baik dan ketelusan, sebarang cerita mengenai IT, persaingan global, industri berasaskan ilmu oleh Barisan Nasional semuanya hanya merupakan kata-kata kosong sahaja. Industri ilmu kita tidak akan berkembang sekiranya pengaliran bebas maklumat, pendapat dan idea di dalam masyarakat, media massa dan universiti terus dianggap sebagai sesuatu yang haram, tidak dibenarkan atau ditekan. Undang-undang yang berlandaskan ketakutan (ISA) serta kekurangan Akta Kebebasan Maklumat bererti tidak wujudnya suasana saingan untuk idea.

Kerajaan Barisan Nasional telah menggagalkan objektifnya sendiri untuk mewujudkan suatu masyarakat berlandaskan ilmu kerana penafiannya ke atas idea rakyat serta perkembangan inisiatif, menerusi sekatan ke atas akses maklumat orang ramai melalui media atau mengenai operasi dan kontrak-kontrak kerajaan.

(b) Mengurangkan rasuah untuk mengurangkan kos.

Untuk mengurangkan kos perniagaan, perkara pertama yang harus dilakukan adalah untuk menghapuskan rasuah dan membatalkan projek-projek infrastruktur mewah yang tidak dibuka tendernya. Korupsi merupakan sebahagian daripada kos. Menurut dua kaji selidik antarabangsa baru-baru ini, Malaysia didapati menghadapi masalah rasuah dalam dunia perniagaannya dan keadaan kian bertambah buruk. Kontrak-kontrak yang tidak dibuka tendernya sememangnya akan meningkat kos perniagaan,

contohnya menerusi kos pengangkutan, utiliti, pentadbiran dan sumber manusia.

- (c) Kepimpinan dan dasar yang konsisten dan tenang akan mengurangkan kos perniagaan serta modal.

Satu sebab risiko pelaburan, premium risiko serta jumlah keuntungan yang diperlukan telah meningkat di Malaysia adalah kerana perang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas para pelabur asing, dasar-dasar kerajaan yang sering berubah-ubah, semacam kawalan modal, pasaran saham, perbankan, pertukaran arahan Bank Negara, serta ketidakhormatan terhadap hak hartanah, contohnya, penggabungan bank yang dipaksa, perubahan peraturan pasaran saham, saham-saham tebusan CLOB, perubahan peraturan dan lain-lain. Sekiranya kerajaan tutup mulutnya dan konsisten, serta menghormati keputusan rakyat serta hak hartanah mereka, kadar kos modal akan menurun dengan pantas tanpa sebarang perbelanjaan.

Ada tiga kesilapan kerajaan. Tidak satu pun perkukuhan fundamental, (fundamental strength) adalah tulen, dan sekiranya ia tulen, ia boleh dikreditkan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Pertumbuhan eksport, inflasi yang rendah, keyakinan para pelabur, prospek kerja yang lebih baik serta sistem perbankan. Pertumbuhan eksport adalah disebabkan oleh pack pertukaran yang lemah. Inflasi yang rendah adalah sama di semua negara Asia, dan pada hakikatnya deflasi berlaku di Hong Kong dan Negeri China. Keyakinan para pelabur belum pulih lagi, sebagaimana yang dibuktikan dalam pasaran saham dan pelaburan langsung asing. Prospek kerja yang lebih baik hanya wujud penstrukturan semula yang ditangguh-tangguhkan, seperti juga dengan keadaan pekerja bank. Sistem perbankan, penstrukturan semula yang mengelirukan dan dilambatkan. Terdapat juga risiko bahawa pertumbuhan tahun hadapan akan menjadi lebih rendah daripada 5%, setelah mengalami pertumbuhan 4.3% dalam tahun 1999.

Tiga kesilapan kerajaan telah menyebabkan masalah utama ekonomi iaitu permintaan domestik yang lemah. Apa juga yang dilakukan oleh kerajaan dalam percubaannya menutup perkara ini akan gagal juga:

- (a) Kesilapan pertama adalah kawalan pertukaran yang berada di bawah nilai sebenar. Ia menyekat permintaan untuk import kerana import menjadi lebih mahal.
- (b) Penstrukturan perbankan yang dilengah-lengahkan dan mengelirukan. Bank-bank tahu bahawa mereka mengalami masalah yang lebih serius daripada apa yang dipertunjukkan oleh statistik rasmi - bahawa asas modal mereka telah terhakis atau berada pada tahap negatif. Maka mereka tidak memberikan pinjaman dan perniagaan tidak dapat berkembang kerana kekurangan pinjaman yang diperlukan.
- (c) Krisis keyakinan. Pelabur asing tidak akan datang melabur yang seterusnya menjejaskan peluang pekerjaan dan permintaan. Para pelabur menjangkakan bahawa Danaharta akan dipaksa membeli lebih banyak lagi pinjaman tidak berbayar dan lebih aset yang akan dijual pada kadar yang murah, dan dengan itu mereka tidak akan melabur secara agresif. Individu tidak pasti tentang keadaan masa hadapan berikutan dengan dasar-dasar kerajaan yang berubah-ubah. Sebagai contohnya, pekerja-pekerja bank tidak pasti tentang masa hadapan kerja mereka tanpa kira apa yang diperkatakan oleh pihak kerajaan. Maka siapakah yang akan melabur dan membeli?

Besar kemungkinan pasaran eksport US akan menjadi lembap dalam tahun 2000, menidakan sumber pertumbuhan Malaysia bagi tahun 1999. Inilah sebab mengapa permintaan domestik sangat penting tetapi sebagaimana yang telah dikatakan tadi, permintaan domestik lemah merupakan kesan-kesan dasar silap Kerajaan Barisan Nasional.

Kesemua di atas merupakan komen dan prognosis seorang penganalisa kewangan yang berbalas kepada belanjawan-belanjawan Barisan Nasional dan Barisan Alternatif,

dan pandangannya harus diberi pertimbangan yang serius oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan para penggubal dasar di negara ini.

Salah satu daripada keputusan yang berubah-ubah kebelakangan ini yang turut menghakiskan keyakinan pasaran adalah mengenai konsolidasi sektor perkhidmatan kewangan dalam negara ini. Dalam tempoh kurang daripada tiga bulan, kerajaan telah melalui tiga perubahan dasar mengenai konsolidasi dan penggabungan bank-bank serta institusi-institusi kewangan di negara ini.

Pada 14 Julai 1999, Governor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan telah mengeluarkan satu kenyataan mengisytiharkan bahawa pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk menstruktur semula sistem perbankan dan menggalakkan institusi-institusi perbankan supaya bergabung demi mencapai bidang ekonomi dan keberkesanan yang lebih tinggi telah mula menampakkan hasilnya, dan beliau melahirkan keyakinan bahawa sektor perbankan akan muncul lebih kukuh dan lebih tahan lasak untuk menghadapi cabaran di tahun-tahun yang akan datang.

Bagaimanapun, dua minggu selepas itu, pada 29 Julai 1999, Gabenor Bank Negara bertukar pendiriannya dan para pemegang saham bank-bank perdagangan tempatan telah dikumpulkan di pejabatnya untuk mendengar perasan tidak puas hatinya terhadap hasil yang mengharukan mengenai rancangan penggabungan, dan beliau mengeluarkan arahan supaya kesemua 21 bank perdagangan, 25 syarikat kewangan serta 12 bank saudagar mesti digabungkan mengikut pengaturan sesuka hatinya kepada enam kumpulan perbankan yang diketuai oleh enam bank utama. Kesemua 58 buah institusi kewangan ini telah diberikan tarikh akhir yang tegas untuk menyelesaikan urusan penggabungan mereka:

- (i) Tarikh akhir pertama - 30hb September: semua bank menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bergabung dengan rakan-rakan gabungan mereka sebagaimana yang ditentukan oleh Bank Negara;
- (ii) Tarikh akhir kedua - 15 November 1999: persiapan terakhir;
- (iii) Tarikh akhir ketiga - 31 Disember 1999: menandatangani persetujuan jualan dan belian;

- (iv) Tarikh akhir keempat - 29 Februari 2000: mendapat kelulusan daripada pihak-pihak penguasaan dan pemegang saham;
- (v) Tarikh akhir kelima - 1 April 2000 : meneruskan perniagaan sebagai entiti bergabung.

Selepas kawalan modal yang diperkenalkan pada September tahun lepas, rancangan penggabungan secara paksaan Bank Negara ini merupakan tamparan paling besar ke atas keyakinan para pelabur, khasnya kerana sifatnya yang tidak membenarkan sebarang perundingan dan tidak wujud ketelusan untuk menghapuskan kekhawatiran mengenai kronisma atau agenda politik ulterior. Bagaimanapun, kesemua 58 institusi kewangan ini telah berjumpa pada tarikh akhir pertama yang ditetapkan oleh Bank Negara untuk menandatangani MoU pada 20 September, sungguhpun kebanyakan daripada mereka menyimpan perasaan geram, menentang malah membangkang.

Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, yang pada masa itu berada di Washington untuk menghadiri satu seminar anjuran Bank Dunia, menjelaskan rancangan penggabungan secara paksaan ini sebagai tindakan kerajaan untuk bergerak secara agresif untuk memperkukuhkan sistem perbankan kerana 'WTO telah mengetuk pintu kita dan bertanya bilakah kita akan meliberisasikan sektor kewangan kita';

Beliau tidak sedar bahawa pada masa yang sama beliau cuba menjelaskan rancangan penggabungan paksaan bank kita di Washington dan semasa 58 institusi kewangan sedang dipaksa untuk berjumpa pada tarikh akhir 30 September untuk menandatangani MoU, berlakunya satu perubahan keputusan yang seterusnya menyebabkan kesemua penggabungan bank paksaan ini ditangguhkan.

Kini adalah jelas bahawa apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, meninggalkan Kuala Lumpur pada 30 September untuk ke luar negeri, antara destinasiya termasuklah Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, United Kingdom dan Zimbabwe, beliau menyedari bahawa rancangan penggabungan bank secara paksaan Bank Negara ini tidak dapat berkekalan tanpa kerugian besar dalam segi ekonomi dan politik - ia akan menghakis keyakinan para pelabur serta menyebabkan Barisan Nasional kehilangan undi kepada Barisan Alternatif dalam pilihan raya akan datang.

Pada 2 Oktober semasa beliau berhenti di London setelah meninggalkan New York dan berlepas ke Zimbabwe untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan

1999, beliau telah memberikan petanda bahawa penggabungan bank secara paksaan ini mungkin akan ditangguhkan. Beliau mengakui pada masa itu bahawa keputusan penggabungan paksaan ini merupakan satu keputusan satu pihak arbituari dan bank-bank bukan utama seperti Bank Rashid Hussein sebenarnya boleh memohon untuk dinaikkan tarafnya menjadi salah satu daripada bank utama. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hampir-hampir mengumumkan bahawa rancangan penggabungan paksaan Bank Negara itu telah dibatalkan tanpa merundingi Kabinet, NEAC, Menteri-menteri Kabinetnya ataupun Bank Negara.

Inilah sebab mengapa kenyataan beliau di London telah memeranjatkan rakan-rakan Kabinetnya dan pada masa yang sama, Menteri Kewangan Kedua pula tengah menjelaskan kepada para peniaga British mengenai sama ada jadual masa untuk penggabungan 58 institusi kewangan itu akan dapat ditepati.

Beliau memberitahu satu seminar mengenai pemulihan Malaysia - *The Way Forward* - di Kuala Lumpur pada masa yang sama bahawa kerajaan tidak menjangkakan sebarang masalah bagi insituti-institusi kewangan berkenaan menepati jadual masa yang ditetapkan yang kononnya adalah realistik dan bahawa kerajaan merasa gembira dengan perkembangan penggabungan tersebut.

Inilah sebab mengapa beliau membisu selama lebih kurang dua minggu kerana didapati semasa beliau cuba meyakinkan para pelabur British bahawa pergabungan bank akan tepat pada jadualnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah mengumumkan di London bahawa rancangan berkenaan telah ditangguhkan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata bahawa NEAC telah mengambil keputusan untuk mengkaji semula jumlah bank utama dan tidak tergesa-gesa untuk melaksanakan pergabungan dalam masa yang singkat.

Betapa lama lagi NEAC perlu mengkaji semula soal jumlah bank utama untuk Malaysia? Tidak kira apa jawapannya, ini hanya bererti bahawa MoU-MoU yang ditandatangani oleh 58 buah institusi kewangan ini telah kehilangan maknanya kepada institusi-institusi kewangan yang tidak menyetujui cara Bank Negara menentukan rakan pergabungan mereka dan lima tarikh akhir yang ditetapkan oleh Bank Negara untuk mempercepatkan rancangan pergabungan tersebut kini telah menjadi persoalan akademik dan tidak lagi berkuasa mengikat.

Berikutan dengan pertimbangan semula NEAC terhadap rancangan pergabungan bank ini, DAP menyeru supaya kerajaan mempertimbangkan dengan seriusnya cadangan-cadangan 'Barisan Alternatif' yang dibuat pada 22 Ogos 1999 supaya diwujudkan sistem perbankan berperingkat atau *multitier* yang mengizinkan bank-bank berbagai saiz sama-sama wujud dan dengan itu dapat saling melengkapi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengatakan bahwa kerajaan berkomited untuk mengurangkan jumlah bank dalam negara ini kerana krisis ekonomi yang melanda kita jelas menunjukkan bahawa bank-bank yang kecil tidak berdaya maju. Ini adalah tidak benar.

Krisis ekonomi baru-baru ini telah menunjukkan bahawa institusi kewangan yang lebih besar (contohnya Bank Bumiputra, Rashid Hussin Bank, Sime Bank, Arab Malaysia Bank, Arab Malaysia Finance, MBf Finance, dan sebagainya) merupakan kegagalan besar dan kerajaan terpaksa campur tangan untuk menyelamatkan mereka. Adalah tidak wajar sekiranya mereka terus dilindungi atau diberi ganjaran, kerana tidak ada jaminan bahawa mereka tidak akan gagal lagi sebagaimana yang berlaku kepada Bank Bumiputra yang terpaksa diselamatkan selama tiga kali dalam tempoh 12 tahun, melibatkan wang pembayar cukai sejumlah RM4.7 bilion.

Sementara sebuah entiti yang lebih besar mempunyai kelebihan dalam menahan pergolakan, akhirnya kualiti pengurusan dan bukannya saiz sesuatu entiti yang menentukan hasilnya. Ini boleh dibuktikan oleh fakta bahawa bank-bank bersaiz sederhana seperti Hong Leong Bhd., Southern Bank dan Ban Hin Lee Bank semuanya telah berjaya menahan krisis kewangan Asia berbanding dengan bank-bank lain.

DAP menyokong usaha menubuhkan bank-bank Malaysia yang besar tetapi menentang usaha memaksa bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang kecil dan berkesan untuk bergabung dengan entiti-entiti besar sedia wujud, kerana saiz yang besar tidak memastikan keteguhan di samping wujudnya keperluan untuk bank-bank kecil. Bukannya setiap institusi kewangan berhasrat menjadi pemain utama di peringkat global.

Malaysia sepatutnya mengizinkan kewujudan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan kecil yang beroperasi secara berkesan, inovatif dan profesional, yang dapat mencipta lebih peluang pekerjaan bagi pelepasan sekolah dan graduan yang semakin meningkat jumlahnya.

Barisan Alternatif, dalam kenyataan dasarnya pada 22 Ogos 1999 telah mengisytiharkan pendapat menentang usaha untuk mencantumkan bank-bank secara paksa dan buat dengan jelas bahawa parti-parti yang bergabung ialah DAP, Keadilan, PAS dan PRM menentang rancangan pergabungan bank secara paksaan oleh Bank Negara, dan kami telah membuat cadangan sebaliknya untuk mewujudkan sistem perbankan berperingkat, di mana bank-bank berbagai saiz dibenarkan sama-sama wujud dan melengkapi semasa mereka.

Sementara mengiktiraf keperluan untuk memperkukuhkan sistem perbankan dalam menghadapi cabaran liberalisasi kewangan antarabangsa yang semakin mendesak, Barisan Alternatif menyatakan bahawa masih wujudnya bukti-bukti bank-bank tempatan atau serantau yang kecil yang terus berkhidmat untuk pelanggan mereka dan mereka adalah lebih berkesan daripada bank-bank besar yang tidak bersifat peribadi.

Apa yang menarik adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut menyalahkan orang asing ke atas rancangan pergabungan secara paksaan Bank Negara ini, dan katanya, dengan izin, *“we are not in a hurry although unsolicited foreign advisers have urged us to do it quickly.”*

Siapakah *‘unsolicited foreign advisers’* ini yang telah silap mendesak Bank Negara supaya menggubal rancangan yang berbau malapetaka untuk mempercepatkan pergabungan bank ini? Adakah ia merujuk kepada *Salomon Smith Barney Holding Incorporated* atau lain-lain penasihat kewangan berbangsa Yahudi?

DAP mencadangkan penubuhan satu Pasukan Petugas Khas untuk mengkaji dan membuat cadangan dalam tempoh tiga bulan mengenai pergabungan bank serta konsolidasi sektor perkhidmatan kewangan di Malaysia dan bukannya bergantung kepada pandangan *‘unsolicited’* penasihan asing.

Rujukan Pasukan Petugas Khas tentang masa depan sektor perkhidmatan kewangan Malaysia ini harus meliputi lima bidang:

- (i) sumbangan sektor perkhidmatan kewangan kepada pewujudan peluang pekerjaan, pertumbuhan ekonomi dan ekonomi baru;
- (ii) persaingan, kecekapan dan inovasi dalam sektor bank;

- (iii) persaingan antarabangsa dalam era globalisasi, sementara mengekalkan institusi kewangan tempatan yang kuat dan bertenaga;
- (iv) keupayaan sektor ini menggunakan kesempatan kemajuan teknologi baru untuk menghadapi cabaran-cabaran persaingan yang wujud hasil dari pewujudan teknologi baru ini; dan
- (v) sumbangan sektor ini untuk berkhidmat kepada pengguna Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1987, Rang undang-undang Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan telah diluluskan di Parlimen untuk membolehkan penubuhan satu Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan yang bertujuan menyerap dana-dana dari industri yang sering bergolak dan berubah atau '*volatile*' dan '*depleting*' yang berasaskan sumber-sumber alam sekitar yang kian kehausan seperti petroleum, besi dan galian-galian lain – bermula dengan sumbangan dari Petronas sebanyak RM100 juta.

Bagi tempoh 12 tahun yang lalu, tidak ada sebarang penjelasan yang diberi kepada Parlimen atau negara ini mengenai jumlah wang yang dimiliki oleh Kumpulan Wang ini atau bagaimana ia menggunakan wang itu – sungguh pun angka-angka berjumlah RM15 bilion ke RM20 bilion telah disebut.

Di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1987, Bank Negara bertanggungjawab untuk menguruskan Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan ini.

Sekarang Bank Negara mempunyai rekod buruk sebagai Bank Pusat apabila satu '*rook bank*' apabila ia terlibat dalam spekulasi mata wang asing sehingga kerugian sebanyak RM20 bilion ke RM30 bilion kepada spekulator mata wang, termasuk George Soros, dalam awal tahun 90-an dan apabila ia gagal menghalang kerugian bank yang besar seperti dalam kes Bank Bumiputra yang memerlukan tiga kali penyelamatan yang berjumlah RM4.7. bilion dalam tempoh 12 tahun. Reputasi Bank Negara jatuh ke tahap yang begitu rendah selepas *statutory declaration* bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Abdul Murad yang memberitahu negara dan dunia bahawa pemilik dan pengurus Bank Pusat Malaysia bukannya contoh unggul kejujuran atau '*model of ratitude*' tetapi adalah

mungkin lebih tidak jujur daripada pemilik dan pengurus bank swasta yang paling tidak jujur dan tidak berprinsip.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, panjang lagikah? Sudah dekat tiga jam.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, akan habis. Yang Berhormat Menteri Kewangan harus memberi satu laporan penuh kepada Parlimen mengenai Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan, kedudukan kewangannya masa kini, pertambahan sumbangan tahunannya dan identiti penyumbang, bagaimana tabung itu digunakan dan siapa yang bertanggungjawab menguruskannya.

Terdapatnya satu laporan baru-baru ini yang menyatakan bahawa Petronas yang menguruskan Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan ini, dan jika ini benar, maka penjelasan penuh adalah diperlukan kerana ia jelas melanggar Akta Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan yang mengamanahkan Bank Negara sebagai bertanggungjawab ke atas pengurusan hariannya. Jika Bank Negara masih bertanggungjawab ke atas pengurusan Kumpulan Wang itu, maka harus dinyatakan siapakah pegawai-pegawai Bank Negara yang bertanggung jawab menguruskannya.

Sehingga kini, kerajaan enggan mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk memperbaiki ketelusan di luar-belanjawan (*off budget*) untuk mengurangkan masalah “liabiliti kontigen” dan beban ekonomi yang ditimbulkan oleh badan-badan awam bukan kewangan (NFPE).

Kerajaan harus mengkehendaki supaya semua akaun mereka (termasuk Petronas dan Khazanah Holdings) dibentangkan di Parlimen dan kepada rakyat untuk memastikan akauntabiliti yang lebih tinggi. Saya menyeru supaya Menteri Kewangan juga memberi penjelasan penuh mengenai Petronas dan Khazanah Holdings, selain daripada Kumpulan Wang Amanah Kebangsaan ini.

Lebih daripada RM60 bilion – bersamaan dengan dua per tiga jumlah hutang Kerajaan Persekutuan – telah diedarkan oleh Danaharta dan Danamodal sejak tahun lalu, tetapi jumlah besar ini tidak wujud dalam laporan ekonomi atau Belanjawan. Laporan penuh dan tetap mengenai Danaharta dan Danamodal harus dibentangkan di Parlimen untuk memastikan akauntabilitinya.

Baru-baru ini, kerajaan BN nampaknya mula mengiktiraf sumbangan oleh Sekolah Menengah Persendirian Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina ke atas pembangunan negara dan tenaga manusia sepanjang tempoh 40 tahun yang lalu, sungguhpun pengiktirafan ini agak terlambat.

Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memuji guru dan pelajar-pelajar dalam sekolah menengah persendirian Cina dan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina sebagai lebih berdedikasi dan berkomited, dan bahawa adanya sesetengah orang Melayu yang lebih gemar untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina.

Dua langkah terdesak mesti diambil oleh Kementerian Pendidikan dengan segera; pertama, kerajaan harus menjalankan penyiasatan terhadap sebab mengapa ibu bapa Melayu tidak yakin dengan kualiti pendidikan yang diberikan di sekolah kebangsaan dan sebaliknya gemar untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah jenis kebangsaan Cina walaupun mereka tidak mempunyai kemudahan dan kewangan sebagaimana yang dibekalkan oleh kerajaan kepada sekolah kebangsaan.

Kedua, kerajaan harus menghentikan layanan yang tidak adil terhadap sekolah-sekolah Cina dan meningkatkan taraf mereka ke tahap yang sama dengan sekolah rendah kebangsaan dalam segi peruntukan kewangan, kerana sepanjang tempoh 40 tahun yang lalu, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina hanya menerima sedikit wang daripada kerajaan untuk tujuan pembangunan sekolah – dan ini mewujudkan keadaan di mana murid sekolah jenis kebangsaan Cina terpaksa mendapatkan sumbangan dan derma daripada orang awam. Masalah ini menjadi lebih serius bagi 60 buah sekolah menengah persendirian Cina yang bergantung sepenuhnya kepada sokongan komuniti Cina.

DAP mencadangkan supaya kerajaan khas memperuntukkan wang sebanyak RM1 bilion kepada 60 buah sekolah menengah persendirian Cina dan 1,200 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dalam tempoh lima tahun akan datang sebagai mengiktiraf sumbangan mereka terhadap pembangunan negara.

Setiap sekolah menengah persendirian Cina harus diperuntukkan wang sebanyak RM1 juta setiap tahun dan setiap sekolah rendah jenis kebangsaan Cina diperuntukkan wang sebanyak RM100,000 daripada peruntukan khas ini, selain dari peruntukan biasa yang diterima oleh mereka sekarang.

Oleh kerana kerajaan sudah mengumumkan akan membina 371 sekolah yang baharu dan oleh kerana dalam beberapa dekad ini Kementerian Pendidikan sudah mengabaikan membina sekolah-sekolah rendah Tionghua yang baru, saya cadangkan bahawa patutlah ada satu sasaran untuk membina sekurang-kurangnya 30 sekolah rendah Tionghua tahun depan khususnya oleh kerana dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan (SRJK) bahawa menghadapi masalah kesesakan tempat selain dari kekurangan sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, DAP harap bahawa dengan pengiktirafan kerajaan mengenai sumbangan sekolah-sekolah Tionghua sama ada peringkat rendah atau peringkat menengah kepada usaha pembinaan negara dan dalam pembangunan negara, bahawa ialah satu kesedaran dan bukan oleh kerana pilihan raya besar tetapi membayangkan satu perolehan besar dalam falsafah pembinaan negara yang menerima landasan bahawa negara inilah satu negara yang berbilang kaum, berbilang bahasa, berbilang agama dan berbilang budaya.

Bahawa mereka dan dalam beberapa dekad ini yang ada mengambil pendirian untuk memupuk dan membangunkan pendidikan Tionghua, mereka bukan orang yang anti nasional, bahawa mereka tidak taat setia atau boneka kerajaan atau kuasa asing sama ada kerajaan Tionghua di Beijing atau di Taiwan tetapi mereka 100% rakyat Malaysia yang taat setia kepada Malaysia, sungguhpun ada fahaman yang berbeza dengan parti-parti yang memerintah mengenai landasan pembinaan negara, bahawa landasan pembinaan negara patutlah melalui proses integrasi dan bukan asimilasi. Dan bahawa mereka mempertahankan kedudukan bahasa ibunda bukan oleh kerana untuk kuasa-kuasa luar tetapi daripada fahaman apa bentuk masyarakat Malaysia patut dibinakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)
mempengerusikan Mesyuarat]

Oleh kerana itu, dalam masa yang lampau ada warga negara rakyat Malaysia untuk mempertahankan kedudukan yang wajar mengenai pendidikan ibunda khususnya di masyarakat Tionghua yang ada dianggap sebagai tidak taat setia, yang anti nasional, isu semacam ini patut dibetulkan dan mendiang Lim Lian Yoke, satu contoh sebagai seorang tokoh untuk pergerakan pendidikan Tionghua, beliau taat setia kepada Malaysia, sungguhpun tidak ada negara kedua yang lain dan sungguhpun beliau dilucutkan

kewarganegaraan oleh kerana peranan beliau dalam awal 60-an, selepas itu untuk suku abad beliau masih dalam Malaysia. Oleh kerana tidak ada negara-negara yang lain yang menjadi negara beliau dan beliau ada di Malaysia sehingga hayatnya yang terakhir pada tahun 1985.

Inilah satu testimoni yang sangat baik, yang menunjukkan bahawa Lim Lian Yoke apabila memperjuangkan untuk pendidikan Tionghua di Malaysia, perjuangan beliau ialah untuk kebaikan negara dan bukan untuk kepentingan kuasa-kuasa lain. Oleh kerana Malaysia sekarang telah memasuki satu alaf baru, memasuki zaman millenium yang baru, kita perlulah satu falsafah yang baru, satu pendekatan yang baharu di mana rakyat Malaysia tidak kira kaum, tidak kira agama bolehlah bergabung untuk mewujudkan, untuk mengadakan satu masa bersama dan di mana mengakui, mengiktiraf kita semua sebagai rakyat Malaysia dan saya rasa akan menjadi satu tanda yang sangat baik untuk memulakan proses ini, memulakan proses pembinaan negara baharu ini, kalau kerajaan dan negara ini boleh mengiktirafkan sumbangan Lim Lian Yoke bahawa beliau bukan seorang anti nasional, bahawa bukan seorang yang tidak taat setia dan memberi pengiktirafan dengan memulihkan taraf kedudukan kewarganegaraan oleh kerana kewarganegaraan beliau dilucutkan pada awal 60-an, saya rasa inilah akan menjadi satu tanda, akan menjadi satu perkembangan yang baik bahawa negara kita untuk masuk alaf yang baharu. Saya harap, akhirnya bahawa Kabinet akan memberi pertimbangan yang serius kepada cadangan ini untuk memulihkan, sungguhpun 'posthumously' oleh kerana beliau sudah meninggal dunia, 'posthumously' kewarganegaraan Malaysia kepada Lim Lian Yoke. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang

15.30 ptg.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Assalamualaikum w.b.t. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan. Belanjawan yang dibentangkan merupakan selamat tinggal kepada abad ke 20. Untuk menghadapi alaf baru dengan diresapi oleh pengaruh Y2K, tanpa kaedah yang tepat dan dipengaruhi oleh demam pilihan raya, maka ianya menjadi luar biasa dan di luar akhlak dan demokrasi. Jelas Parlimen disalahgunakan oleh parti yang memerintah sekarang untuk kempen

pilihan raya. Masih tidak cukup lagi dengan media massa milik kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan seperti KEMAS, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain termasuk undi pos yang tidak diberi peluang kepada semua parti politik menghantar pemerhati dan ada kawasan yang menang dengan undi pos adalah lebih baik dan bermaruah. Belanjawan yang begini sifatnya ditangguhkan pembentangnya selepas pilihan raya supaya ia tidak bersifat rasuah politik yang berterangan di siang hari.

Belanjawan ini sebenarnya bukanlah berhasrat untuk memulih ekonomi negara tetapi sebenarnya lebih bertujuan untuk memulih imej parti Barisan Nasional yang tidak lagi mendapat sokongan di kalangan terpelajar dan berpendidikan. Adalah tidak wajar mereka yang terpelajar diperbodohkan dengan hujah-hujah yang rapuh. Pemimpin-pemimpin kerajaan terpaksa berperisai dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti dan pelbagai undang-undang seperti ISA, OSA, ugutan dan meletakkan badan kehakiman, BPR, SPR secara langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih lagi berdegil dalam mempertahankan teori mudah mereka bahawa kegawatan ekonomi yang berlaku pada tahun 1997 adalah semata-mata berpunca daripada kegiatan spekulatif, serangan spekulator mata wang, lantas enggan sama sekali untuk mengakui kelemahan-kelemahan pengurusan ekonomi yang amat ketara, yang membolehkan atau menggalakkan spekulatif itu sendiri. Mereka tidak menyerang kita kerana kita orang Islam - orang Asia atau kerana mereka orang Yahudi, tetapi kerana wujud peluang untuk membuat keuntungan besar dari kelemahan ekonomi kita.

Kerajaan enggan mengakui bahawa kawalan modal yang diperkenalkan pada September 1998, adalah sebenarnya terlambat untuk memberi apa-apa makna terhadap pemulihan ekonomi. Ini adalah kerana apabila kawalan modal diperkenalkan, kebanyakan modal asing dan dalam negara telah banyak mengalir keluar dari negara ini. Ini samalah seperti keadaan - menutup pintu kandang setelah kerbau sudah habis keluar. Lihat, misalnya kadar pertukaran yang menjunam secara ketara dari pertengahan tahun 1997 hingga akhir tahun 1998. Maksudnya kawalan modal diperkenalkan setelah berlakunya pengaliran modal secara berbondong-bondong

Perbincangan mengenai kawalan modal adalah penuh dengan retorika politik dan tidak bersandarkan kepada fakta. Apakah yang dikatakan sebagai kejayaan kawalan

modal itu walaupun ada kebaikannya ialah ia membawa kepada suatu ketenteraman, stabiliti dalam pasaran bagi suatu jangka masa yang terhad. Akan tetapi jelasnya selepas daripada itu, kawalan modal tersebut terpaksa dipinda beberapa kali setelah kelemahan-kelemahannya menjadi semakin ketara. Malahan ada yang berpendapat bahawa kawalan modal tersebut merupakan helah politik untuk memelihara kepentingan dan status syarikat-syarikat yang bermasalah.

Ini perlu dijelaskan dari segi apakah di sebalik agenda, tidak menerima bantuan IMF atau bank dunia. Mereka mengenakan pensyaratan yang tegas supaya dana tidak disalahgunakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat kroni yang nazak. Sebaliknya dengan kawalan kapital dan kononnya menggunakan dana sendiri, mereka bebas untuk menyelamatkan syarikat kroni. Mereka dengan menggunakan wang rakyat seperti yang berlaku dalam kesemua *bail out*, contohnya Konsortium Perkapalan Berhad. Ingatkan kembali penarikan semula dana dari Jepun sebanyak RM1 bilion ketika kita tidak mengikut pensyaratan mereka.

Perlu dijelaskan di sini bahawa pemulihan ekonomi adalah didorong oleh pemulihan ekonomi rantau Asia serta permintaan yang melonjak terhadap eksport utama negara. Ia tidak ada kena-mengena sedikit pun dengan kawalan modal atau polisi-polisi kerajaan yang hanya mementingkan syarikat-syarikat besar atau syarikat-syarikat kroni bahkan boleh dikatakan bahawa kedegilan kerajaan membela syarikat-syarikat kroni tersebut telah menyebabkan keruntuhan saham dan menyekat pemulihan semula ekonomi negara contohnya Renong *bail out* telah menyebabkan gencatan kepada pasaran saham.

Menteri Kewangan Pertama menyatakan, kita tidak mahu tunggu untuk masa hadapan kita ditentukan oleh kuasa asing. Kita tidak mahu kehilangan hak pemilikan ke atas bank-bank tempatan dan industri-industri strategik negara. Kita tidak izinkan masa hadapan politik kita ditentukan oleh tekanan kuasa luar, akan tetapi bukankah kawalan modal itu sendiri dipinda atas desakan luar. Kerajaan terpaksa memberi kelulusan kepada bank asing untuk menubuhkan lebih banyak cawangan mereka sebagai membalas usaha mereka meningkatkan pinjaman dalam negara kepada syarikat-syarikat kroni kerajaan.

Semenjak kawalan modal dikenakan, kerajaan telah membenarkan orang-orang asing memperolehi lebih daripada 50% keupayaan negara membuat simen, memperolehi

kontrol dan kuasa membuat keputusan dalam beberapa syarikat telekomunikasi negara, memperolehi beberapa pegangan utama dalam ekuiti kumpulan insurans negara, apa yang disebutkan oleh Menteri Kewangan Pertama, apa yang Menteri Kewangan Pertama sangat marah dengan IMF, sehingga hampir setengah jam ditumpukan kepada IMF, dengan retorika yang memalukan, adakah ini bertujuan untuk memadamkan fakta betapa pantas ekonomi-ekonomi yang dibantu oleh IMF telah maju dan baikpulih berbanding dengan Malaysia atau mungkin ia sekadar untuk mempertahankan sikap kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat kroni yang mempunyai masalah kewangan akibat pemborosan dan ketidakcekapan pengurusan.

Menteri Kewangan Pertama menafikan tuduhan bahawa tindakan kerajaan membantu syarikat-syarikat yang mempunyai masalah kewangan tidak lebih daripada *bail out*, beliau menyatakan bahawa beribu-ribu syarikat kecil telah mendapat manfaat daripada polisi ini. Jika benar, kita minta kerajaan mengumumkan dan menyenaraikan syarikat-syarikat tersebut serta jumlah yang mereka perolehi daripada CDRC dan Dana harta.

Menteri Kewangan Pertama juga menyatakan bahawa hanya US\$327.9 bilion bersamaan RM1.2 bilion telah keluar daripada negara pada 1 September 1999, dia menganggap itu sebagai kecil tetapi angka bagi hari-hari berikutnya tidak diumumkan. Tetapi fakta yang kita ketahui adalah pada 15 Oktober 1999, Bank Negara mengumumkan bahawa rizab negara telah jatuh dari RM119.28 bilion hujung September 1999 kepada RM113.95 bilion. Ini adalah kejatuhan dalam jangka dua minggu yang paling teruk semenjak pertengahan tahun 1997, iaitu sebanyak RM5.33 bilion atau US\$1.4 bilion. Ini menggambarkan bahawa keluarnya modal asing masih berterusan. Dijangkakan bahawa pengaliran modal pada hujung tahun adalah sebanyak RM23.4 bilion. Pasti jumlah ini tidak sedikit dan sekaligus membayangkan bahawa keyakinan pelabur asing dan juga tempatan masih belum dibaikpulih.

Sekali lagi perlu ditegaskan bahawa penyelesaian ekonomi dan keyakinan kepada pengurusan ekonomi hanya akan didapati dengan penyelesaian politik secara demokratik. Maka rakyat dan negara memerlukan pilihan raya disegerakan untuk mengelakkan ekonomi negara dari harus mengalami suasana ketidaktentuan dan kemuraman.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ekonomi Malaysia mengambil masa yang lebih panjang untuk pulih berbanding Korea atau Thailand, namun sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi sudah meningkat hasil daripada perbelanjaan besar kerajaan dalam bidang infrastruktur yang berjumlah hampir 8% daripada KNK dan kenaikan eksport disebabkan oleh ringgit murah serta permintaan global yang kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, kelonggaran kepada kawalan modal juga mungkin akan membawa pelabur asing. Kita khuatir bahawa pengaliran masuk tukaran asing ini yang ditukar kepada ringgit kepada Bank Negara akan menyebabkan kelebihan kecairan dan potongan lebih lanjut terhadap kadar faedah yang didorong oleh kecenderungan Menteri Kewangan Pertama untuk memastikan kredit murahan bagi syarikat-syarikatnya walaupun sebahagian daripada kecairan ini akan digunakan untuk pelaburan yang produktif, kadar permintaan tetap seterusnya akan membawa kemusnahan seperti yang disaksikan kepada keruntuhan ekonomi tahun 1997. Pada kecairan yang tinggi nanti sekali lagi pelaburan akan dibuat di sektor spekulatif terutama sektor pasaran saham dan hartanah, sekali gus akan melahirkan kembali fenomena ekonomi membelon atau *bubble economy* akan akhirnya meletup dan sekali lagi negara akan mengalami keruntuhan dan fenomena merudum. Sesungguhnya kita tidak belajar apa-apa daripada keruntuhan ekonomi kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang perlu dipertegaskan adalah fenomena pertembungan kepentingan. Ternyata bahawa polisi-polisi pemulihan telah dipengaruhi oleh perhitungan kepentingan pihak kerajaan yang turut mempunyai ekonomi interest, kepentingan perniagaan dalam syarikat-syarikat besar yang mengalami kerugian akibat keruntuhan ekonomi. Adalah diyakini bahawa polisi pemulihan dan pengurusan ekonomi akan lebih telus dan memenuhi sasaran sebenar pemulihan sekiranya menteri-menteri khususnya Menteri Kewangan sendiri tidak memiliki kepentingan dalam perniagaan. Ini jelas dalam isu-isu *bailout* atau penyusunan semula syarikat dalam kes CDRC dan Danaharta dan mutakhir sekali dalam kes penggabungan institusi perbankan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Belanjawan tahun 2000 tidak menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional ini benar-benar bertanggungjawab atas pentingnya ekonomi negara diurus secara berhemat dan beramanah. Kerajaan seolah-olah tidak merasa terdesak untuk memikirkan strategi-strategi serta langkah-langkah yang

diperlukan untuk menjamin masa hadapan rakyat setelah ekonomi terjerumus di dalam suatu kegawatan ekonomi yang paling teruk dalam sejarah negara. Sebaliknya, kerajaan terlalu ghairah untuk mendapatkan sokongan rakyat sehingga ia tergamak menggunakan belanjawan secara mewah dan cuai ini semata-mata untuk tujuan politik pilihan raya dan pada masa yang sama melepaskan tanggungjawabnya.

Sebagai contoh, Menteri Kewangan Pertama tidak langsung membuat sebarang analisis rumusan serta memberikan cadangan kukuh bagi mengatasi kelemahan-kelemahan ekonomi negara yang telah terjerumus ke dalam kegawatan selain daripada retorika politik. Beliau langsung tidak memberikan ulasan yang bermakna terhadap beberapa isu penting yang dihadapi oleh negara ketika ini seperti antara lain peningkatan hutang luar negara yang sekarang ini hampir mencecah 60% daripada KNK meletakkan rancangan-rancangan kukuh bagi menguruskan hutang negara dan rancangan-rancangan untuk mengurangkan bebanan hutang ini dan suatu jangkau masa yang spesifik.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan juga menunjukkan bahawa kerajaan tidak mempunyai satu *political will* dan kemahuan yang sungguh-sungguh untuk mencari sebarang cara penjimatan perbelanjaan sebagai usaha untuk mengurangkan kos hutang negara yang kian meningkat. Suatu reformasi yang menyeluruh dimulakan dalam sektor kewangan dan sektor korporat, syarikat-syarikat gergasi perlu berfungsi dengan memfokuskan kepada kegiatan yang selari dengan kepakarannya dan melepaskan aktiviti-aktiviti lain yang membebankan serta menerajui usaha bagi mencapai tahap pengurusan yang cekap sehingga mampu mencari jalan penyelesaian terhadap beban hutang yang ditanggung.

Tuan Yang di-Pertua, meningkatkan kesesuaian polisi fizikal dan monetary bagi mengatasi permasalahan ekonomi yang sedang dialami dan lebih utama lagi untuk mengelakkan berlakunya sekali lagi fenomena ekonomi yang membelon dan meruap. Jelasnya Menteri Kewangan Pertama hanya memfokus sebahagian besar dari tumpuan Belanjawan kepada kepentingan golongan korporat khususnya dalam sektor perbankan, brokerage, insurans dan hartanah. Tegasnya ia adalah Budget pilihan raya yang bermalamatkan untuk meraih undi. Tidak kedapatan langkah-langkah serius berhemat serta konsisten untuk benar-benar mengatasi masalah kegawatan dan kesengsaraan rakyat. Yang jelasnya ia adalah langkah-langkah *ad-hoc*, spontan seperti kelaziman

budaya penyelesaian masalah kerajaan tanpa pemikiran yang mendalam dan kesedaran tanggungan kos yang tidak munasabah.

Defisit sebanyak RM19 bilion dalam Belanjawan kali ini telah meletakkan ungkapan ‘Belanjawan tidak bertanggungjawab dan cuai’ sebagai respond rakyat yang paling tepat dan wajar. Menyelidik dan merumuskan cara-cara untuk mendapatkan penjimatan dalam operasi dan pengurusan kerajaan, mencari jalan untuk menyekat peningkatan kos sara hidup, tidak ada perhatian dan pertimbangan diberi kepada usaha untuk mengurangkan bebanan rakyat teramai dan termiskin seperti golongan penoreh getah dan pemandu teksi, nelayan yang telah merengkok di bawah kesengsaraan, kenaikan harga barang-barang sebanyak 200% hingga 300% , memberikan kenaikan gaji kepada kakitangan kerajaan dan habuan yang lebih mewah kepada golongan korporat sementara tidak membela golongan rakyat teramai. Ini adalah perbuatan yang cuai dan tidak bertanggungjawab. Sekali lagi mencari jalan untuk meningkatkan pendapatan...

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Marang..

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...kepada golongan rakyat dalam sektor pertanian dan perikanan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak bagi jalan, Machang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...bukan hanya dengan bergantung kepada pemberian subsidi.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak bagi.

Tuan Haji Noh bin Omar: Tidak bagilah sebab baca teks orang lain.

Seorang Ahli: Takkan takut, berilah jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mencari keyakinan melalui isu ketaatan secara mutlak kepada kerajaan melalui ucapan pemimpin utama negara yang diulang petikannya melalui kaca TV yang disiarkan di seluruh negara bagi memulihkan keyakinan menjadi dalil bahawa pemimpin negara ini mahukan rakyat di semua peringkat bermula daripada pegawai kerajaan setinggi-tingginya hinggalah kanak-kanak sekolah rendah supaya mentaati pemimpin secara mempersucikan laksana Tuhan yang disembah yang Maha Suci daripada segala sifat kekurangan ...

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap ya Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...seolah-olah pemimpin kerajaan maksum yang tidak ada kesilapan walaupun sebesar zarah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada dua orang bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, Islam mengajar penganutnya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:bahawa ketaatan mutlak itu hanya kepada Allah dan Rasul. Ada pun ketaatan kepada yang lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya minta kalau tidak bagi jalan, bagi tahu Pengerusi tidak bagi jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:supaya saya tahu. Kalau Yang Berhormat tidak bagi tahu, saya tidak tahu sama ada bagi jalan atau tidak bagi jalan, dia orang berdiri. Saya minta duduk, dia tidak bagi jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sebab dari belakang.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, Islam mengajar penganutnya bahawa ketaatan mutlak itu hanya kepada Allah dan Rasul. Ada pun ketaatan kepada yang lain termasuk pemimpin adalah tidak mutlak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada pula point of order.

Tuan Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman : Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Point of order dia kata. Minta duduk.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Berapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, 35(1) seseorang Ahli hendaklah bangun di tempatnya dan bercakap, mengarah kepada Pengerusi dan bukannya membaca, berucap kepada pengerusi, bukan membaca *Harakah* atau apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, minta teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, dia tengok dari belakang, dia tidak tahu saya tengok kepada Pengerusi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, Islam menganjurkan kita memberi ketaatan hanya kepada Allah dan kepada Rasulullah s.a.w. Firman Allah s.w.t. di dalam al-Quran [*membaca ayat al-Quran*] yang bermaksud, ‘Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan pemimpin di kalangan kamu, di mana perkataan taati diulangi kepada Allah dan Rasul dan tidak diulangi kepada pemimpin menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemimpin adalah tidak mutlak. Sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada Allah dan Rasul’. Ayat ini telah dihuraikan oleh hadis Nabi s.a.w....

Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada yang bangun lagi Yang Berhormat. Macang bangun, Yang Berhormat .

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak beri jalan ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang:maksudnya, 'Tidak harus taat kepada makhluk dalam perkara mendurhakakan Tuhan'. Dan sabda Rasulullah s.a.w. [*membaca ayat al-Quran*].....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: yang bermaksud, 'di atas seseorang kita boleh dengar dan kita boleh patuh selagi dia tidak menyuruh dalam perkara maksiat'. Sekiranya dia tidak menyuruh dalam perkara maksiat maka tidaklah harus dengar dan tidak harus taat.

Tuan Yang di-Pertua, setiap orang pemimpin yang dipilih selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. menyampaikan ucapan kepada rakyat yang merupakan ucapan dasar, menegaskan bahawa ketaatan kepadanya adalah tidak mutlak. Contohnya, Saidina Abu Bakar As Sidiq r.a. yang dipilih menjadi khalifah yang pertama dalam sejarah Islam menegaskan di dalam ucapan sulungnya, antara lain, [*membaca ayat al-Quran*] yang bermaksud, 'Wahai tuan-tuan, saya telah dipilih menjadi pemimpin kamu, saya bukanlah orang yang terbaik di kalangan kamu. Sekiranya saya di dalam keadaan baik, betul, tolonglah saya. Sekiranya saya di dalam keadaan terpesong, tidak betul, perbetulkanlah saya. Benar adalah amanah, bohong adalah khianat, jangan mengampu, Yang betul kata betul, yang salah kata salah. Wahai manusia...

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Macang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan tak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Ya, tidak beri, tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila duduk, dia tidak mahu beri Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: ‘Wahai manusia, orang yang kuat di kalangan kamu adalah lemah di sisiku sehingga aku mengembalikan hak yang lemah yang dirampas olehnya..... [*Beberapa orang Ahli menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tidak mahu beri jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Ya, saya tidak perlu takut, Tuan Yang di-Pertua, Kalau hendak debat buat di dalam TV, ataupun siar secara langsung, saya beri. Sekarang ini rakyat tidak tahu. Minta siarkan secara langsung dalam TV - Parlimen, kami boleh beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Ya, saya tidak mahu beri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk, Macang dia tidak mahu beri.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: ‘Sesungguhnya, suatu kaum yang meninggalkan perjuangan untuk menegakkan agama Allah adalah kaum yang ditimpa bala bencana yang umum, taat kepada aku selagi aku taat kepada Allah dan Rasul, sekiranya aku tidak taat kepada Rasul jangan taat kepada Aku’. Apabila Saidina Omar Ibnu Khattab r.a. dipilih menjadi ketua negara, beliau menyampaikan ucapan [*sambil membaca ayat al-Quran*] bermaksud, ‘apabila kamu lihat pada diri aku ini penyelewengan maka perbetulkanlah’. Lalu seorang yang hadir, bangun menyatakan, ‘Wahai Umar, sekiranya engkau menyeleweng kami akan perbetulkan dengan kekerasan’. Umar tidak marah, Umar menyatakan syukur terima kasih, alhamdulillah kerana orang yang sanggup membetulkan kesilapan Umar. [*Beberapa Ahli bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada Yang Berhormat di belakang bangun.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Umar tidaksupaya diambil tindakan ISA ditangkap, dibicarakan di mahkamah, diugut, diancam dan sebagainya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: **Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat. Di sebelah belakang sana bangun, Yang Berhormat.**

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Saya tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan. Minta duduk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, mereka mengalukan sesiapa yang mengkritik pemerintah dan mereka memaafkan kritik yang tidak bersopan. Umar telah disoal dalam majlis umum tentang baju yang dipakainya dan beliau memberi jawapan dengan tenang, tetapi kepimpinan negara kita hari ini sudah hilang kesabaran. Apabila dikritik walaupun secara bersopan di sana banyak perkara-perakara yang menjadi isu yang mesti dijawab dengan ikhlas seperti mahligai Putrajaya yang dinyatakan oleh arkitek yang merangkanya bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahukan ianya dibina laksana syurga Firdaus. Sila lihat temu ramah dalam *Mingguan Malaysia*.....

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: 8 Ogos 1999.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan tak, Yang Berhorma?.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tidak bagi, tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Saya tidak mahu bagi. Diberitakan imam-imam dari kampung, para JKK dibawa melawat ke taman dan masjidnya sahaja, tidak di mahligainya. Mengapa ahli-ahli Parlimen terutamanya daripada pembangkang tidak dibawa melawat ke Putrajaya sekurang-kurangnya untuk menghilangkan keraguan orang ramai melalui wakil-wakil mereka. Projek-projek mega, macam-macam, bukan ditegur kerana kepentingan politik semata-mata tetapi untuk menyedarkan kerajaan dengan amanah rakyat majoriti yang diperkecilkan oleh segala yang bersifat mega dan ada hak

rakyat yang ditenggelamkan mega laksana dilanda ombak besar dan banjir dan kemudian dilupakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kelemahan yang terlalu nyata setelah lebih 40 tahun mencapai kemerdekaan baru sekarang, ketika menjelang pilihan raya umum maka diumumkan sebanyak-banyak apa yang hendak dilaksanakan. Di sana masih terlalu banyak masalah rakyat yang tidak dapat diselesaikan, dan ada yang menjadi lebih berat masih banyak kawasan-kawasan setingan, peneroka-peneroka tanah kerajaan, rakyat termiskin di negeri-negeri yang kaya, kerajaannya kaya, rakyatnya miskin maka baru sekarang dibentangkan belanjawan bersifat rakyat konon. Dan ianya dilakukan di ambang pilihan raya umum yang tarikhnya menjadi senjata sulit untuk memenangkan parti kerajaan dengan mereka terlebih dahulu memilih satu demi satu isu dan menyogok projek segera untuk menjadi umpan. Apabila rakyat jahil yang menjadi golongan majoriti itu telah termakan maka baharulah diisytiharkan tarikh pilihan raya umum. Sangat berbeza dengan negara lain yang mengamalkan demokrasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada point of order, dia kata, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Ya, point of order. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, yang ke berapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Noh bin Omar: 36(6), 'seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas ahli lain'. Yang Berhormat, dia mempunyai sangkaan jahat kepada Perdana Menteri. Dia tuduh Perdana Menteri mempunyai niat yang jahat supaya sembunyikan pilihan raya dan pelbagai tuduhan yang jahat. Pada hal kita hendak minta penjelasan dia tidak beri. Jadi hendak tanya ini, apa pasal Nik Aziz tidak mahu bubar Dewan Negeri Kelantan dahulu. Ini sangkaan jahat ini, dia punya ucapan sangkaan jahat, lepas itu membohongi Dewan. Jadi, kalau tidak boleh beri jalan, suruh dia balik bersyarah dekat kampung, orang kampung dia boleh tipu. Saya hendak tanya Perlembagaan PAS pun dia tidak berani jawab. Hendak tanya pembohongan yang telah dia buat, cakap pandai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baiklah, duduklah. Kita dalam perbahasan peringkat Dasar, belanjawan tahunan. Jadi, banyakkah

menyentuh tentang kepimpinan dan pemimpin-pemimpin, kecuali kalau perkataan yang khusus berkaitan dengan perkara sangkaan jahat itu, kita boleh buat *ruling* tetapi secara umum saya rasa itu bukan sengaja. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, [*Ketawa*] di mana parti kerajaan berani mengumumkan tarikh lebih awal di negara lain dan mengharamkan sebarang penyalahgunaan alat-alat dan jentera kerajaan. Ada kerajaan yang lebih berani mengamalkan demokrasi yang bersungguh-sungguh mencari keadilan sehingga sanggup mengundang pemerhati bebas dan membenarkan penubuhan suruhanjaya bebas, di samping jentera kerajaan yang tidak diganggu oleh parti-parti politik. Apa yang terjadi dalam negara kita, pihak parti yang memegang tampok kerajaan sudah menjadi tidak bermaruah dan tidak merasa malu kepada dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, perhatian sepatutnya dilakukan oleh kerajaan yang dibentuk oleh mana-mana parti sebaik sahaja selepas pilihan raya terhadap masalah yang dialami oleh rakyat seperti golongan yang tidak berada, yang mencari rezeki di kawasan bandar, yang terpaksa mendirikan kawasan-kawasan setinggan kerana tidak mempunyai tanah untuk rumah kediaman dan untuk mendirikan rumah yang lebih selesa. Kadang-kadang mencari jalan untuk bertahan, terpaksa menubuhkan cawangan UMNO bagi menghalalkan tanah haram.

Adapun golongan atasan yang menjadi kroni pihak yang berkenaan terlalu mudah untuk mendapat tanah di mana-mana sahaja. Begitu juga dengan para petani miskin di luar bandar, terpaksa meneroka tanah haram atau diberi hak sementara yang menjadi bahan ugutan setiap kali pilihan raya. Walaupun tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi kebanyakan kerajaan negeri menjadi makmun kepada Kerajaan Pusat kecuali Kerajaan Negeri Kelantan.

Walaupun dicanangkan projek rumah murah dan dicanang lagi dengan lebih kuat dalam Belanjawan tahun 2000 tetapi harganya masih terlalu mahal kepada golongan yang berpendapatan rendah dan pihak yang berkenaan masih memberi peluang.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Machang sudah bangun banyak kali, hendak bagi atau tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak mahu bagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dia hendak bangun sejam pun tidak apa Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya tidak bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu bagi ya, Yang Berhormat. Tidak bagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...Memberi peluang mengambil keuntungan yang berlipat ganda kepada kroni bawahan yang melaksanakan projek rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, nelayan-nelayan kecil yang masih ramai jumlahnya masih menderita di celah-celah armada laut dalam. Di Pantai Timur, unjang mereka disapu oleh pukuk-pukuk tunda yang besar terutamanya di musim tengkujuh, kalau dahulu oleh nelayan asing kini oleh nelayan besar tempatan, di antaranya kepunyaan orang-orang yang menjadi kroni juga. Para nelayan masih dihimpit oleh permainan harga hasil tangkapan oleh orang-orang tengah yang sentiasa meraih keuntungan yang tidak bertimbang rasa. Mereka yang dihimpit oleh kemiskinan inilah dan kalangan pegawai-pegawai rendah menjadi bahan sogokan di musim menjelang pilihan raya atau ketika 'demam' pilihan raya.

Selepas itu mereka menjadi mangsa kenaikan harga barang-barang dan berbagai-bagai bebanan peraturan yang dikenakan dalam berbagai-bagai urusan untuk memberi pulangan kepada 'korporat-korporat Qorun' yang membiayai politik wang di musim Perhimpunan Agung UMNO atau di musim pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Islam, pihak kerajaan adalah pemegang amanah dalam mengendalikan harta negara. Mereka bukannya menjadi pencipta dan pemiliknya yang sebenar. Peranan kerajaan dinamakan *khalifah* bagi memakmurkan negara dengan penuh tanggungjawab. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan tanggungjawab *khalifah* ini dengan berlagak menjadi pemilik yang mencipta alam. Allah S.W.T. telah mengutuk sikap Firaun apabila dia menegaskan kepada rakyat

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi Yang Berhormat, hendak bagi jalan tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak bagi, tidak bagi Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak bagi. Tuhan berfirman

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak bagi jalan, diminta duduk.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teruskan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak apa Yang Berhormat hendak keluar pun tidak apa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu bagi jalan Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sila keluar Yang Berhormat. Ada orang lain lagi, ramai lagi. Tuan Yang di-Pertua, Tuhan berfirman *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, diminta duduklah.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: *Sporting* lah sedikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu bagi jalan ya, Yang Berhormat. Minta duduk.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya tidak mahu bagi jalan. Saya tidak ada minat, kalau yang di sini saya berminat. *[Menunjukkan isyarat tangan]* tetapi tidak ada orang.

Beberapa ahli: *[Menyampuk]* Adoi, angkuhnya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua,... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* bermaksud, adakah aku yang memiliki segala sungai, segala tali air yang ada di Mesir ini, tidakkah aku yang membahagikan kepada kamu wahai

rakyat. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] lalu kaum Firaun menjadi takut kepadanya. Rakyat diugut dengan projek-projek, dengan kemudahan-kemudahan. Rakyat ditekan dengan kuasa, membahagikan kekayaan negara mengikut kemahuan orang yang mahu mengekalkan kuasa secara rasuah politik bukannya mengikut hak kepada yang berhak.

Kepentingan pihak yang berkuasa mengatasi kepentingan rakyat Kuasa pemerintahan dijadikan ugutan ke atas rakyat supaya menyokong rakyat secara mutlak, termasuk pegawai-pegawai kerajaan mahu dijadikan robot. Para cendekiawan dikongkong sehingga tidak ada kebebasan untuk memberi pendapat yang membangkang kerajaan. Apa lagi mereka yang berada di dalam barisan kerajaan, dijadikan laksana gerabak keretapi yang mengikut kepalanya walaupun menuju ke dalam gaung yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, Allah S.W.T. yang maha adil lagi bijaksana, yang wajib bersifat adil yang mengharamkan sifat kezaliman berlaku daripada dirinya, membahagikan rezeki makan, minum dan ilmu pengetahuan dalam urusan dunia kepada seluruh hamba-hambanya yang berhak termasuk yang menderhakainya, di mana ganjaran dan hukuman mengikut amalan masing-masing daripada nikmat yang dibahagikan itu.

Allah S.W.T berfirman [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] bermaksud, katakanlah wahai Tuhan ku yang memberi kerajaan kepada sesiapa yang engkau kehendaki dan engkau mencabut kerajaan daripada sesiapa yang engkau kehendaki, engkau muliakan sesiapa yang engkau kehendaki dan engkau hinakan sesiapa yang engkau kehendaki. Di dalam tangan kekuasaan mu sahajalah kebaikan. Maknanya Allah S.W.T memberi kerajaan kepada sesiapa sahaja, kadang-kadang kepada orang yang baik lagi adil dan kadang-kadang kepada orang yang jahat lagi zalim untuk menguji sesiapa yang menunaikan amanah pemerintah negara.

Mereka yang memegang tampok pemerintah yang menyedari hakikat ini sangat berhati-hati, dengan bersikap terbuka untuk menerima pandangan, nasihat, kritikan dan mewujudkan *check and balance*, sekatan dan imbalan. Memberi peluang terbuka kepada rakyat untuk menghukum secara bebas, berfikir melalui pilihan raya yang benar-benar bebas sehingga dapat menilai dengan cara tidak diganggu oleh sogokan, ugutan dan penipuan. Bahkan berhati-hati dalam menentukan jawatan-jawatan penting dalam menegakkan keadilan seperti perlantikan hakim dan Peguam Negara. Dengan

pendedahan kepada rakyat melalui wakil dan media untuk mendedahkan kelemahan orang-orang yang dilantik itu dari segi ilmu dan akhlak.

Setengah negara Barat seperti Amerika umpamanya, calon Peguam Negara di soal dalam Senat, disoal oleh wakil-wakil rakyat, dinilai keilmuan, akhlak mereka. Ciri-ciri yang murni ini telah dihilangkan dalam negara kita oleh kerajaan yang mahu menegakkan kekuasaan dengan apa sahaja cara kerana menganggap tampok pemerintahan adalah peluang untuk kemewahan, bukan lagi untuk menunaikan amanah. Maka berlakulah pengumpulan harta kekayaan pengikut yang mengelilinginya dan mengukuhkan kekuasaan dengan apa sahaja.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Machang bangun lagi Yang Berhormat, hendak bagi jalan tidak?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak mahu bagi, dan tanpa mengendahkan nilai akhlak dalam pemerintahan. Amalan mengumpul pengikut dengan sogokan wang dan pangkat menjadi berleluasa. Maka negara yang dibina di atas asas yang begitu rupa tidak akan membuahkan keadilan dan takaaruf, sebaliknya menempah kezaliman dan mungkar di kalangan pemimpin dan rakyat jelata.

Seorang Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:secara demokratik, yang rela hati....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak bagi jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:yang tidak mencetuskan kemarahan yang membawa permusuhan di antara rakyat dan kerajaan. Percayalah...

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya tidak mahu bagi jalan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Ynag di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu bagi jalan Yang Berhormat.

Seorang ahli: Dia tidak bagi, dia tidak bagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dia boleh bersyarah di luar itu Tuan Yang di-Pertua.

Percayalah bahawa kerajaan kita pernah dicabar debat tahun 1984, dan kita sanggup menyahut cabaran debat dan disiarkan dalam TV. Bila tiba masanya pihak UMNO telah menggunakan Raja-raja Melayu untuk membatalkan debat yang dianjurkan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Tuan Yang di-Pertua, menggunakan peraturan yang ada.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahirudsdin]: Ada *point of order*. Sekejap. Dua-dua minta duduk ya. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat minta sabar ya. Sila Yang Berhormat bagi Rompin.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: *Point of order* 36(7) mungkin Pendang hendak *point of order* dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ini menggunakan nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Beliau

mengatakan bahawa suatu perbahasan konon dibatalkan menggunakan nama Raja-Raja. Ini saya minta rulinglah, kalau boleh Marang dan begitu juga Marang mungkin besok kita minta pinda di mana di sini tidak dibenarkan untuk menggunakan Raja-Raja dan juga menyalah tafsirkan Al-Quran. Ini akan menjadi dalam peraturan mesyuarat.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:.....mungkin nanti itu saya ingat ruling yang pertama yang tidak dibenarkan menggunakan Raja-Raja. Yang kedua, masalah mentafsirkan Al-Quran, ini juga salah. Minta nanti dirujuk pada Jawatankuasa Khas adakan satu standing order juga, kalau tidak akan digunakan oleh orang macam Marang ini, dekat pilihanraya lagi beriya dia gunakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya cukuplah. Tidak ada apa ruling yang saya hendak buat, Yang Berhormat. Sila teruskan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua Untuk menyelamatkan negara tercinta ini, marilah kita membuat perubahan secara demokratik dan rela hati ...

Dato' Haji Othman bin Abdul [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, mahu beri jalan atau tidak? Setiausaha Parlimen bangun lagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tidak bagi, Tuan Yang di-Pertua. Yang tidak mencetuskan kemarahan, yang membawa permusuhan di antara rakyat.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua, jangan confuse Dewan. Tidak boleh. Dia kata kat kita zalim padahal dia zalim.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Beliau ada peluang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan, ya. Minta duduk.

Dato' Haji Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan masa dia. Ini masa saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Haji Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Ya, saya tahu beliau, saya tahu.

Dato' Haji Othman bin Abdul : *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang : Ya, bukan lawan saya, bukan lawan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta duduk Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang: Dia boleh jawab minggu depan dia boleh jawab.

Dato' Haji Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah. Dia tak beri jalan.

Dato' Haji Othman bin Abdul: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat kita ada peraturan mesyuarat. Minta duduklah. Cukuplah, cukup.

Dato' Haji Othman bin Abdul [Pendang]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Setiausaha Parlimen, cukuplah, minta duduk.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Awang : Tuan Yang di-Pertua, percayalah bahawa kerajaan yang mempertahankan dirinya dengan kezaliman, penipuan dan kekerasan tidak boleh memanjang umurnya selama-lamanya. Shah Iran yang digulingkan, kerajaan orde baru di Indonesia dan apa yang berlaku kepada Marcos di Filipina sepatutnya menjadi pengajaran.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu pilihan raya yang diadakan di negara kita ini hendaklah dibaiki akhlaknya. Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah benar-benar menjadi

badan yang bebas dan adil tanpa diganggu oleh sesiapa dalam mengendalikan pilihan raya umum, jangan berbohong dan menipu dengan undi-undi pos, pengundi-pengundi hantu, menggunakan jawatan dalam kerajaan oleh parti yang memerintah, menggunakan alat-alat kerajaan, amalan politik wang, menyogok rakyat dengan projek segera di musim pilihan raya, penggunaan alat sebaran am kepunyaan kerajaan oleh satu pihak sahaja. Begitu juga menggunakan kemudahan swasta yang diberi lesen oleh kerajaan oleh parti kerajaan, melakukan perhimpunan di atas nama kerajaan untuk berkempen dan sebagainya dengan berbagai-bagai dalih. Semua perkara yang tidak bermoral ini hendaklah dihapuskan.

Kami percaya bahawa perubahan tidak berlaku dengan mudah untuk membersihkan sistem demokrasi di Filipina untuk beralih kepada yang ada sekarang, begitu juga di Indonesia. Pemimpin Barisan Nasional di negara kita janganlah mempertahankan cara yang sudah lapuk ini dengan helah seolah-olah ianya sudah paling baik dengan memuji diri sendiri secara memejam mata terhadap perkara-perkara yang tidak berakhlak itu. Kalau mereka boleh panjang umur dengan kekuasaan yang ada, percayalah bahawa kekuasaan ini tetap mempunyai ajalnya dan nanti mereka meninggalkan sedikit sejarah yang sangat buruk di kenang oleh generasi yang akan datang. Sama ada mereka menjadi pemimpin yang mempertahankan kuasa dengan cara yang tidak berakhlak ini atau yang menjadi pengampu sehingga sanggup berbohong.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang pilihan raya dan pelaksanaannya yang adil oleh Badan Kehakiman yang benar-benar bebas hendaklah diwujudkan. Pihak kerajaan mestilah bersikap berani, ikhlas dan terbuka dalam melakukan perubahan ini kerana pilihan raya yang adil akan membawa keamanan dan perpaduan di kalangan rakyat. Ketidakadilan akan mencetuskan permusuhan dan kebencian di antara satu sama lain. Gejala tidak sihat sedang berlaku sekarang sehingga merebak ke dalam diri parti yang memerintah sekarang yang merosak diri sendiri. Indonesia telah membuat pembaharuan yang besar dalam 'pemiru' terakhir, sehingga membenarkan pemerhati bebas untuk meninjau dan melihat perjalanan pilihan raya yang berakhir dengan ketenangan yang memuaskan semua pihak.

Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah ditingkatkan kewibawaannya dengan memberi kuasa penuh kepada Parlimen untuk melantik pengerusi serta ahli-ahlinya. Hak

mengundi hendaknya secara automatik apabila cukup umur, Pendaftaran Pemilihan hendaklah bebas daripada pengundi hantu, pengundi bertindih dan warganegara asing, Mengharamkan penyalahgunaan alat-alat kerajaan untuk parti. Undang-undang yang teguh lagi adil hendaklah dilaksanakan secara jujur oleh kerajaan dengan penuh keyakinan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kewibawaan Parlimen hendaklah dihidupkan dengan memberi kuasa dalam perkara-perkara yang menyentuh keadilan dan menentang kezaliman. Melalui penubuhan Jawatankuasa Tetap yang terdiri daripada semua parti politik dengan kuasa mengendalikan secara langsung perkara dasar seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, Badan Kehakiman, Pencegah Rasuah, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Dasar Luar Negara, Dasar Ekonomi dan perkara-perkara dasar supaya digubal dengan semasak-masaknya tanpa mengganggu perjalanan dan kelicinan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, persidangan Parlimen yang tersiarkan secara langsung sepanjang masa perbahasan yang dilakukan di beberapa buah negara telah memberi peluang kepada rakyat untuk menilai wakil-wakil yang mereka lantik dan menjadi amalan demokrasi secara langsung yang sangat berkesan untuk menaikkan mutu demokrasi berparlimen dan rakyat dihindarkan daripada ditipu oleh semua pihak. Dalam negara kita, pihak kerajaan tidak bersedia untuk menyiarkan persidangan Parlimen secara langsung, alat sebaran am lebih banyak diperalatkan untuk propaganda kerajaan semata-mata, rakyat mendapat maklumat sebelah pihak. Kerajaan menutup mata hati rakyat dengan maklumat yang ditapis, hanya ucapan pemimpin kerajaan dan pihak yang memuji, memujanya sahaja yang dibenarkan. Segala kritikan dan teguran ditutup rapat seolah-olah pemimpin kerajaan semuanya bersih dari dosa dan kesilapan.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Budget yang dibentangkan sangat tidak bertanggungjawab kerana bertujuan untuk membeli rakyat dengan perbelanjaan yang dijanjikan. Kenaikan gaji, beberapa penurunan cukai, perkara-perkara yang sepatutnya dilakukan sepuluh tahun yang lalu. Segala janji, dilakukan ketika baru sekejap dikatakan ekonomi sudah pulih dengan serta merta. Dalam pemulihan ekonomi, wang Petronas, KWSP dan lain-lain telah digunakan dengan jumlah yang sangat besar untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang-orang yang tertentu. Langkah penggabungan bank yang dilakukan penuh dengan perkara-perkara yang tersirat. Bank-

bank yang ditelan adalah kerana membalas dendam atau kerana menghapuskan hutang yang tidak dibayar, yang melibatkan tokoh-tokoh politik di semua peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, usaha menghidupkan sistem ekonomi Islam yang adil, tidak cukup dengan mengadakan Bank Islam dan membuka kaunter Muamalah Islam. Melalui bank konvensional tanpa usaha ke arah membanyakkan lagi muamalat secara Islam dan membatalkan muamalah mungkar yang haram, seperti riba dan sebagainya. Usaha untuk meyakinkan masyarakat kepada sistem ekonomi Islam yang menghapuskan segala yang haram dan menyedarkan betapa buruknya yang haram itu, tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Kalau kerajaan sendiri tidak berkemampuan, saya mencadangkan supaya diberi kepada pihak swasta atau kerajaan negeri yang berkemampuan dengan perlindungan undang-undang dan tanpa sekatan dan gangguan. Pihak yang berwibawa boleh membuat kajian tentang terlalu banyaknya cara operasi ekonomi menurut ajaran Islam yang boleh menyebabkan pelanggan-pelanggan akan meninggalkan riba dengan syarat kerajaan juga janganlah memberi perlindungan kepada korun-korun ekonomi yang menjadi kroni yang hidup dengan riba dan berbagai-bagai cara haram yang lain, yang berkeliaran di dalam negara dengan berlindung di belakang golongan politik yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan gaji 10% kepada kakitangan kerajaan adalah tanggungjawab yang diabaikan sejak bertahun-tahun, yang digambarkan seolah-olah satu kejutan, maka di saat menjelang pilihan raya bertukar menjadi sandiwara yang menarik untuk iklan memancing undi. Perkara ini dilakukan di saat kerajaan terlalu cemas dengan sikap kakitangan kerajaan yang dapat menilai segala yang berlaku dengan baik.

Perhatian yang diberi kepada golongan petani, nelayan dan peniaga kecil dianggap tidak penting ke arah memulihkan ekonomi negara, golongan ini hanyalah penyumbang untuk pilihan raya. Mereka dibeli dengan janji habuan yang tidak mampu membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan kerana peluang untuk menjadi kaya raya dengan berbagai-bagai kemudahan dan peraturan yang diadakan adalah untuk mereka yang berada di keliling pihak yang berkenaan. Inilah cara yang dilarang oleh Allah s.w.t. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud: “Apa-apa yang dikurniakan oleh Allah kepada RasulNya yang menjadi pemimpin negara di zaman itu daripada harta negara secara aman damai, maka hendaklah ditunaikan bagi Allah, bagi

RasulNya, bagi kaum keluarganya, bagi anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang memerlukan pertolongan ketika musafir agar harta negara tidak berpusing di kalangan orang-orang kaya yang mengelilingi kamu sahaja”.

Tuan Yang di-Pertua, usaha pemantapan pembangunan sektor pertanian ke arah pertumbuhan ekonomi negara yang bukan sekadar keperluan harian petani dan mencukupkan keperluan dalam negara sahaja, memerlukan pemodenan dan pendekatan secara komersial hendaklah melibatkan petani sebenarnya. Dalam masa yang sama untuk menaikkan taraf hidup mereka yang tidak cukup sekadar subsidi baja yang ada sekarang, sedangkan peluang untuk mendapat kemudahan menjadi petani gergasi diberi kepada orang-orang yang tertentu dengan pemberian tanah yang seluas-luasnya dan modal yang sebesar-besarnya, sedangkan petani yang sebenar terkongkong di tanah pesaka yang sempit dan payah untuk mendapatkan tanah daripada kerajaan negeri. Mereka terus menerus layak menjadi petani kecil atau pekebun kecil sehingga akhir hayat. Nelayan juga menerima nasib yang sama, cukup sekadar menjadi kelasi armada laut dalam yang dimiliki oleh jerung-jerung darat, yang tidak pernah ke laut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hendaklah mengkaji semula penswastaaan, yang telah dilakukan dalam perkara-perkara yang menjadi hak umum rakyat jelata seperti pendidikan, kesihatan, telekomunikasi dan lain-lain. Dalam perkara pendidikan pengkorporatan pusat-pusat pengajian tinggi mengakibatkan bebanan yang besar kepada pelajar-pelajar miskin. Ibu bapa terpaksa ke hulu dan ke hilir apabila mahu memasukkan anak-anak ke pusat pengajian tinggi, walaupun dikatakan ada kemudahan untuk mendapat pinjaman dan sebagainya tetapi untuk mendapatkannya tidak semudah seperti yang diucapkan, maka terdapat ramai di kalangan anak-anak rakyat yang berpendapatan kecil terhalang atau terganggu untuk ke pusat pengajian tinggi.

Adalah sangat tidak baik sekiranya kerajaan melarikan diri daripada tanggungjawab dalam aspek pendidikan dan pelajaran dengan bertujuan untuk berlumba-lumba mengaut keuntungan melaluinya dengan menjadikannya sebagai sumber kewangan untuk mengaut keuntungan yang menjadi satu jenis perniagaan bahkan sepatutnya falsafah dan institusi pendidikan swasta juga mestilah disesuaikan dengan kepentingan awam untuk mengutamakan membina insan dengan pendidikan, bukannya

keuntungan semata-mata. Pendidikan swasta dibenarkan juga, dalam masa yang sama pendidikan wajib menjadi tanggungjawab negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting diberi perhatian dalam aspek pendidikan ialah ke arah membangun insan yang berilmu, berakhlak dan bertanggungjawab. Bermula daripada individu yang menjadi rakyat biasa sehinggalah yang menjadi pegawai dan pemimpin di masa yang akan datang bukan sahaja penekanan terhadap ilmu dalam segala bidang, begitu juga sikap dan pendirian yang berwibawa dan bermaruah bukan dikongkong supaya menjadi robot kepada kerajaan. Kerajaan tidak patut takut kepada sikap pelajar-pelajar yang menentang kerajaan tetapi kerajaan juga perlu menghisab dalamannya sendiri secara adil.

Tuan Yang di-Pertua, gejala sosial yang berlaku di dalam masyarakat dan merebak juga di sekolah-sekolah tidak seharusnya dipandang sambil lewa dan menghadapinya secara melepas batuk di tangga. Sehingga hari ini sebenarnya belum dapat diatasi. Kerajaan Barisan Nasional lebih merasa bimbang kerana ada guru-guru yang membuat soalan-soalan yang menyindir kerajaan daripada bahaya keruntuhan akhlak, yang mudah mempengaruhi pelajar melalui Internet dan sebagainya yang tidak dikawal dengan baik untuk ilmu yang manfaat. Sehingga hari ini, masalah disiplin yang mengawal akhlak sebenarnya belum dihasilkan secara berkesan.

Pendidikan Islam kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam, bukan sahaja perlu diterapkan melalui mata pelajaran agama yang berkait dengan akidah, akhlak, ibadah dan mata pelajaran agama itu sendiri, bahkan hendaklah juga dihayati melalui disiplin dan peraturan-peraturan di sekolah-sekolah dengan memberi kuasa kepada para guru dan perlindungan yang sewajarnya kepada pendidik yang bertujuan untuk menangani perkara akhlak. Mengambil berat terhadap penghayatan Islam di kalangan umat di negara ini, bukan sahaja bergantung kepada wang yang dibelanjakan berjuta-juta ringgit. Wang juga perlu, tidak dinafikan cara yang berkesan juga lebih perlu dan penting. Begitu juga dalam perkara pendidikan ekonomi Islam, sebagai contohnya, bukan sahaja dalam kejayaan memungut zakat sebanyak-banyaknya tetapi juga bagaimana zakat itu mencukupi untuk memulihkan ekonomi. Mereka yang berhak dibantu dengan zakat dan bagaimana Baitulmal menjadi sumber yang memulihkan sasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan mengumumkan pembatalan langkah pengkorporatan hospital, oleh kerana dilakukan ketika menjelang pilihan raya, maka sangat meragukan rakyat kerana kemungkinan berpatah balik selepas pilihan raya. Peraturan bayaran yang dikenakan di hospital kerajaan, sekarang ini pun sudah menjadi bebanan kepada rakyat miskin. Kerajaan sepatutnya melaksanakan perkhidmatan perubatan percuma kepada rakyat miskin dan tidak sepatutnya berlumba-lumba dengan hospital swasta yang juga perlu diberi kebenaran. Dalam masa yang sama kerajaan sepatutnya meningkatkan khidmat rawatan dan mutunya kepada rakyat, bukan untuk mengejar keuntungan dengan mengambil kesempatan daripada rawatan perubatan di kalangan mereka yang terdesak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang telekomunikasi terdapat pembahagian yang tidak seimbang di antara Telekom dan Celcom. Saya mendapat maklumat bahawa projek-projek yang besar dan memberi keuntungan yang besar, menjadi habuan kepada Celcom. Ada pun projek-projek yang kecil-kecil menjadi habuan Telekom kerana Celcom kepunyaan orang-orang yang tertentu. Syarikat Telekom layak menyediakan telefon awam di kampung-kampung dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengambil iktibar daripada kegawatan ekonomi, sekali lagi ucapan Menteri Kewangan Pertama hanya menyalahkan pihak asing yang melakukan spekulasi mata wang tanpa melihat adanya kesilapan dan kelemahan diri sendiri seperti pemborosan dan perancangan yang lemah dalam menghadapi cabaran yang melibatkan Bank Negara, keluarnya modal asing daripada negara, kawalan modal yang terlambat dan kerana kepentingan politik dan berbagai-bagai perkara lagi.

Pemulihan ekonomi juga berlaku lebih berpunca daripada menumpang arus perubahan serantau daripada kemampuan sendiri. Dalam keadaan yang pulih ini pula pihak kerajaan tidak berhemah dan berwawasan untuk menghadapi cabaran alaf baru dengan selalu menggemparkan negara dengan program segera kerana dipengaruhi kepentingan politik. Pemulihan tidak boleh dipertahankan dengan strategi Belanjawan yang bergantung kepada ramalan perkembangan 5% pada tahun 2000 dan oleh dorongan kegiatan ekonomi dalam negara dan keadaan ekonomi serantau sahaja tanpa memulihkan keyakinan terhadap pemerintah dengan kejujuran dan keadilan, kestabilan dan keamanan, keharmonian dan perpaduan. Semua sifat-sifat ini mestilah melalui perubahan terhadap

seluruh aspek pemerintahan, sama ada pihak kerajaan sendiri ataupun perubahan kepada kerajaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan terhadap sistem kehakiman perlu dipulihkan. Sistem kehakiman hendaklah dipertahankan kewibawaan dan kemurniannya dengan menegakkan syarat-syarat dan rukun-rukun yang mewajibkan berlakunya keadilan. Sistem kehakiman tidak boleh dirosakkan dengan mensucikanya seperti Tuhan yang Maha Suci daripada sifat kekurangan dan kelemahan sehingga tidak boleh ditegur dan dipertikaikan kelemahannya. Perbuatan dan sikap begini termasuk dalam perkara syirik akhbar yang menjadi dosa paling besar kerana meletakkan sifat Tuhan kepada yang lain daripada Tuhan.

Islam telah meletakkan syarat-syarat yang wajib ke atas para hakim dan saksi untuk menjamin keadilan. Islam menjadikan jawatan hakim, satu jawatan yang wajib kepada mereka yang dimestikan menunaikan kewajibannya dan dalam masa yang sama menegaskan jawatan hakim adalah paling merbahaya dan paling besar pahalanya kepada yang dapat menunaikan kewajipan dengan adil dan bijaksana sangat besar dan sebaliknya pula sangat besar dosanya kepada sesiapa yang zalim.

Rasulullah s.a.w bersabda [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud: ‘Hakim itu ada tiga jenis, satu jenis ke dalam syurga dan dua jenis ke dalam neraka’. Yang mengetahui yang benar, lalu menghukum di atas kebenaran, tempatnya di dalam syurga; yang mengetahui yang benar lalu menghukum di atas yang tidak benar, tempatnya ke dalam neraka; dan yang jahil di atas yang benar lalu menghukum dengan kejahilannya, maka tempatnya neraka juga.

Sabda Rasulullah s.a.w., ‘orang yang menjadi hakim laksana disembelih tanpa pisau’. Begitu sekali besar dan merbahayanya jawatan hakim sekiranya tidak menegakkan keadilan. Islam juga mewajibkan syarat yang teliti dalam menjadi saksi. Mestilah seorang yang adil, dengan makna tidak mengerjakan dosa dan bermaruah tinggi. Para hakim dan pihak berkenaan hendaklah meneliti sebarang saksi yang dibawa ke hadapan mahkamah. Sebarang perkara yang boleh meragukan, maka keterangannya hendaklah ditolak. Ajaran Islam juga meletakkan saksi yang bohong termasuk dalam perkara dosa besar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara luar negara. Dalam menentukan sikap dan pendirian dalam menangani isu antarabangsa, pihak kerajaan mestilah istiqamah di dalam menegakkan keadilan dan menentang kezaliman. Janganlah tunduk kepada arahan dan arus kuasa besar dunia yang sangat tidak adil di mana mereka sungguh menegakkan perjuangan di atas nama demokrasi, keadilan dan menegakkan hak asasi manusia. Di sana berlaku *double standard* dalam menentukan sikap terutamanya terhadap negara umat Islam. Mereka menekan Indonesia, supaya memberi kemerdekaan kepada Timor Timur dengan mendesak supaya diadakan pungutan suara sehingga wilayah tersebut diberi kemerdekaan. Tetapi tidak mengakui hak rakyat Kashmir untuk mengadakan pungutan suara walaupun telah menjadi keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu di tahun 1940-an. Memejam mata terhadap keganasan dan kekejaman yang dilakukan oleh India terhadap penduduk wilayah tersebut. Sikap yang tidak adil ini sengaja dilakukan adakah kerana majoriti penduduknya beragama Islam.

Umat Islam di Caucasus juga dibiarkan menjadi mangsa kekejaman Russia walaupun penduduk Chechnya telah membuat keputusan melalui demokrasi dan mengikut sejarahnya juga mereka adalah bangsa dan tanah air merdeka yang dijajah oleh Russia. Namun, masyarakat antarabangsa masih tidak mengiktiraf hak dan kedaulatan Chechnya. Mereka masih menganggapnya sebagai masalah dalaman Russia yang tidak boleh diganggu gugat. Sikap yang sangat berbeza dengan isu Timor Timur, semata-mata kerana rakyat dan wilayah yang menjadi mangsa beragama Islam. Begitu juga dengan masalah Palestin, orang-orang Yahudi mengisytiharkan negara haramnya yang bernama Israel sejak tahun 1948 melalui Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Orang Palestin dihalau menjadi pelarian,

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat,

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:rumah dan perkampungan, tanah mereka dirampas dengan mudah oleh orang-orang Yahudi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Rompin, bangun ya.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Cukup, saya sudah hendak habis. Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Rompin, dia tidak beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tak beri jalan. Seterusnya rakyat Palestin dipaksa supaya memeteraikan perjanjian damai yang tidak menentu. Masjid Al-Aqsa yang menjadi tempat suci umat Islam dan gereja Qiamah yang menjadi tempat suci agama Kristian juga diperlakukan dengan sewenang-wenang. Negara memerlukan kuasa pemerintahan yang lebih demokratik, menerapkan ketelusan dan akauntabiliti dalam semua aspek pentadbiran negara.

Jangan menuduh kami dengan hujah yang direka cipta untuk meraih sokongan politik rakyat yang tidak mampu berfikir, yang dijadikan undi kemenangan. Bukannya mengambil kira benar atau salah secara adil dan jujur. Kami menyokong dan membantu sekiranya kerajaan ikhlas mahu membuat perubahan dan kami bersabar dan berusaha untuk menukar pemerintahan sekiranya kerajaan yang ada degil bertahan dengan sikapnya. Kerajaan boleh menuduh dengan pelbagai fitnah seperti menjadi ejen asing dan sebagainya. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan menepuk dada dengan megah bahawa mereka tidak boleh tumbang kerana mereka juga tahu bahawa pihak asing lebih berminat dengan mereka yang menjadi kerajaan daripada kami yang dianggap lemah ini.

Kami tidak dengki dengan kesenangan orang lain tetapi terlalu marah kepada kesenangan hasil daripada penyalahgunaan kuasa dan berkuasa dengan menipu rakyat jelata dan menjadi kerajaan dengan menipu. Mudah-mudahan teguran ini menjadi keinsafan dan kesedaran kepada kerajaan. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Rompin.

4.35 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun mahu menyokong Rang Undang-undang Belanjawan yang baru dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mewakili kerajaan pada hari Jumaat yang lalu.

Oleh kerana Ahli Yang Berhormat bagi Marang ada, saya hendak sentuh sedikitlah mengenai Ahli Yang Berhormat bagi Marang ini. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Marang ini, sebab saya menyentuh ucapan perbelanjaan bahawa dia kata, dia amat kesal Barat – Amerika yang telah memaksa Indonesia untuk memberikan Timor Timur supaya mengadakan satu memorandum. Tetapi Ahli Yang Berhormat bagi Marang, dia tidak sedar bahawa Barat yang samalah juga yang memaksa kita ambil IMF. Indonesia terpaksa ambil IMF itulah [*Ahli Yang Berhormat bagi Marang berjalan keluar Dewan*] terpaksa dia beri pungutan suara kepada Timor Timur. Dia pun sudah balik. Dia tidak mahu dengar, inilah PAS. [*Disampuk*] Cara dia bercakap macam dia khutbahlah, supaya orang dengar sahaja. Berdialog dia pun lari. Tidak gunalah saya menyentuh kepada beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabas kepada kerajaan kerana membentang satu Belanjawan yang baik dan kalau kita lihat dalam akhbar, semua akhbar yang dikeluarkan, boleh dikatakan dipersetujui, rakyat telah menerima bahawa perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan untuk kepentingan dan manfaat rakyat untuk semua lapisan masyarakat kita.

Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan dan umumnya kerajaan berjaya untuk mengadakan perbelanjaan yang baik kerana telah berjaya memulihkan ekonomi kita ini. Cara kita memulihkan ekonomi kita ialah ala cara kita, iaitu cara Malaysia, cara kita mengadakan kawalan modal dan kawalan mata wang. Dengan cara ini, kita tidak perlu lagi mengambil bantuan IMF, kita tidak perlu bantuan Bank Dunia. Oleh kerana itulah kita dengan ala cara kita, kita tidak perlu korbankan kepentingan-kepentingan rakyat seperti bila kita menerima, kalau kita menerima bantuan ataupun wang daripada dana IMF ataupun Bank Dunia. Satu perkara yang mereka mahu kita hapuskan ialah bantuan kepada orang Melayu, khusus untuk bumiputera dan orang Melayu bumiputera-bumiputera yang lain.

Kedua, mereka mahu supaya projek-projek penswastaan diberikan juga kepada mereka. Ini kita mengucapkan syabas bahawa dengan pemulihan ekonomi negara kita pada hari Jumaat yang lalu, kerajaan dapat mengemukakan satu Belanjawan untuk rakyat. Syabas kerana tahun hadapan, pertumbuhan ekonomi akan meningkat kepada 5.5%, tahun ini 4.3%, lebih dagangan pun enam bulan eksport. Alhamdulillah, bank-bank

juga telah disusun semula melalui Danamodal, CDRC, Danaharta, syabas kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, khususnya yang penting untuk memulihkan ekonomi ialah memulihkan sistem kewangan negara iaitu bank kita sudah kukuh, bank kita sekarang ini boleh mengeluarkan pinjaman. Dalam kita hendak memulihkan ekonomi negara, peranan sektor swasta, peranan korporat itu amat penting sekali. Oleh kerana itu, sistem kewangan negara, sistem korporat negara kena ada akauntabiliti, kena ada *transparency* dan kena ada *good corporate governance*.

Oleh kerana itulah saya agak bimbang sekali bila pada hari Jumaat, ini dalam surat khabar [*Menunjukkan surat khabar*] – “Anwar kawal akaun RM3 bilion” dan kalau saya baca di sini, sedikit sahaja, “Bahawa bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, mendedahkan bahawa Dato’ Seri Anwar Ibrahim mengawal sebanyak 20 akaun induk atau ‘master account’ yang diuruskan oleh kroni-kroninya membabit aset saham dan wang bernilai RM3 bilion”. Ini satu jumlah wang yang amat besar, kita bimbang bila dengan wang besar sebab baru-baru ini kita telah dapat lihat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Yan bangun ya.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Sila.

Dato’ Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan akhbar tersebut. Jadi, adakah Yang Berhormat bercadang supaya kerajaan, pertamanya, membeku semua akaun ini dan membuat siasatan terperinci dan juga siasat sama ada duit ini juga diberi kepada parti PAS dan DAP kerana sekarang ini mereka berada dalam satu ‘kelambu’ dengan KeADILan. Jadi, mungkin PAS pun dapat kerana sekarang ini saya difahamkan apabila mereka buat ceramah di luar bandar pun, orang sudah tidak beri lagi derma kepada mereka, orang dok bubuh kulit kerang dengan tutup botol lemonade, mereka tidak bubuh duit lagi. Jadi, kita hendak siasatan dan kita mahu, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya mereka yang terlibat ini diklasifikasikan sebagai pengkhianat kepada negara, agama dan bangsa kerana bersubahat dengan Barat untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat . Macam mana Yang Berhormat, bersetuju atau tidak?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bersetuju bahawa siasat pemegang-pemegang 20 master account ini dan selepas itu memang benarlah kalau kita lihat dari segi tiga rangkaian itu, KeADILan, PAS dan DAP, nampaknya keADILan tidak ada kekuatan di bawah, saya rasa peranan KeADILan adalah banker kepada pembangkang ini. Seeloknya kita siasat, lepas itu minta sementara disiasat, freeze akaun ini, tahan akaun ini. Saya bersetuju benar dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Yan.

Berbalik kepada isu yang juga ada kaitan, Yang Berhormat bagi Yan, kita bimbang, dahulu kita lihat yang membiayai gerakan rusuhan di negara kita ini, membakar sini, membakar situ, kerja-kerja antiribut, di mana wang yang mereka dapat. Kita dengar bahawa anak-anak muda dibiayai RM30, RM50, wang dibiayai untuk mereka datang ke Kuala Lumpur untuk berdemonstrasi, mengambil bahagian dalam gerakan rusuhan ini. Maknanya, sekarang kita sudah tahu wang ini sudah semestinya datang daripada wang ini. *[Menunjukkan akhbar]* – yang RM3 bilion ini sebab anak-anak muda yang tidak tahu hujung pangkal, anak-anak sekolah yang tidak tahu hujung pangkal turun ke sana, macam hilang pedoman, yang sebenarnya mereka dibiayai. Ini wangnya, datang daripada sini. *[Menunjukkan akhbar]* Dahulu kita tidak tahu datang daripada mana, sekarang kita tahu datang daripada mana.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi, bila berlaku itu, dalam Internet ini satu macam gawat, banyak benar orang yang menulis fitnah melalui Internet ini, daripada mana wangnya, siapa yang membiayainya fitnah yang disiarkan dalam Internet. Sebab itu orang-orang yang kita tahu bahawa lepas itu menghantar pula surat-surat layang ke kompleks-kompleks perniagaan hingga ke masjid pun dia hantar. Saya semalam sempat pergi sembahyang di Bangsar, pergi letak kasut, lepas itu diletaknya surat-surat fitnah kerajaan mengenai Perdana Menteri kita, yang saya nampak mesti ada finansiernya. Sekarang kita tahu daripada mana wang yang datang.

Lepas itu juga kita dengar bila CNN ataupun CNBC buat komen mengenai satu-satu perkara, ada orang Malaysia yang memberikan komen-komen dari Singapura, beri komen dari Batam, Indonesia, memberi komen dari Phuket dan Singapura, siapa yang membiayai mereka yang tinggal di luar negara ini. Hotel di luar negara ini mahal, siapa yang memfinance, yang membiayai kewangan mereka, yang menggerakkan usaha

antinegara ini di luar negara. Saya rasa ini mesti datang daripada sini. Bukan murah kalau di Hyatt, saya rasa Lembah Pantai tahu. Bila keluarga dan suaminya keluar negara [*Menghala kepada Yang Berhormat bagi Lembah Pantai*] dia tahu bukan main mahal. Hari itu keluarganya pergi ke South Africa, dia hantar keluarganya dan suaminya.

Bukan murah meletakkan satu-satu gerakan itu di luar negara. Gerakan di luar negara yang merosakkan imej negara, yang mendustakan negara ini, antinegara ini mahal, siapa yang membiayainya? Sekarang kita sudah tahu Tuan Yang di-Pertua, siapa yang membiayainya.

Itulah tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat, parti pembangkang ini nampaknya peranan KeADILan ini, DAP ada grass rootnya di bandar, PAS ada *grass rootnya* di luar bandar, KeADILan ada apa? Yang sebenarnya KeADILan ada 'fulus', itu yang sebenarnya. Saya bersetuju benar dengan Yang Berhormat bagi Yan tadi, siasat. Tidak kena gaya dalam pilihan raya nanti, dia akan guna wang ini. Freeze akaun mereka. Itu satu perkara, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara yang keduanya, macam Marina dan Dr. Chandra ini, dia kata fitnah, dia menafikannya. Tetapi saya hendak bertanya, kalau betul-betul mereka menafikannya mengapa tidak buat statutory declaration, pergi ke Pesuruhjaya Sumpah dan mengangkat sumpah dan hanya mengatakan tidak sahaja. Ini apa yang Dato' Abdul Murad Khalid buat ini adalah dia buat satu kenyataan yang berkanun, akuan yang berkanun, bukannya kenyataan akhbar. Kalau mereka hanya kata tidak, saya ingat nafi itu bukan nafi betul, saya panggil 'nafi tahi kucing' yang sebenarnya. Dekat pilihan raya ini macam ini hangat sedikit, marah, panas, hangat, dia nafi, saya panggil 'nafi tahi kucing'. Kalau dia menafi secara yang betul, dia buat sendiri kenyataan ataupun akuan berkanun, barulah kita boleh dengar. Ini mengaku memang kata aku tidak buat, ini yang saya panggil akuan, penafian tahi kucing, hangat-hangat kerana pilihan raya ini, kata 'no' dahulu, takut ini akan merosakkan imej kita dalam pilihan raya nanti. Sudah semestinya Marina pun hendak bertanding, saya sebut Marina ini Yang Berhormat bagi Lembah Pantai ini jaga-jaga sedikit ini. Saya dengar cerita dia sudah pergi ke Lembah Pantai. [*Yang Berhormat bagi Lembah Pantai menggeleng kepala*] No, *problem* ya tetapi takut duitnya banyak ini. Ha, itu saya ingat Yang Berhormat bagi Lembah Pantai bersetuju kerana calon dia ke Lembah Pantai nanti, saya ingat Yang Berhormat bagi Lembah Pantai bersetuju *freeze* kan akaun

dia, nanti esok banyak turun susah, macam durian! Tidak bimbang ya? [*Yang Berhormat bagi Lembah Pantai menggeleng kepala*] Yang Berhormat bagi Lembah Pantai pun mempunyai sumber yang besar juga? [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yan bangun ya.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya nampak Yang Berhormat, ini pandangan saya dan saya pasti Yang Berhormat mungkin bersetuju. Orang-orang yang menyokong Yang Berhormat bagi Permatang Pauh ini, kalau kita baca itu, depa sokong kerana depa dapat habuan. Marina sanggup mengatakan orang Melayu yang mencetuskan 13 Mei, UMNO yang mencetuskan 13 Mei dan kita tahu dia dapat RM20 juta, itu yang kita tahu, hak yang lain yang dia dapat yang Dato' Seri Anwar beri kepada dia tidak tahulah. Hak dia beri kepada Dato' Seri Anwar dan Dato' Seri Anwar beri kepada dia, kita tidak tahu. Jadi, sekarang ini PAS pun dok bela Dato' Seri Anwar. Takkan depa hendak bela sahaja. Dahulu PAS juga kata, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, depa kata Anwar 'Aljuburi', itu depa kata.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Siapa kata?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: PAS. Depa kata, saya dengar lagi, belah-belah kampung tetapi sekarang ini 'Aljilari' balik, depa jilat balik, depa dukung Dato' Seri Anwar, sokong Dato' Seri Anwar, Dato' Seri Anwar bagus, kerajaan fitnah dan sebagainya. Jadi, adakah kemungkinan mereka juga tentu mendapat sogokan, kalau hendak harap duit kutip sewa macam saya kata tadi tak ada dah! Jadi, tadi Yang Berhormat bagi Marang bercakap berapi-api, kemudian perkataan Islam sudah takut dengan DAP ini, tara itulah depa ini, pejuang Islam, konon!

Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kita minta juga siasat balik kroni-kroni dia itu, yang dahulunya tidak tidak ada apa, tahu-tahu *overnight millionaire*, tahu-tahu *overnight* kaya. Kita berniaga lima belas, dua puluh tahun pun hendak boleh cara depa tidak upaya tetapi depa dengan sekelip mata pakai kot – korporat, langkah kaki korporat, batuk pun batuk korporat, sapu duit rakyat . Rakyat merana, RM3 bilion itu kalau kita buat, kalau di Yan itu boleh bubuh mini tar *from house to house* RM3 bilion, dengan izin. Lepas bubuh mini tar boleh bubuh wall-to-wall carpet pula *from house to house*, RM3 bilion, puak ini khianat betul-betul. Jadi, kita hendak minta supaya kerajaan tegas, kerajaan bertindak, siasat parti-parti pembangkang termasuk parti PAS, dok tengok apa?

[Merujuk kepada Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat dan Kubang Kerian][Ketawa] termasuk parti-parti PAS, hangpa jangan gelak, hangpa boleh duit ini, sama ada depa terlibat atau tidak selain daripada kroni-kroni Yang Berhormat bagi Permatang Pauh yang terlibat dalam kes ini, termasuk Marina, kita hendak siasat Marina ini dia boleh apa, dia pun boleh, Dato' Seri Anwar pun boleh, Dato' Seri Anwar pun boleh, dia pun boleh.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi Yan, bila kata seperti saya katakan tadi, ruang ini juga yang akan menjadi banker kepada barisan tadi. Ia beri wang kepada PAS, tetapi Kubang Kerian saya tidak tahu, sebab nampaknya Kubang Kerian tidak beria-ia menahankan Anwar Ibrahim, adik ini tidak bersekongkol dengan secara serius, Kubang Kerian tak tahulah mungkin tak dapat sumbangannya.

Tetapi tentang Marina ini, saya sedih ini, Pokok Sena pergi minum air sekejap, Marina bila dia menuduh bahawa dia kata untuk politiknyanya ini adalah politik yang telah bankrap, orang Melayu yang memulakan Mei 1969, polis yang memulakannya, Dato' Haron, saya difahamkan bahawa jatuh sakit oleh kerana kenyataan Marina ini. Ini anak dia beritahu kepada saya. Begitu sedih Dato' Haron Idris, seorang tokoh yang banyak membela negara melalui orang Melayu dalam 1969 jatuh sakit kerana kenyataan Marina.

Maknanya Marina ini sudah sanggup menjual maruah dirinya, peribadinya, menjual maruahnyanya sebagai orang Melayu dan juga maruah negara itu sendiri. Saya rasa Marina ini tak perlu kita sebutlah, satu tahap yang dia sanggup buat apa jua untuk politik dia sendiri, sekarang kita tahu mengapa, kerana dia dapat RM20 juta, Marina kerana dapat RM20 juta sanggup jual maruahnyanya, jual orang Melayu, menyebabkan Dato' Haron, kawan baik beliau sendiri sakit kerana RM20 juta, ini kita tahu siapa Marina sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu ini, saya minta kerajaan menyiasat, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Yan tadi, pertama, akaun-akaun ini atas nama siapa ataupun kalau tidak nama individu, syarikat nominee apa, siapa syarikat nominee yang 20 ini tadi, siapa yang mewakili nominee-nominee ini, itu yang pertama.

Yang kedua, semenjak beliau dilucutkan jawatan, pembayaran dibuat kepada siapa? Dan kita baru tahu kepada siapa wang ini dikeluarkan, katalah wang itu dikeluarkan secara nominee cash RM1 juta atau RM2 juta, apa dia buat kepada cash ini,

orang tidak ada keluaran cash RM1 juta atau RM2 juta melainkan ada sebab tertentu, hendak juga supaya disiasat. Sebelum disiasat itu identify cari mana akaunnya dan freeze dahulu. Lepas itu baru buat siasatan, tak mahu nanti wang-wang yang jumlah besar ini disalahgunakan untuk merosakkan dan boleh mengancam keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, wang yang banyak ini mesti ada puncanya. Ini bukan orang kata, macam Ahli Yang Berhormat bagi Yan kata tadi, mungkin masuk tender sebanyak RM50 juta, adakah boleh dapat untung RM50 juta?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau dapat kerja buat persekolahan bernilai RM50 juta, buat sekolah rendah RM50 juta, sekolah menengah RM50 juta, boleh dapat RM50 juta?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak ada! Mana ada?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tak ada!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Jangan berdialog dengan cara semacam ini Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dengan izin, tak ada, tak ada! Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dapat, cuma satu sahaja, saya ingin minta penjelasan, Mat Saleh ini, Douglas Paal ini daripada Amerika Syarikat ini, dia terlibat dengan Institute of Asian Pacific, jadi adakah Ahli Yang Berhormat juga ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya jangan diberi dia masuk ke dalam Malaysia. Kalau dia masuk pun tangkap, kemudian buat siasatan kerana duit kita ini berjuta-juta diberi kepada Mat Saleh ini, apa hal? PPRT kita di kampung tak selesai lagi, jalan luar bandar tak selesai lagi. Tahu-tahu Mat Saleh botak ini boleh dapat bermilion-milion.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju, saya masuk bahagian sumber dahulu, sebelum itu saya akan pergi ke situ. Masalah sumber RM3 bilion ini, bukan kecil, di mana sumbernya?

Kita baca dalam akhbar, antara cara mendapatkan wang ini ialah melalui corporate exercise iaitu dari segi *exercise* satu syarikat itu disenaraikan dalam pasaran saham iaitu apungan atau pergi *for public listing* atau melalui penyusunan semula

through rights issue and bonus issue dan juga pembiayaan bank. Contohnya MRCB, pengambilalihan TV3, IPP, *New Straits Time, Berita Harian*.

Saya hendak bertanya adakah *exercise* ataupun pendekatan untuk menggunakan cara korporat ini juga digunakan melalui satu kaedah di mana ia melanggar peraturan, ini kadang-kadang syarikat itu tidak boleh hendak disenaraikan, tetapi melalui *arm twisting*, dengan izin, dibenarkan disenaraikan supaya dapat diberikan sumbangan kepada akaun yang RM3 bilion ini.

Saya dengar, kita tahu bahawa kalau cara biasa, syarikat-syarikat ini tidak mengikut syarat *listing*nya oleh kerana itu hanya dibenarkan disenaraikan bila ada *arm twisting* ataupun diarahkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu untuk menyumbang kepada harta, ada orang dalam surat khabar mengatakan ‘harta-harta karun’ ini.

Saya hendak bertanya kerana *exercise* ini untuk menggunakan *corporate exercise* ini, saya hendak bertanya sedikit tentang kedudukan TV3, MRCB sekarang ini, siapa punya MRCB, TV3, *Berita Harian, New Straits Times*, kita takut nanti maklumlah dalam syarikat ini ada TV3, dalam kumpulan MRCB ada *Berita Harian, New Straits Times* takut disalahgunakan. Kalau kumpulan-kumpulan ini salah gunakan nanti akan memberikan masalah kepada negara.

Dalam perkara ini, saya hendak bertanya dan juga minta kerajaan ambil tindakan, dua bank yang visible dalam *exercise* ini iaitu Phileo Allied Bank, Encik Thong dan satu lagi ialah bank yang dipunyai oleh seorang kaya *tycoon* yang bernama Kuek Lan Chan atau Hong Leong Bank.

Kita difahamkan, ini yang kita baca dalam akhbar, bahawa kedua-dua tokoh ini misalannya Thong ini, sebelum beliau tiba-tiba *overnight* sahaja muncul sebagai mempunyai sebuah bank, beliau ini hanya seorang pekerja di saham brokerage sahaja, bagaimana *overnight* mempunyai sebuah bank? Dan saya difahamkan bank yang dibeli ini ialah *UOB Singapore*, satu cawangan sahaja, tetapi *overnight* dia ambil alih ditukar nama Phileo Allied Bank dan diberi rangkaian ataupun cawangan-cawangan di seluruh negara kerana apa? Itu yang pertama.

Yang keduanya, begitu juga Kuek Lan Chang ini, kita sudah tahu selama 30 tahun atau 40 tahun sudah berniaga di Malaysia tak pernah ada bank, tiba-tiba dibenarkan ambil

bank MUI Bank ditukarkan nama Hong Leong Bank terus juga ada cawangan-cawangan di seluruh negara. Adakah ini satu kaedah *quid proquo*, dua bank inilah merupakan financier kepada RM3 bilion ini dan saya hendak bertanya siapa meluluskan kedua tokoh ini mengambil alih bank ini, siapa yang meluluskannya pada ketika itu?

Kalau ini diluluskan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, sudah jelas bahawa ada *quid proquo* antara dua, sebab kita tahu dalam akhbar, kenyataan Datuk Abdul Murad ini bahawa yang membiayai ataupun memberikan sumber kewangan untuk MRCB mengambil alih *New Straits Times, Berita Harian* ialah wang yang dibiayai oleh Kuek Lan Chang dan juga kita tahu master accounts ini banyak berada di Phileo Allied Bank. Saya minta supaya disiasat, kita tidak mahu nanti wang yang besar ini akan mengendalikan aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam keselamatan negara.

Kita juga mahu melihat dari segi ini *corporate exercise* yang lain ini, minta kerajaan siasat ataupun minta penjelasan dari Suruhanjaya Sekuriti adakah juga syarikat-syarikat yang telah diarah untuk diapungkan ataupun satu *corporate exercise* yang melanggar peraturan, yang tidak mengikut syarat dan peraturan, diarahkan supaya diluluskan dan syarikat-syarikat ini bila diluluskan, terus diberikan sumbangan kepada khazanah ini, wang yang RM3 bilion ini, sebab tidak mungkin wang ini tidak dapat dikumpul dengan hanya pendekatan biasa, mesti melalui *corporate exercise* yang besar dan mesti di bawahnya tokoh-tokoh yang besar seperti saya sebutkan tadi, mestilah ia dibantu secara sedarnya oleh Phileo Allied Bank, Mr. Thong dan juga satu pengusaha besar ialah Kuek Lan Chang melalui Phileo Allied Bank dan Hong Leong Bank.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh di sini tentang kawan kita yang Ahli Yang Berhormat bagi Yan sebutkan tadi, Douglas Paal. Saya baca sahaja: “*Presiden Asia Pacific Policy Centre (APPC), Douglas S. Paal didakwa menerima RM38 juta,*” Bukannya sedikit ini, Tuan Yang di-Pertua, “*dari akaun induk Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah kawan rapat bekas Timbalan Perdana Menteri sebelum dipecat dari Kabinet.*”

Yang anehnya, Tuan Yang di-Pertua, ditubuhkan Asia Pacific Policy Centre ini tetapi semuanya seminar yang dibuat keempat-empat kalinya dibuat di Malaysia sahaja, kalau benarlah pusat ini, pusat siasah ataupun kajian untuk merapatkan hubungan antara Barat dengan Asia Pasifik, mengapa keempat-empat seminar dibuat di Malaysia? Dan

semuanya dengan IKD! Institut Kajian Polisi ini di mana Saudara Kamaruddin yang sekarang menjadi ahli PAS, ha kita tahu sejarahnya, Ahli Yang Berhormat dari Tambun juga mengingatkan saya, dia kata, yang buat Linear City.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang sebenarnya pacific police centre ialah pusat yang bertopengkan 'think tank'. Tetapi yang sebenarnya ialah merancang untuk meningkatkan imej Timbalan Perdana Menteri. Sebab itulah kita sekarang tahu mengapa selalu *Wall Street Journal*, *Times Magazine*, *Newsweek*, *CNN*, *CNBC* sebab mereka ini yang mempunyai tauke-tauke. Mereka yang menguasai *Wall Street Journal*, *Times Magazine*, *Newsweek*, *CNN*, *CNBC* semuanya tinggal di New York dan Washington.

Tuan Haji Noh bin Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju supaya APPC ini disiasat kerana adakah betul ianya beribu pejabat di Washington? Apakah benar sekarang ini pejabatnya di Washington telah pun ditutup, tinggal kotak-kotak sahaja? Kalau ini benar, kita minta satu kenyataan dibuat bahawa APPC ini digunakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang sebenarnya APPC ia sudah buat satu kenyataan, dia kata memang dia dapatkan sumbangan wang daripada Timbalan Perdana Menteri. Tetapi dia kata tidak RM35 juta. Dia sudah menerima, dia kata tidak menolak bahawa dia tidak menerima. Dia mengaku menerima tetapi takut mengatakan besarlah. Bukan juga daripada tabung akaun – yang 'master account', dia kata terima juga daripada korporat-korporat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara ini, kita dengar – sebab itu kadang-kadang kalau kita ada dalam hubungan kita dengan kongres, selalu kongres ini mengambil satu dasar yang berkonfrantasi atau memarahkan kita – saya ingat dahulu satu jawatankuasa kecil kongres mengusulkan supaya Perdana Menteri kita meletakkan jawatan. Mungkin Ahli Yang Berhormat ingat, ya, dia sendiri buat kenyataan supaya Perdana Menteri kita

letak jawatan, dua tahun yang lalu. Sekarang kita tahu mengapa, siapa yang di belakangnya. Mereka yang mungkin mendraf resolusi ini supaya Perdana Menteri kita meletakkan jawatan mungkin kawan ini, Douglas Paal, ya. Orang kongres ini sibuk jugalah ke hulu, ke hilir partinya, main golfnya, mana sempat buat ini, dia yang tukang drafnya, saya rasa. Dia bentang tuntutan, yang baru-baru ini pula dia sendiri.

Pada Jun yang lalu, Douglas Paal dia sendiri, berani ya. Douglas Paal ini, dia pergi sebagai saksi berikan kenyataan kepada jawatankuasa kecil kongres mengenai Asia Pasifik dan Malaysia, dia mengesyorkan supaya dia kata jangan ada hubungan yang baik dengan Malaysia, hanya ada hubungan setakat hubungan 'sejuk', dia kata – macam nasi sejuklah.

Seorang Ahli: Dingin.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, dingin - hubungan yang dingin, jangan ada hubungan yang baik, janganlah hubungan yang baiklah. Dia kata supaya kekalkan hubungan yang dingin. Ini jelas bahawa peranan yang dimainkan oleh APPC ini sebagai imej mereka untuk menjaga nama Timbalan Perdana Menteri

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan

[Dato' Mohd. Noh bin Rajab]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bangun.

Dato' Mohd. Noh bin Rajab: Minta penjelasan. Yang Berhormat bagi Rompin, Yang Berhormat membawa fakta-fakta itu dengan membuat satu penganalisan yang pada kita terang bahawa kerja untuk hendak memburuk-burukkan negara, untuk hendak menjatuhkan kepimpinan Perdana Menteri adalah daripada unsur luar.

Dalam pemikiran Yang Berhormat, dengan penganalisan Yang Berhormat itu tadi, Yang Berhormat agak parti-parti pembangkang misalannya macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, faham tidak itu apabila dia menyokong supaya rakyat menjatuhkan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Dia adalah bekerjasama dengan anasir-anasir luar itu. Yang Berhormat ingat dia faham tidak itu? Cuba Yang Berhormat terangkan sedikit, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya ingat PAS faham, Yang Berhormat Kubang Kerian kadang-kadang faham, kadang-kadang tidak.

Seorang Ahli: Dia buat tidak faham.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dia buat tidak faham. Tetapi Yang Berhormat Kubang Kerian lain sedikit. Oleh kerana pilihan raya itu dia buat-buat tidak faham sebab agendanya untuk menang dalam pilihan raya.

Tadi Yang Berhormat Marang sendiri telah menyatakan, dia kata, mengapa Barat telah memaksakan bila Indonesia untuk menerima bantuan IMF daripada bank-bank dunia, Indonesia terpaksa korbankan Timor Timur, biarkan mereka itu keluar daripada Indonesia. Ini sebenarnya Indonesia untuk mendapatkan bantuan daripada IMF terpaksa korbankan salah satu wilayahnya. Ini Yang Berhormat Marang sendiri macam Barat. Maknanya kalau di Malaysia, mengapa tidak kalau misalnya untuk mendapatkan pinjaman bank dunia, untuk mendapatkan pinjaman daripada IMF, misalnya kalau bank dunia kata, okay, biarkan Kelantan itu – Perlis senanglah - Perlislah – kita biarkan Perlis itu merdeka, kita tidak boleh bersetuju. Tidak tahulah Yang Berhormat Kubang Kerian setuju atau tidak? Setuju?

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Saya

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau banyak bersetuju mari sebelah kita lagi senang.

Saya berbalik kembali, ini dalam kongres jelas. Orang Amerika ini tidak tahu sebenarnya Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, 80% daripada US kongres ini - ahli-ahli dewan kongres ini, tidak mempunyai pasport. Da tidak tahu Malaysia. Pada dirinya dunia itu bermula daripada California dan berakhir di New York. Yang menghantui mereka kononnya Malaysia itu tidak baguslah, tidak demokrasinya, orang yang menghasut mereka ini ialah Douglas Paal ini dan dibiayai oleh kita.....

Seorang Ahli: Kita?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kitalah di negara ini.

Dato' Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz: Betul bukan kita, bekas Timbalan Perdana Menteri.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yalah kita, di negara kitalah. Orang-orang inilah yang mengatakan kita tadi, dibiayai di negara ini kerana kepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga – kadang-kadang saya dahulu pun terkejut juga bila nampak bekas Timbalan Perdana Menteri pergi ke Pentagon dapat *red carpet*. Itu bukan senang-senang orang. Sudah kita tahu siapa yang mengaturnya. *[Menunjukkan gambar daripada surat khabar]* Inilah yang mengaturnya, Tuan Yang di-Pertua, Douglas Paal yang mengaturnya. Yang terakhirnya datang ke mari dengan bersikap kurang ajar, Tuan Yang di-Pertua. Kurang ajar datang ke mari mahu menuduh negara kita, mahu Perdana Menteri kita meletakkan jawatan., di dalam negara kita – dalam Majlis Makan Malam – dalam perjumpaan baru-baru ini APEC ini – kurang ajar - Al Gore. Siapa juga yang menyuruh - mesti ini, siapa lagi, si botak ini, Botak Al Gore ini.

Saya hendak baca latar belakangnya, siapa sebenar Douglas Paal ini, Tuan Yang di-Pertua. Beliau ini pernah menjadi Ahli Majlis Keselamatan Kebangsaan Amerika Syarikat daripada tahun 1989 hingga 1993. Majlis Keselamatan Kebangsaan (Security Council – NSC) ini satu jawatankuasa tertinggi di Amerika. Saya yakin dia ini CIA. Saya minta maaf. Saya tidak tahulah siapa guna CIA, CIA guna siapa ini, dalam isu ini, ya. Jelas, bermakna – jelas dalam perkara ini bahawa dalam isu ini seorang bekas pemimpin negara kita sanggup diri mereka dipergunakan asalkan ia sampai matlamat yang dia mahu kita semua tahu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh dalam isu ini, NGO pula ini. Saya difahamkan NGO juga *[Disampuk]*

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan daripada Yang Berhormat Rompin, yang saya rasa mengikut affidavit bersumpah yang dikeluarkan oleh Datuk Murad, selaku bekas Timbalan Gabenor Bank Negara ialah mengenai dengan watak seorang yang bernama Shamsidar yang kononnya bekerja dengan Allied Bank dengan bayaran begitu tinggi sekali RM15,000 sebulan. Saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat Rompin. Saya juga bekas seorang pegawai bank. Untuk mendapat gaji RM15,000 sebulan ini biasanya diberikan kepada kakitangan management yang kanan di dalam institusi bank itu. Jadi, apakah Shamsidar ini dapat RM15,000 ini kerana ada hubung kaitnya dengan cerita di

mahkamah – tompok-tompok ‘lembek’ yang dibawa ke mahkamah itu yang menyebabkan dia mendapat gaji begitu mahal? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Rompin.

Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Kes ini masih ada dalam mahkamah tetapi saya rasa tidak ramai orang yang tidak bersetuju dengan Yang Berhormat tentang perkara ini. Ramai yang bersetuju untuk dibiayai RM15 ribu ini mesti ada tugas. Tetapi dalam kenyataan oleh Datuk Murad dia kata dibayar gaji tetapi tidak pernah datang ke pejabat, diberikan driver, kereta, tetapi ada pejabat tidak pernah datang ke pejabat. So, apa dia khidmat yang dia beri kepada bank. Ini satu persoalan yang saya rasa kita semua boleh menjawab sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tentang NGO ini, patutlah kalau kita lihat Chandra Muzaffar ini amat beria benar sebagai Timbalan Presiden KeADILan sebab dia dapat RM5 juta di sini. Lepas itu ABIM sendiri yang beria mempertahankan ADIL dapat juga RM5 juta. Saya minta juga supaya kerajaan buat satu penyiasatan badan NGO mana lagi yang dapat wang daripada Master Account ini. Saya takut juga macam Tenaganita beria benar dia menghentam kita. Tenaganita yang NGO ini. Siasat di mana wang yang mereka dapat. Terutama sekali kepada NGO-NGO yang terlibat dengan aktiviti yang anti nasional, anti negara ini. Takut-takut nanti mereka ini kerana terhutang budi dengan wang yang mereka dapat ini mereka melaksanakan tindakan-tindakan yang anti negara anti kerajaan. Kubang Kerian, dia tidak dapat sebab tidak tahulah, Kubang Kerian tidak ada akaun ya, RM3 bilion belum dapat ya. Ada sikit sahaja dia kata, sebab itu dia marah sedikit sahaja. Ini kena siasat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang kedua mengenai NGO ini. Saya difahamkan di Kementerian Kewangan, ini Dato’ Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Chenderoh tolong check sikit kalau boleh. Difahamkan wang-wang peruntukan kepada NGO di Kementerian Kewangan ada wang-wang untuk diberi bantuan kepada NGO. Tetapi NGO yang diberi semasa beliau menjadi Menteri Kewangan pada NGO-NGO tertentu sahaja dan NGO-NGO ini menentang kita. Saya hendak tahu bagi nama-namanya. Banyak mana dia berikan wang ini yang dapat tetapi sekarang mengapa dia menentang kita. Adakah kerana terhutang budi kepada yang memberi dahulu dan

sanggup menentang kita sekarang ini. Minta supaya Dato' Timbalan Menteri ini pemimpin yang muda, yang umhh, handsome

Seorang Ahli: Jambu.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Jangan kata jambu bahaya itu. [*Ketawa*]. Ini saya ingat Dato' Timbalan Menteri boleh siasat, sebab saya bimbang takut nanti wang-wang ini yang diberi kepada mereka bila - sepatutnya wang itu diberi kepada NGO untuk membela kepentingan negara, bukan kepada peribadi. Kalau diberi untuk pembelaan kepada satu pergerakan belia dia beri untuk belia, bukan untuk peribadi. Kalau diberi kepada pergerakan tertentu dia beri untuk gerakan itu. Kepentingan untuk membantu itu, bukan kerana terhutang budi dia kepada seorang tokoh. Ini saya minta Dato' Timbalan Menteri menyiasat sedikit perkara ini dan memaklumkan kepada Dewan nanti. Saya mohon.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi tentang kawan saya sudah tidak ada- Jelutong ini. Mana Jelutong ini ? Ha, Jelutong. Jelutong ini, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada tidak mengapa, dia boleh baca dari *Hansard*. Dia ini tidak ada - Yang Berhormat Datuk daripada MCA, Ketua Pemuda eloklah Datuk tahu ini. Yang sebenarnya dia tidak ada langsung kekuatan grassroot. Dia bergantung kepada Tanjong semata-mata untuk kekuatannya. Dia ini sekarang umur sudah meningkat sedikit, Tuan Yang di-Pertua dia cuba hendak promote menaikkan anak dia iaitu Gorbing Singh dan Jagdeeg Singh yang sekarang ini sebagai peguam lepas itu menjadi calon DAP pada pilihan raya akan datang. Mana orang DAP seorang pun tidak ada, kalau ada sedap.

So, siapa yang mengata nepotisme ini? Siapa yang menuduh kronisme ini? Karpal Singh sendiri yang sebenarnya mempraktikkan nepotisme. Hendakkan anaknya dua orang mengambil alih tempat dia. Kepong tidak tahulah. Kepong, kalau dia baca nanti tidak tahulah sama ada dia bersetuju atau tidak. Bini dia. Kepong ini pula kalau dia tidak berhati-hati Tanjong akan singkir dia seperti yang disingkir kepada Seputeh yang bekerja siang malam untuk membantu Tanjong. Saya difahamkan isteri kepada Seputeh ini dia kata dia marah kepada suami, dia dia kata you ini kahwin dua orang, di rumah kahwin dengan saya di luar kahwin dengan Lim Kit Siang. Ini saya dengar orang dalam DAP beritahu. Dia punya rapat sampai isteri dia marah kepada dia. Betul Bayan Baru, betul ya? Bayan Baru dia angguk. Bermakna kalaulah Kepong tidak berhati-hati dia

mungkin akan dibuang oleh Tanjong sebab dia yang sebenar sekarang ini yang banyak menyokong Tanjong ialah orang macam Cheras tetapi Kepong ini dia sokong-sokong begitu sahaja mungkin dia akan keluar tidak lama lagi. Seruan saya kepada Kepong ini selamatkan diri keluar masuklah Barisan Nasional, MCA ada, Gerakan ada, kalau tidak mahupun MDP pun ada yang bekas-bekas geng-geng dia ini.

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat bagi Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih saya tertarik dengan Jelutong tetapi dia tidak ada. Tetapi bolehlah masuk rekod dia ini rajin baca Yang Berhormat. Harap-harap esok dia baca apa yang kita cakap ini. Saya berani mengatakan Jelutong ini dia ini peguam. Konon peguam yang hebat tetapi saya rasa dia pun tidak hebat, dia pun kena tipu juga. Jadi sama ada dia tidak ertikah ataupun sampai dia pun terpedayalah dengan kebijaksanaan pelakon kita Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sebab pada hari Selasa yang lepas bila saya tanya beliau berapa banyak wang guaman yang diambil daripada Dato' Seri Anwar Ibrahim, dia kata tidak ada. Satu sen pun dia tidak ambil. Ini kalau ada Jelutong. Jadi dia ini kita tengok peguam hebat. Pada orang susah dia diambilnya duit yuran guaman dia kenakan, kalau tidak mana boleh dia ada banglo, dia jadi kaya raya. Tetapi bila dengan orang kaya ini yang sekarang sudah ada beberapa milion dekat RM3 bilion kita hendak tanya dialah kalau dianya tidak ada. Apakah dia nanti akan tukar fikiran dia akan kenakan charge yang paling tinggi sekali di antara anak-anak guaman yang pernah dia bela. Sebab dulu dia tidak tahu, kasihan dia. Yang kena bohong ini semua bukan rakyat Malaysia kena bohong, peguam yang pandai pun kena bohong sampai tidak ambil satu sen pun. Jadi kalau dia tidak berani menuntut, kita cabar dia – dia tidak ada. Kalau dia tidak berani minta yuran guaman yang tinggi kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim ini jelas menunjukkan bahawa DAP ini yang mengamalkan dasar yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin. Sebab yang miskin dia ambil yuran guaman, yang kaya dia hendak bagi perkhidmatan percuma. Apa pandangan Yang Berhormat dasar DAP yang dia kata kita buat kaya bertambah kaya tetapi dia sebenarnya yang tidak tahu membela orang miskin tetapi memberikan kemudahan yang begitu banyak kepada orang yang sudah kaya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Setuju.

Tuan Haji Noh bin Omar: Minat sama ya?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minat sama. Jelutong sebenarnya dia tidak melawat kawasan dia. Dia tidak ada pusat khidmat wakil rakyat di kawasan Jelutong. Dia hanya lebih untuk mempraktikkan kerja sebagai peguam. Sebab itu kita difahamkan bahawa beliau ini ada dua banglo besar. Dua di Kuala Lumpur, satu di Pulau Pinang. Ini benar apa yang Yang Berhormat dari Tanjong Karang sebut tadi. Yang sebenarnya dia lebih minat untuk mengkayakan diri dia sebagai peguam. Tindakan dia untuk membela pengundi-pengundi. Dia tidak ada langsung usaha yang dibuat ke arah itu seperti yang saya kata tadi. Dia tidak balik ke kawasan dia, dia tidak ada pusat khidmat dia. Dia lebih mirip untuk memperjuangkan kerja-kerja sebagai peguam untuk menambah hartanya, rumah besarnya, menambahkan banglonya menambahkan hartanya.

Untuk Kubang Kerian, pada pilihan raya 1990 Karpal Singh mencaci agama Islam. Dia kata Islam over my dead body. Kubang Kerian angguk, setuju ya. Tetapi dia hanya minta maaf lapan-sembilan tahun kemudian. Dia meminta maaf sembilan tahun kemudian kerana apa, kerana dia sekarang mahu memikat pengundi-pengundi Melayu dalam keADILan dan dalam PAS. Ini sebenarnya Karpal yang sanggup untuk mencaci agama orang lain, inilah yang sebenarnya di bawah selindung topeng yang dikatakan seorang warganegara yang demokratik yang menghormati prinsip-prinsip demokrasi negara. Hanya cakap sahaja, cakap hin kadang-kadang buat lain. Cakap di sini lain, cakap di sana lain.

Saya minta kalau boleh Tanjong Karang tolong saya. Majlis Peguam dicabar bertindak ke atas Karpal Singh, Tuan Yang di-Pertua. Setiausaha Agung Parti Demokratik Rakyat Malaysia (MDP) Mr. Wee Chee Keong bekas Ahli Parlimen DAP Bukit Bintang, dia tahu, kita bukan tuduh, Datuk Timbalan Menteri, kalau kita tuduh dia kata ini Barisan Nasional, ini hendak meraih undi, ini dekat pilihan raya, ini bukan kita ini, orang kuat dia dahulu, Pengerusi Penerangan DAP dahulu, betul MCA? MCA kena tahu DAP ini, ini bukan kerja aku, ini kerja hang. Betulkan, Chief of Publicity, betul? Senai tahu dia jaga *Roket* dahulu. Dia kata sekali lagi Wee Chee Keong ini, Setiausaha MDP mencabar Majlis Peguam supaya mengambil tindakan ke atas peguam

bela Datuk Seri Anwar Ibrahim, Karpal Singh kerana didakwa melanggar Akta Profession Guaman (Peraturan) 1978.

Beliau berkata ini kerana Ahli Parlimen Jelutong itu pernah membuat kenyataan tentang salah laku seks Anwar secara terbuka tetapi kemudiannya mengambil keputusan untuk menjadi peguam bela kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Menurut Wee, siasatan ke atas Karpal juga perlu dijalankan kerana tindak tanduk beliau dikebelakangan ini telah mencemarkan imej perundangan negara. Majlis Peguam mesti mengambil tindakan ke atas Jelutong demi memelihara kesucian undang-undang di negara ini. Tanjong Karang ada pandangan? Tolonglah sedikit. Ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat, dia bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Saya memang sokong dakwaan itu, sebab itu dahulu, Jelutong ini bukan sahaja kenyataan terbuka dalam Dewan yang mulia ini, sebelum bekas Timbalan Perdana Menteri ini didakwa, saya masih ingat Yang Berhormat Menteri Kewangan pada masa itu menjadi Timbalan Perdana Menteri sampai bertengkar berdua, saya pun bertengkar dengan dia, sebab kita kata jangan ambil tindakan, sebab itu soal fitnah. Dia kata mana boleh fitnah, ini affidavit daripada Umi Hafilda, affidavit daripada Azizan. Dia bertengkar lama dengan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada masa itu.

Kemudian apabila kes ini kita siasat, kita ambil dia dan hari ini dia menjadi hero, dia pula menjadi peguam bela, tidak ambil yuran pula, satu sen pun tidak ambil. Inilah politik DAP dan balik kepada tadi, dan itulah sebab saya pernah cadangkan di Dewan yang mulia ini supaya mana-mana wakil rakyat yang mana menjadi peguam, Akta Profesion Guaman harus dipinda. Biar wakil rakyat hanya boleh menjadi *solicitor* sahaja, tidak boleh menjadi peguam bela, sebab kalau dia menjadi peguam bela ia melibatkan kes-kes politik macam ini dia mengambil kesempatan. Peguam bela Anwar Ibrahim tidak pernah masuk politik, Zainur Zakaria sudah masuk politik, Zulkifli Nordin sudah masuk politik, semuanya menumpang populariti kes-kes sensasi.

Jadi, saya ingin mengulangi supaya kerajaan mengkaji semula Akta Profesion Guaman supaya mana-mana wakil rakyat daripada UMNOkah, daripada Barisankah atau parti-parti pembangkang tidak boleh menjadi *advocate* tetapi hanya menjadi *solicitor*

sepertimana di London, kita asingkan, *solicitor* satu badan, *advocate* satu badan. Jadi, kita harap kalau ini boleh dibuat maka peguam yang tidak bertanggungjawab macam Jelutong ini tidak boleh mengambil kesempatan. Itu pandangan saya, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya setuju dengan pandangan Tanjong Karang, Majlis Peguam ini macam ada double standard, bila sesuatu perkara berlaku dalam negara, cepat sahaja atas dasar keadilan, justice.. Saya mintalah supaya Majlis Peguam, jangan hipokrit dalam perkara ini dan jangan ada double standard. Takut yang sebenarnya dalam Majlis Peguam ada geng-geng Jelutong, Majlis Peguam tidak ambil tindakan. Tidak tahulah, mungkin ada sesuatu yang ada rancangan konspirasi atau apa-apa understanding antara Karpal dengan Majlis Peguam sehinggakan takut kepada Jelutong, Majlis Peguam pula tidak mahu. Kalau macam itu saya cabar jawatankuasa suruh letak jawatan, kalau tidak mahu mengambil satu tindakan kepada Jelutong.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin menyentuh sedikit tentang Tanjong, Tanjong ini ia menuduh bahawa kroni tetapi dia pun ada kroni, kroni dia yang kuatnya sekarang ini ialah Bagan, Lim Hock Seng dan dan Cheras, Tan Kok Wai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan sebut nama ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta maaf, sebab sebagai Ketua Pemuda MCA elok juga Tuan Yang di-Pertua tahu siapa orangnya, pilihan raya esok kena jaga-jaga. Macam Senai, dia presiden, Ahli-ahli Parlimen MCA kena berhati-hati. Dia tuduh, dia kata kita ini kroni dan nepotisme dan dalam DAP sebenarnya ada. Ya, betul. Dia punya kroni baru-baru ini ialah Bagan. Cheras dan Telok Intan. Sebab itu kita katakan bahawa Kepong kena berhati-hati, kalau tidak nanti misalnya Bagan sendiri saya difahamkan dia ini dulu pernah bekerja di Negeri China.

Tuan Yang di-Pertua sebagai Ketua Pemuda mungkin tahu, oleh kerana sayangkan kepada kroni ini bawa balik dari negeri China supaya bertanding di Bagan. Ini betul, Tuan Yang di-Pertua, dia menuduh kita kroni, dia angkut dari negeri China bawa balik, yang dia tidak suka dia cartas, yang tidak suka dia potong seperti Seputih, sebab itu kita hendak beritahu kepada Kepong supaya berjaga-jaga.

Sekarang ini kerusi DAP di Wilayah ini, itu pun mungkin tidak tahulah berapa lama dia boleh pertahankan. Saya takut nanti Cheras pula akan mengambil alih sebagai Pengerusi DAP Wilayah. Kepong berhati-hati, nama terkepong nanti, sudah terkepong dalam kandang akan dipotong kepala dan akan bersara juga seperti Seputih nanti. Itulah kita kena beri pesanan kepada kawan kita Kepong ini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, ini juga standard peguam, ulasan saya sedikit tentang Tanjong ini. Selalunya ia juga tidak ethical, saya dimaklumkan dalam satu kes, Tanjong Karang seorang peguam, tolong bantu sayalah, ini Tanjong yang baik, itu Tanjong yang tidak baik, yang curang. Itu Tanjong curang dan ini Tanjong Karang, Tanjong yang baik, insya-Allah tidak ada masalah, saya dengar untuk pilihan raya no problem. Tapi masalahnya dia hendak pilih bagi Parlimen atau negeri, itu masalah dia.

Tuan Yang di-Pertua, kalau misalnya betul-betul seorang peguam itu peguam yang baik, peguam criminal yang baik, kalau dia hendak mempertahankan suatu kes seperti dadah, sudah semestinya sampel yang hendak digunakan itu atas nama orang itu, bukan atas nama orang lain. Dia menggunakan satu sampel atas nama 'Subramanian' tetapi menggunakan sample itu menuduh kerajaan, menuduh pemimpin negara kononnya hendak meracunkan Timbalan Perdana Menteri. Sampel itu bukan sampel Datuk Seri Anwar, sampel Subramanian. Ini macam cerita dongeng India, menghina yang besar, sebab itu juga ini *unethical* juga.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, satu kaedah sebagai Jelutong demi justified the end,. apa jua, asalkan dia dapat mileage politik dia dan menggunakan apa jua, dikorbankan juga *etiquette* guaman dia untuk mendapatkan mileage politik dia. Saya minta juga supaya Majlis Peguam mengambil tindakan kepada Jelutong, kalau tidak bermakna Majlis Peguam bersekongkol dengan Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sambung esok, hari sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung besok.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Kalau ada lagi yang hendak berucap.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ir. Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang

Okt. 1999

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

- “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan Pertama, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Haji Mustapa bin Mohamed, S.I.M.P., D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Panglima Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.C.M., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohamad Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ir. Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K, A.S.D.K., P.J.N. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.D.K., P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., J.P., P.J.C., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M., D.M.P.N., D.S.A.P. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Haji Mohamed Nazri bin Tan Sri Abd. Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Haji Idris bin Jusoh, D.P.M.T., P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.D.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria P.J.K. (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato’ Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timur)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)

- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)

- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Ir. Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Ir. Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., J.P., A.S.A., P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paulis Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Hajah Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- Yang Berhormat Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)

- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Meringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah Riduan bin Rahmat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Noor Effarizan binti Mat Satib Nurziana binti Ismail Azita binti Naw Nik Elyana binti Ahyat Taharah binti Mohamed Jamilah Intan binti Haji Bohari
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Haji Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
--------------------	---	---

PARLIMEN KESEMBILAN**PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KETIGA**

Jilid V	Bil. 40	Isnin	1 November 1999
----------------	----------------	--------------	------------------------

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

(Ruangan 25)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

(Ruangan 25)